Keingkaran Menempah Ancaman

RIBA dan ISU KEWANGAN SEMASA

Panduan Pengurusan Kewangan Mengikut Syariah

ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

ISI KANDUNGAN

BAB 2 ISU-ISU KEWANGAN SEMASA

KATA PENERBIT

MENGAPAKAH RIBA DIHARAMKAN?

Alhamdulillah, syukur dan segala puji hanya bagi Allah. Selawat dan salam ke atas junjungan dan dimuliakan, Nabi Muhammad SAW – yang menunjukkan jalan kebenaran dengan jelas lagi nyata berpandukan wahyu yang diturunkan.

Syukur ke hadrat Allah SWT yang memperkenankan usaha kami untuk menerbitkan buku berkenaan riba – buku yang memperingatkan tentang ancaman riba terhadap Muslim sarwajagat.

Umum telah pun mengetahui bahawa agama Islam amat tegas dalam amalan riba – iaitu amalan yang keji dan tergolong sebagai salah satu dosa besar. Dari segi bahasa sendiri digambarkan bahawa riba membawa maksud tambahan atau kenaikan, dan diperjelaskan dalam istilah riba iaitu bunga berganda yang membebankan.

Riba muncul dan bermaharajalela sejak zaman jahiliah lagi, yang mana ia jelas menunjukkan penindasan terhadap orang yang berharap dan orang yang miskin. Istilahnya – "membantu kemudian membunuh". Apabila Islam muncul, riba dikeji dan diperangi habis-habisan. Amalan riba diharamkan kerana tiada keadilan kepada orang yang memerlukan dan perlakuan riba itu adalah perbuatan zalim yang melampau. Kini, di akhir zaman, riba muncul semula tetapi dalam situasi yang berhemah. Simboliknya – mengikut kemampuan semasa.

Klasifikasi Riba

Riba zaman jahiliah diklasifikasikan kepada dua jenis:

1. Riba *Nasi'ah* – Riba ini berlaku apabila seseorang penjual menaikkan harga barang setelah pembeli gagal membayar pada tempoh yang ditetapkan.
2. Riba *Fadhl* – Riba ini terjadi apabila seseorang penjual menjual sesuatu barangan yang sejenis dengannya disusuli dengan tambahan, seperti menjual gandum dengan gandum, mata wang dengan mata wang dan lain-lain.

Telah jelas kedua-duanya haram kerana:

Pertama: Berlakunya penindasan kepada satu pihak.

Kedua: Kualiti barang tidak sama – walaupun kedua-dua jenis ini telah dipersetujui oleh penjual dan pembeli.

Riba Moden

Sistem Perbankan – Sistem kewangan pada masa kini yang dikenal pasti paling banyak menjalankan urusan riba ialah seperti pinjaman perumahan, sewa beli kenderaan, pinjaman wang, pinjaman pelajaran dan lain-lain. Riba atau dipanggil **faedah** yang dikenakan ke atas peminjam adalah tinggi, malah jika terlewat membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan maka faedah dengan sendirinya akan dinaikkan.

Insurans – Lazimnya ia adalah pembayaran pampasan kepada pemegang polisi yang akan digunakan melalui tabungan insurans yang kebanyakannya dilaburkan dalam instrumen kewangan seperti bon dan juga saham. Ini melibatkan syarikat-syarikat yang berurus niaga dengan kegiatan sistem perbankan konvensional yang jelas mempunyai faedah yang tertentu.

Apakah larangan riba dipandang serius? Mengikut kajian Cyril Glasse dalam buku ensiklopedianya bahawa tidak ada mana-mana negara Islam moden yang mengamalkan hukum larangan riba sepenuhnya.

Begitu juga dalam dunia barat, pandangan cerdik pandai teologi mereka mengatakan riba adalah kemusnahan, malah cendekiawan klasik Aristotle suatu masa dahulu pernah mencadangkan untuk mengharamkan riba. Ini disebabkan riba dianggap sesuatu gejala yang tidak sihat. Namun kata-kata itu bagaikan angin mendesir yang hanya tersepoi lalu di pendengaran mereka sahaja.

Apa pun alasan dan penjelasan, riba disenarai ertikan sifatnya adalah haram dalam lingkungan syariat Islam.

Bagaimana untuk menghindari syubhah riba yang tidak nampak oleh mata kasar?

Maka kami tidak teragak-agak untuk menerbitkan buku ilmiah ini yang menerangkan bagaimana untuk mengetahui sesuatu amalan itu dikategorikan sebagai riba dan soal jawab berkenaan dengannya. Juga, menerangkan sistem perbankan yang terhindar daripada riba seperti:

- Mudharabah (perkongsian keuntungan)
- Wadiah (simpanan amanah)
- Musyarakah (usaha sama)
- Murabahan (kos tambahan)
- Ijarah (pajakan)

Sama-sama kita memperoleh manfaat daripada buku ini dan istiqamah kepada perkara-perkara yang baik dengan izin Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Selamat membaca.

Penerbit

TELAGA BIRU SDN BHD

PENGENALAN RIBA

BAB 1

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama memberikan pendedahan asas berkaitan riba, manakala bahagian kedua memberikan fokus kepada isu-isu semasa berkaitan riba.

BAHAGIAN 1 Pendedahan Asas Berkaitan Riba

Definisi Riba

Riba dari sudut bahasa adalah **pertambahan** dan **peningkatan**[1]. Manakala pengertiannya dari sudut istilah tidak disepakati dan mempunyai kepelbagaian pandangan berdasarkan kefahaman dan hujah masing-masing.

Namun demikian, pengertian riba yang paling lengkap dan tepat (*jami'* dan *mani'*) menurut kajian saya ialah seperti takrifan berikut:

الزِّيَادَةُ فِي أَشْيَاءَ خَاصَّةٍ وَالزِّيَادَةُ عَلَى الدَّيْنِ مُقَابِلَ الأَجَلِ مُطْلَقًا

Maksudnya: *"Sebarang tambahan dalam item-item tertentu (ribawi) dan tambahan ke atas hutang akibat tempoh."* [2]

Ia merangkumi riba yang terhasil daripada jual beli barangan *ribawi* dan juga merangkumi riba yang terhasil daripada hutang.

1 *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Ibn Faris 2/483.

2 *Al-Riba wal Mu'amalat al-Ribawiyyah*, Dr. Umar Abd. Aziz al-Matrak, Dar al-'Asimah, cet. 3, Riyadh, 1418H, hlm. 43; *Maqasid Al-Shariah Fi Ahkam al-Buyu'*, Zaharuddin Abd Rahman, cet. IIUM, 2009, hlm. 150.

Hikmah di Sebalik Pengharaman Riba

Pengharaman riba termasuk di dalam **kategori urusan muamalat sesama manusia**. Menurut kebiasaannya, akal manusia mampu untuk mencari dan melihat sesuatu hikmah di sebalik sebarang hukum yang bersangkut paut dengan urusan muamalat. Untuk melihat serba ringkas hikmah dan objektif di sebalik pengharaman riba, saya cuba sertakan beberapa perkara yang dikira mampu menambah kefahaman kita terhadap keburukan riba. Antara lainnya adalah:

i Kemudaratan akhlak dan sikap

Islam menganjurkan umatnya untuk menjadi satu umat contoh yang bekerjasama serta bantu-membantu atas dasar kasih sayang dan akhlak mulia. Islam turut menyebut peri pentingnya kasih sayang di antara sesama Muslim sehingga ditegaskan oleh Baginda Nabi SAW sebagai tidak sempurna iman seseorang selagi dia belum mengasihi Muslim yang lain sebagaimana dirinya. Tatkala itu, amalan riba bercanggah dengan objektif ini. Malah ia akan meruntuhkan perasaan belas kasihan dan menyuburkan perasaan cinta harta yang keterlaluan. Ini dapat dilihat apabila seorang peminta riba akan menekan saudaranya dengan jumlah faedah atau riba atas segala pinjaman atau kelewatan pembayaran semula hutang.

Jika tabiat ini dibudayakan, tentu ia akan membiakkan sikap tamak di kalangan pemilik harta dan terus menerus menindas golongan yang memerlukan.

ii Mengeksploitasi kesusahan pelanggan dan individu yang memerlukan

Tidak ditentukan sama ada pemberi pinjaman itu adalah sebuah bank atau individu, mereka didapati mengekploitasi kesesakan dan kesusahan pelanggannya atau sesiapa yang memerlukan. Sebagai contoh sebenar riba dalam konteks ini; di atas permintaan pinjaman oleh seorang rakan untuk kegunaan peribadi, individu A memberi pinjaman sebanyak RM100,000 kepada saudara B. Dan sebagai imbalan balik, A menetapkan bunga, faedah atau *interest* sebanyak 8% (bersamaan RM8,000 sebagai contoh) daripada jumlah pinjaman itu sebagai balasan kerana memberikan wang yang diperlukan.

Lapan peratus itulah yang dinamakan riba al-Duyun jenis al-Qard. Ulama menyepakati jenis pulangan seperti ini adalah riba.[3]

Jumlah faedah yang dicampur dengan jumlah pokok pinjaman akan dibahagi mengikut bulan. Menurut hukum Islam, jumlah RM8,000 yang diperolehi ini adalah hasil yang haram. Pelanggan yang memberi RM8,000 tadi juga dikira bersubahat dan terlibat secara langsung dengan riba. Nabi menyebut:

الآخِذُ وَالْمُعْطِي سَوَاءٌ

Maksudnya: *"Individu yang memberi (riba) dan yang mengambilnya adalah sama."*[4]

Pendapatan RM8,000 itu sebenarnya diterima hasil daripada mengeksploitasikan kesusahan pelanggan, iaitu hanya pelanggan yang mempunyai desakan kewangan akan pergi ke bank untuk mendapatkan pinjaman bagi mengatasi masalah kewangannya. Tetapi dalam keadaan kewangan yang terdesak, pihak bank pula mengenakan bayaran faedah atas pinjaman yang diberikan.

Inilah yang dikatakan riba itu menekan dan menindas. Ini boleh dilihat kepada apa yang bank-bank konvensional praktiskan apabila pelanggan gagal membayar bayaran bulanan yang ditetapkan oleh pihak bank. Ketika itu, peminjam dikehendaki membayar penalti pula. Penalti ini bersifat *compounding* (iaitu akan dimasukkan di dalam modal pinjaman dan berganda faedahnya). **Ia adalah riba yang amat menindas.**

iii Menyuburkan sikap malas bekerja dan kurang dinamik

Riba juga melahirkan sikap malas bekerja dengan mencari keuntungan secara jual beli yang boleh memberi manfaat kepada ekonomi negara. Mereka hanya berfikir untuk mencari untung secara mudah, iaitu dengan memberi pinjaman serta mengenakan faedah. Islam tidak menerima konsep untung tanpa bekerja keras.

3 *Fawaid al-Bunuk Hiya al-Riba al-Haram*, al-Qaradawi, Muassasah al-Risalah, hlm. 44.

4 Riwayat Ahmad no.11635.

الغُنْمُ بِالغُرْمِ

Maksudnya: *"Perolehan keuntungan adalah dengan menghadapi risiko."* [5]

Dan juga hadis:

الخَرَاجُ بِالضَّمَانِ

Maksudnya: *"(Bagi mendapatkan) keuntungan (hasil pelaburan) mesti dengan menghadapi risiko (dan jaminan barang yang dijual adalah selamat – bermakna tiada untung tetap dijanjikan)."* [6]

Risiko bukanlah sesuatu yang menjadi objektif dalam Islam kerana ia tidak mempunyai sebarang nilai yang diingini. Apa yang penting dan yang diinginkan adalah keadilan hasil transaksi yang disasarkan.

Dr. Muhammad al-Zuhayli menyebut: "Individu yang menanggung kos dan risiko kerugian, maka (adalah) mereka yang layak mendapat manfaat atau keuntungan apabila ada." [7]

Atas sebab itu, para ulama Islam membahagikan risiko kepada dua jenis:

- risiko yang **diharuskan**
- risiko yang **diharamkan**

Risiko yang diharamkan pada kebiasaan mempunyai dua ciri berikut:

Risiko yang terlalu besar

Iaitu satu aktiviti kewangan yang kebarangkalian kejayaannya amat kecil berbanding kegagalan dan kerugian. Sebagai contoh, adalah dengan menyertai aktiviti perjudian. Peratusan kejayaan menurut kebiasaannya adalah 1% sahaja berbanding kegagalan sebanyak 99%.

5 *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, al-Nadawi, Dar al-Qalam, hlm. 343.

6 Dirakamkan oleh al-Syafi'i, Ahmad, Ibn Hibban, Abu Daud: no. 3508; *al-Suyuti & Albani: "Hasan"*.

7 *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, al-Zuhayli, hlm. 494.

Risiko yang disengajakan

Ia bukanlah sesuatu yang dicari tetapi sesuatu yang diperlukan bagi menambah nilai sesebuah aset yang menjadi bahan pembelian atau pelaburan. Contoh risiko yang disengajakan adalah aktiviti spekulasi, sehingga golongan ini digelar sebagai pencinta risiko demi mendapat keuntungan.

Manakala risiko yang tergolong di dalam kategori harus adalah risiko yang tidak boleh dilupuskan atau dipindahkan di dalam sesebuah transaksi. Jika tidak, ia akan mencemarkan keadilan kepada pihak yang berurusan. Sebagai contoh:

Dalam kontrak pelaburan

Apabila En. Ahmad melaburkan wangnya sebanyak RM1 juta kepada sebuah syarikat perumahan, En. Ahmad tidak boleh melarikan diri daripada risiko dengan mendesak pihak pengusaha syarikat itu untuk memberikan satu perjanjian jaminan modal (*capital guarantee*), atau lebih teruk daripada itu ialah janji jaminan keuntungan (*profit guarantee*).

Ini kerana, tindakan memindahkan segala beban risiko kepada pengusaha semata-mata adalah bercanggah dengan objektif dan hukum syariah. Atas sebab itu, seluruh ulama empat mazhab dan Kesatuan Fikah Antarabangsa serta Majlis Syariah Badan Perakaunan dan kewangan Islam dunia merumuskan, sebarang tindakan dan syarat seperti ini adalah haram. **Lihat dan fahami, bukan risiko yang menjadi sasaran tetapi adalah keadilan di dalam sesebuah kontrak.**

Dalam kontrak jualan

En. Musa menjual sebuah komputer kepada En. Abd Halim. Tetapi apabila komputer itu dibawa pulang oleh pembeli, dia mendapati terdapat aib atau kerosakan asal pada komputer tersebut. Tatkala itu, Islam memperuntukkan *khiyar* aib (pertukaran disebabkan aib pada aset jualan), dengan syarat kerosakan itu bukanlah disebabkan oleh pembeli. Dalam konteks ini, sebagai penjual, En. Musa dikehendaki bersedia menghadapi risiko kerosakan asal aset yang dijualnya, kecuali jika telah diberitahu sejak dari awal dan tetap dipersetujui oleh pembeli. Ketika itu pembeli tidak lagi berhak untuk meminta tukar. Namun jika

dalam kes aib yang disembunyikan atau tidak diketahui oleh penjual, maka penjual mestilah bertanggungjawab di atas aib itu. Tindakan selanjutnya ialah:

Sama ada penjual membaikinya tanpa kos, atau menggantikan dengan komputer lain yang mempunyai nilai dan spesifikasi yang sama, atau membatalkan jual beli dan memulangkan kembali wang pembeli.

Atas tanggungjawab (*liability*) untuk risiko sebegini, Islam melihatnya sebagai sebab mengapa si pembeli berhak menerima keuntungan. Jelas dalam konteks ini, risiko bukanlah *target* tetapi diperlukan bagi memastikan keadilan dipenuhi.

Justeru itu, sebarang pelaburan dengan jaminan pulangan adalah bertentangan dengan kaedah di atas tadi. Pelaburan yang mempunyai elemen seperti ini sebenarnya adalah pinjaman berserta riba. Jaminan pulangan ini menjadikan ia berteraskan konsep pinjaman wang dengan faedah (*interest*) yang dijamin. **Ia adalah haram**.

Setiap sesuatu diperlukan untuk menanggung beberapa jenis risiko kerugian bagi memperolehi keuntungan yang halal. Semua pihak akan berusaha meningkatkan tahap profesional dan kepakaran masing-masing. Hasilnya setiap individu akan mula menyumbang kerja yang baik dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti ekonomi secara umum. Dengan itu pula, ia bakal menambahkan lagi peluang kerja dan mengurangkan jumlah pengangguran.

iv Kesan kemasyarakatan

Riba juga turut menambahkan lagi kesan buruk akibat jurang perbezaan di antara si kaya dan si miskin. Mereka yang kaya akan terus bertambah kaya melalui cara penindasan dan tekanan kepada yang miskin. Manakala mereka yang miskin pula bertungkus-lumus membuat pinjaman untuk terus hidup dan melunaskan tuntutan asas.

Akhirnya yang kaya akan terus bertambah kaya tanpa memberikan banyak nilai pertumbuhan ekonomi sebenar kepada sesebuah negara, dan yang miskin akan terus bertambah miskin.

Ia pasti tidak akan tamat di situ sahaja malah terdapat kemungkinan jumlah jenayah curi dan rompak akan meningkat. Hubungan yang kaya dan miskin juga turut menjadi semakin renggang, hingga di satu peringkat membenihkan permusuhan dan dendam. [8]

---

8 *'Uyub al-Riba fi Zilal al-Quran*, Sayyid Qutb, dipetik daripada *al-Riba wal Mu'amalat al-Masrafiyyah*, hlm. 172.

Perbezaan Riba dan Jual Beli

Sejak zaman Baginda Nabi SAW lagi, golongan kafir Quraisy dan munafik mempertikaikan perbezaan di antara riba dan jual beli. Oleh yang demikian, tidak hairan jika terdapat individu pada zaman moden yang turut berfikiran seperti golongan jahiliah. Pertikaian mereka direkodkan oleh Allah SWT sebagaimana berikut:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ۗ

Maksudnya: *"Disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba."*[9]

Menelusuri penulisan dan keterangan para ulama, pertikaian ini timbul disebabkan hal berikut:

i. Jika sekiranya riba itu **haram**, maka tentulah jual beli juga menjadi haram. Ini kerana jual beli juga turut menghasilkan sesuatu yang lebih, iaitu modal berbanding dan margin keuntungan. Manakala bagi riba pula ialah pokok pinjaman dan kadar bunganya.[10]

ii. Jika sekiranya jual beli itu **halal**, pastilah riba juga wajar menjadi halal, bahkan riba itu lebih jelas berbanding jual beli hingga jual beli dengan riba disamakan dan bukan sebaliknya. Al-Tabari mengatakan inilah tahap yang teruk dan melampaui mereka. Sebenarnya mereka sengaja menyamakan riba dengan jual beli.[11]

iii. Riba juga menyamai jual beli secara *muajjal* (bayaran tangguh), iaitu apabila dijual satu barang dengan harga tunai sebanyak RM100, akan menjadi sebanyak RM150 jika bayaran bertangguh.[12] Pertikaian ini juga diterima oleh Rashid Redha di dalam tafsirnya sehingga ia menghalalkan pertambahan bagi kedua-dua pinjaman kewangan dan juga jual beli. Hasilnya, faedah bank bagi simpanan wang di bank-bank konvensional dianggap halal, pandangan ini juga dikongsi oleh Syeikh Abd. Wahhab Khallaf dan beberapa yang lain.[13] Mereka menjadikan keharusan kenaikan harga pada kontrak jual beli bertangguh sebagai hujah dan asas keharusan.

---

9 Surah al-Baqarah 2: 275.

10 *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*, Muhammad az-Zarkasyi (tahqiq Ibrahim Abu al-Fadhl), Dar al-Makrifat, Beirut, jil. 3, hlm. 427.

11 *Jami'ul Bayan*, Muhammad bin Jarir al-Tabari, 3/82

12 *Mafatihul Ghayb*, al-Razi, hlm. 76; Tafsir al-Manar, Rasyid Redha, 3/107.

13 *Majallah Liwa al-Islam*, Abd Wahab Khallaf, Rejab 1370H (1951).

Melihat beberapa jawapan ulama silam, kita akan dapati bahawa al-Qaffal al-Syafi'i telah berjaya menerangkan perbezaan di antara jual beli dan riba dengan baik, beliau berkata[14]:

Jual beli: Apabila seorang penjual mengeluarkan modal sebanyak 10 dirham (dirham sebagai contoh) untuk sehelai pakaian dan kemudian menjualnya dengan harga 20 dirham. Maka penjual itu memperolehi keuntungan sebanyak 10 dirham iaitu sekali ganda daripada modal. Oleh itu, sekiranya diperolehi dengan rela daripada kedua-dua belah pihak penjual dan pembeli, akan termeterai kontrak pertukaran pemilikan harta (pada wang dan pakaian) di antara kedua-duanya. Kedua-dua pihak tidak mengambil milik yang lain tanpa balasan material.

Pinjaman dengan faedah: Jika seseorang memberi pinjaman sebanyak sepuluh dirham dan kemudian mengambil keuntungan melebihi daripada nilai tersebut tanpa sebarang pertukaran milik harta (seperti baju dalam kes jual beli di atas), maka apakah sebab yang membolehkan pemberi pinjaman itu untuk mengambil lebih daripada apa yang diberi?

Kita tidak boleh mengatakan penangguhan pulangan untuk sesuatu tempoh itu sebagai harta, kerana penangguhan adalah bukan sesuatu harta yang mempunyai nilaian tersendiri. Atas sebab itu, tiada sebab untuk pemberi pinjaman mendapat lebihan sebanyak 10 dirham tadi.

Itu adalah perbezaan antara jual beli yang berasaskan aset berbanding pinjaman riba yang tidak didasari aset.

Selain al-Qaffal, Fakhruddin al-Razi dan al-Baidawi turut memberikan penjelasan tambahan:

Jual beli: Seseorang menjual satu aset yang bermodalkan dengan nilai 10 dinar, kemudian dia menjualnya dengan nilai 11 dinar. Di sini dia telah memberi peluang dan kemudahan kepada pembeli akan hasil aset itu sama ada untuk dirinya atau untuk diniagakan. Atas sebab itu, penjual berhak untuk mendapat bayaran melebihi modal daripada satu nilai kebaikan pada aset yang dijual. Itu juga adalah sumber untuk memperoleh keuntungan halal serta sesuatu harta di dalam sebuah masyarakat.

14 *Mafatihul Ghayb*, Muhammad bin Umar al-Razi, Dar Kutub Ilmiah, Beirut, 2005, hlm. 3/277.

Pinjaman: Seseorang peminjam yang membayar lebih atas pinjamannya, tidak beroleh sebarang manfaat kecuali hanya berpeluang memanfaatkan wang pinjaman yang diperolehinya. Walaupun dia boleh berniaga menggunakan wang tersebut sebagai modal, lalu mendapat keuntungan, namun ia tidak dapat lari daripada proses jual beli aset dan barang.

Mungkin ada yang mengatakan si peminjam boleh mendapat keuntungan dengan cara memberi pinjam kepada individu lain dengan riba. Jika begitulah cara untuk mendapatkan keuntungan, cuba bayangkan kesan yang akan berlaku kepada masyarakat.

Pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara pasti sukar disebabkan tiada proses jual beli berdasarkan "real" asset atau barangan sebenar. Atas sebab itu, jual beli amat berbeza dengan pinjaman yang mempunyai riba.

Ibn Asyur pula menambah, apabila dia menegaskan perbezaan juga boleh dilihat daripada keadaan diri peminjam dan pembeli. Kebiasaannya, seorang pembeli adalah golongan yang mempunyai wang dan berhajat kepada sesuatu barangan. Manakala peminjam biasanya akan menggunakan wang pinjaman untuk keperluan dirinya. Justeru, mengambil keuntungan atas pemberian pinjaman tiada lain kecuali menambah tekanan kepada golongan miskin, justeru ia diharamkan dan ia tentunya berbeza dengan keadaan jual beli.[15]

Namun begitu, hujah yang dikemukakan oleh Ibn Asyur mungkin sukar diterima oleh keadaan perniagaan masa kini. Di mana menyaksikan begitu ramai usahawan besar dan kecil meminjam untuk perniagaan mereka. Justeru, saya kira hujah yang dikemukan oleh al-Qaffal, al-Razi dan al-Baidhawi sudah cukup jelas memberikan letak duduk perbezaan yang sebenar serta menolak dakwaan puak musuh Islam pada zaman Nabi SAW.

15 *Al-Tahrir wa al-Tanwir*, Tohir Ibn Asyur, Dar Suhnun, 3/85.

Kesimpulannya, perbezaan di antara kedua-duanya adalah:

Pinjaman Riba	Jual Beli
Pertukaran antara jenis yang sama iaitu mata wang dengan mata wang.	**Pertukaran di antara dua jenis yang berbeza, iaitu aset dengan mata wang.**
Pinjaman adalah kontrak belas ihsan (*irfaq*).	**Jual beli adalah kontrak perniagaan pertukaran harta.**
Pulangannya tetap.	**Pulangannya tidak tetap.**
Pinjaman adalah sebuah aktiviti yang berasingan daripada pertumbuhan sebenar.	**Aktiviti jual beli berkaitan dengan perniagaan aset sebenar.**
Keuntungan diperolehi hasil daripada tempoh penangguhan yang diberi.	**Keuntungan diperolehi daripada hasil barang yang dijual dan manfaatnya.**

Atas sebab itulah Allah SWT menolak dakwaan penyerupaan di antara jual beli dan riba dengan firman-Nya yang jelas:

Maksudnya: *"Dan dihalalkan jual beli dan diharamkan riba."*[16]

Jenis Riba

Ulama mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali membahagikan riba kepada dua (2) jenis iaitu:
a) Riba *al-Fadhl*.
b) Riba *al-Nasi'ah*.

Manakala mazhab Syafi'i membahagikan riba kepada tiga jenis iaitu:
a) Riba *al-Fadhl*.
b) Riba *al-Nasi'ah*.
c) Riba *al-Yad*.[17]

16 Surah al-Baqarah 2: 275.

17 Riba *al-Yad* bererti jual beli dengan penangguhan serahan bagi kedua-dua barang dan harga, atau salah satu di antara kedua-duanya dalam item *ribawi* (*Mughni al-Muhtaj*, al-Syarbini, 2/23). Riba jenis ini termasuk dalam takrifan riba *al-Nasi'ah* dalam kategori yang diberikan oleh majoriti ulama.

Bagaimanapun, pembahagian yang lebih menyeluruh dan mudah untuk difahami adalah seperti rajah berikut berserta keterangannya [18] :

Riba *al-Duyun* (Pinjam dan hutang)		**Riba *Buyu'* (Jual beli item ribawi)**	
Qard	**Jahiliah**	***Fadhl***	***Nasi'ah***
Wang - Wang	**Lewat Memulangkan Hutang**	**Pertukaran Item Sejenis Tidak Sekata**	**Pertukaran Item Sejenis Bertangguh**
Wang – Manfaat	**Lewat Memulangkan Pinjaman**		**Item Sekategori Bertangguh**
Manfaat - Manfaat			
Hadiah – Hadiah			

Rajah: Beberapa jenis riba utama

i Riba *al-Duyun* (muncul daripada hutang dan pinjaman)

Riba jenis ini melihat kepada kadar lebihan faedah (riba) yang terhasil disebabkan tempoh, sama ada tempoh pemberian pinjaman mata wang atau manfaat sesuatu aset.

Riba jenis ini bergantung kukuh kepada hadis berikut:

كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فَهُوَ الرِّبَا

Maksudnya: *"Setiap pinjaman yang membawa kepada manfaat (bagi pemberi pinjam) maka ia adalah riba."* [19]

Walaupun terdapat pertikaian berkenaan tahap ketulenan hadis ini, kandungan hadis tersebut telah menjadi satu kesepakatan atau ijmak di kalangan para ulama.

18 *Muamalat al-Bunuk min Manzur Islami*, Dr. Abd. Fatah Idris, hlm. 6; *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah*, Dr. Nazzih Hammad, hlm. 140; Tahrim al-Riba wa Tanzim Iqtisadi, Syeikh Muhammad Abu Zahrah, hlm. 35.

19 *Naylul Awtar*, al-Syawkani, 5/232; *Nasb al-Rayah*, al-Zayla'ie, 4/60; Ramai yang menyebut ia adalah hadis Nabi, tetapi selepas dianalisa, terdapat laporan daripada War bin Mus'ab yang lemah dan dianggap *"matruk"*. Bagaimanapun makna yang terkandung di dalamnya disepakati penerimaannya di kalangan ulama kerana disokong oleh pelbagai dalil lain.

Hadis itu mungkin boleh disalah faham ertinya jika hanya dilihat kepada teksnya sahaja. Ini kerana jika setiap pinjaman yang membawa manfaat itu riba, maka semua jenis pemberian pinjaman adalah haram dan riba. Kerana setiap pinjaman walaupun tanpa faedah atau tambahan, akan memberikan manfaat buat peminjam. Ia juga memberikan manfaat kepada pemberi pinjaman dari sudut pahala dan kebaikan di akhirat. Namun, itu bukanlah kefahaman yang tepat kerana berdasarkan pelbagai nas dan *athar* sahabat yang lain [20], manfaat yang dimaksudkan ialah:

- Terhad kepada manfaat material dan bukan spiritual seperti pahala.
- Ia akan memanfaatkan apa yang diperolehi oleh pemberi pinjaman dan bukan peminjam. Justeru jika pemberi pinjaman menerima pujian dan berterima kasih atas kebaikannya, maka ia tidak termasuk di dalam manfaat yang haram.
- Ia juga merujuk kepada sesuatu manfaat material yang disyaratkan. Justeru, manfaat yang tidak disyaratkan adalah terkeluar daripada konteks hadis. Al-Syawkani berkata:

  إِذَا كَانَتْ الزِّيَادَةُ مَشْرُوطَةً فِي العَقْدِ فَتَحْرُمُ اتِّفَاقًا

  Maksudnya: *"Apabila pertambahan itu disyaratkan di dalam kontrak, maka jatuhlah hukum haram secara sepakat."* [21]

Itu ialah tiga panduan asas di dalam memahami hadis yang berkaitan dengan riba yang berlaku di dalam aktiviti pinjaman dan hutang. Sebagai penjelasan tambahan, Ibn Qudamah berkata:

كُلُّ قَرْضٍ شُرِطَ فِيهِ أَنْ يَزِيدَهُ فَهُوَ حَرَامٌ بِغَيْرِ خِلاَفٍ

Maksudnya: *"Setiap pinjaman yang disyaratkan padanya memberi tambahan, maka ia adalah haram tanpa sebarang pertikaian."* [22]

Ibn Munzir pula berkata:

أَجْمَعُوا عَلَى أَنَّ الْمُسَلِّفَ إِذَا شَرَطَ عَلَى الْمُسْتَسْلِفِ زِيَادَةً أَوْ

---

20 Tidak disertakan bagi mengelakkan huraian terlalu panjang.

21 *Naylul Awtar*, al-Syawkani, 5/262.

22 *Al-Mughni*, 4/318.

هَدِيَّةً . فَأَسْلَفَ عَلَى ذَلِكَ : أَنَّ أَخْذَ الزِّيَادَةِ عَلَى ذَلِكَ رِبًا

Maksudnya: "*Telah ijmak bahawa apabila pemberi pinjaman meletakkan syarat ke atas peminjam sebarang tambahan atau hadiah, maka pinjaman diberikan sebarang tambahan yang diambil adalah riba.*[23] "

Al-Bukhari pernah mencatatkan bahawa Nabi SAW berkata:

إِذَا أَقْرَضَ فَلَا يَأْخُذُ هَدِيَّةً

Maksudnya: "*Apabila memberi pinjam, janganlah kamu mengambil sebarang hadiah.*"[24]

Justeru itu, tiada sebarang keuntungan boleh diraih oleh pemberi pinjaman melalui aktiviti pinjaman ini. Ini kerana pinjaman adalah satu proses yang dibuat secara sukarela atas dasar bantu-membantu. Ia disebut dalam Islam sebagai *Qardh al-Hasan* (pinjaman tanpa sebarang faedah riba dikenakan kepada si peminjam).

Untuk memahaminya dengan tersusun dan jelas, para ulama membahagikannya kepada beberapa bahagian agar mudah difahami dan seterusnya dijauhi oleh umat Islam. Perlu diingatkan bahawa pembahagian ini bukanlah *qati'e* dan ijtihad. Maka sebarang bentuk pengkategorian dan pengelasan lain adalah wujud. Tiada percanggahan di antara satu sama lain.

Riba *al-Duyun* terbahagi kepada dua (2) jenis:

Riba *al-Qardh*

Iaitu kadar atau sebarang manfaat tambahan yang lebih daripada jumlah pinjaman pokok yang mana ianya disyaratkan di awal kontrak pinjaman (*loan contract*), yang dikenakan oleh pemberi pinjaman kepada peminjam.

Riba jenis ini boleh dikira sebagai riba yang paling popular berlaku di kalangan masyarakat kita hari ini. Ia boleh dipecahkan kepada beberapa bentuk, iaitu:

23 Di petik daripada al-Mughni, 4/318.

24 Riwayat al-Bukhari dalam al-Tarikh.

- **Duit berbalas duit yang lebih banyak**

  Contoh: Ali meminjamkan kepada Ahmad wang sebanyak RM2,000 dengan syarat Ahmad hendaklah membayar kembali dengan nilai yang lebih besar seperti RM2,500 dalam masa tiga bulan.

Sebarang pinjaman yang mensyaratkan pertambahan nilai semasa pemulangannya dalam jangka masa pinjaman itu adalah riba *al-Qardh*. Ini adalah daripada jenis *time value of money*[25] yang diharamkan dalam Islam.

Bagaimanapun, sekiranya Ahmad memulangkan wang dengan nilai tambahan tanpa sebarang paksaan atau syarat oleh Ali (ketika pinjaman dibuat atau sepanjang tempoh pinjaman) ia adalah halal lagi terpuji di sisi Islam. Hal ini pernah ditunjukkan oleh Nabi SAW apabila Baginda membelikan unta yang lebih baik daripada apa yang dipinjam dan digunakan oleh Nabi. Tatkala itu Nabi meminta sahabat pergi membelikan seekor unta yang lebih baik, lalu berkata:

فَإِنَّ خَيْرَكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً

Maksudnya: *"Sebaik-sebaik antara kamu (peminjam) adalah memulangkannya dalam bentuk yang terbaik."*[26]

Namun begitu hukum haram masih berlaku jika peminjam, iaitu Ahmad walau dengan sukarela menawarkan pembayaran semula (*repayment*) dengan nilai tambahan. Islam tidak menerima campur tangan reda manusia dalam hukum yang berkaitan dengan hak Allah SWT. Hukuman riba tergolong dalam kategori hak Allah SWT. Justeru, walau ditawar oleh peminjam dengan keredaannya pun, hukum haram adalah tetap serupa. Sama ada nilai tambahan disyaratkan oleh pemberi pinjaman atau peminjam. Kedua-duanya adalah riba yang diharamkan.

- **Duit berbalas duit berserta sesuatu manfaat**

Contoh Pertama

Kamil memberi pinjaman wang sebanyak RM1,000 kepada Hasan untuk tempoh lima bulan. Sebagai balasan, Kamil mensyaratkan Hasan untuk membantunya menyiapkan assignmentnya.

---

25 Definisinya adalah **satu dolar hari ini bernilai lebih daripada satu dolar pada masa hadapan. Kerana satu dolar boleh dilaburkan untuk mendapatkan pulangan keuntungan**. (*Corporate Finance: Theory and Practice*, Aswath Damodaran, John Wiley and Sons, New York, USA, 2001).

26 Riwayat al-Bukhari.

Dalam contoh pertama ini, bantuan menyiapkan *assignment* itu dikira riba kerana tergolong di dalam manfaat yang lebih yang diraih daripada hasil pemberian pinjaman. Ia diharamkan oleh Islam kerana ia adalah satu tindakan menindas iaitu mengambil kesempatan atas bantuan pinjaman yang diberikan walaupun tiada sebarang jumlah tambahan dalam bentuk wang tunai ketika bayaran dibuat semula.

Contoh Kedua

Husin memberi pinjaman wang sebanyak RM5,000 kepada Karim dan disyaratkan ke atas Karim untuk membeli komputer yang sedang dijual oleh Husin atau menyewa sebuah bilik di rumah sewanya.

Manakala dalam contoh kedua ini, ia tergolong dalam mensyaratkan sesuatu bentuk manfaat. Cuma manfaat kali ini lebih berselindung kerana menggunakan satu kontrak lain, sama ada jual beli atau sewa.

Kedua-dua contoh ini hukumnya adalah **haram** berlandaskan nas berikut (selain nas umum yang dinyatakan sebelum ini):

لَا يَحِلُّ بَيْعٌ وَسَلَفٌ

Maksudnya:" *Tidak halal jualan berserta pinjaman bertangguh.*"[27]

Al-Baghawi menyatakan erti *salafun* (سَلَفٌ) dalam hadis ini adalah *qardh* iaitu pinjam. Imam Ahmad semasa ditanya mengenai erti hadis ini menerangkan ia membawa maksud, seseorang yang memberi pinjam kemudian menjual sesuatu kepada peminjam dan mengambil keuntungan daripadanya.[28]

Jelas, tindakan mensyaratkan jual beli, sewa atau apa-apa manfaat lain adalah tergolong dalam riba melalui helah-helah tertentu. Namun hukumnya tetap sama, iaitu **haram**.

---

27 Riwayat al-Tirmizi.
Al-Tirmizi berkata: Hadis ini Hasan Sahih; al-Hakim berkata di dalam *al-Mustadrak*, hadis ini sahih menurut syarat-syarat yang diletakkan oleh imam-imam, dan ia disepakati oleh al-Zahabi; Albani menilainya sebagai Hasan dan juga sahih (*Sunan al-Tirmizi*, 4/433; *al-Mustdarak (dengan Talkhis al-Zahabi)*, 2/17; *Irwa al-Ghalil*, no. 1306; *Sohih al-Jami al-Soghir*, no. 7644).

28 *Tuhfatul Ahwazi Syarah Sunan al-Tirmizi*, 4/432; *Naylul Awtar*, 6/324.

- **Manfaat berbalas manfaat yang lebih**

  Contoh: Hasan memberi pinjam keretanya kepada Yusuf dengan syarat Yusuf perlu memulangkan kereta itu dengan tangki minyak yang berisi penuh. Padahal ketika bermula proses pinjaman dilakukan tangki minyak tidak penuh.

Dalam contoh ini, riba berlaku juga kerana ia tergolong di dalam hadis pinjaman berserta pulangan lebih daripada yang disyaratkan. Ia juga tergolong di dalam ijmak yang disebutkan oleh Ibn Qudamah. Ini kerana manfaat kegunaan kereta dibalas dengan satu manfaat lain yang berbeza dan melebihi manfaat pinjaman.

Sekiranya dalam kes ini pemberi pinjam ingin memperolehi sesuatu keuntungan seperti yang disebutkan di atas, pemberi pinjam tidak boleh menggunakan kontrak pinjam semasa memberi keretanya. Sebaliknya ia mesti menggunakan kontrak sewa dengan nilai sewa, setangki penuh minyak. Melalui cara itu, transaksi dan keuntungan yang diperolehi adalah halal.

Mungkin ada yang keliru disebabkan hasil dan akibat (*end result*) bagi kedua-dua transaksi kelihatan sama. Walaupun demikian ia berbeza di sisi Allah SWT, kerana pemberian pinjaman wang atau manfaat aset yang tidak dikenakan sebarang upah dan tidak diambil peluang meraih sesuatu manfaat bersifat material, akan melayakkan pemberi pinjam untuk menerima gandaan pahala sebanyak 18 kali ganda bergantung kepada tahap keikhlasannya. Sejurus kontrak ditukar kepada sewa, ganjaran sedemikian tidak lagi diperolehi oleh pemilik sebagai gantinya. Pemilik menerima habuan di dunia berbanding habuan di akhirat.

Nabi Muhammad SAW berkata:

رَأَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِيَ بِي عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا الصَّدَقَةُ بِعَشْرَةِ أَمْثَالِهَا وَالْقَرْضُ بِثَمَانِيَةَ عَشَرَ فَقُلْتُ : يَا جِبْرِيلُ مَا بَالُ الْقَرْضِ أَفْضَلُ مِنْ الصَّدَقَةِ ؟ قَالَ : لأَنَّ السَّائِلَ يَسْأَلُ وَعِنْدَهُ وَالْمُقْتَرِضُ لاَ يَسْتَقْرِضُ إلاَّ مِنْ حَاجَةٍ

Maksudnya: *"Pada malam aku pergi ke syurga (semasa Israk Mikraj), aku melihat tertulis di dalam pintu syurga, 'Setiap sumbangan sedekah digandakan*

pahalanya kepada sepuluh kali, dan setiap pinjaman tanpa faedah digandakan sebanyak 18 kali.' Lalu aku (Nabi) bertanya: 'Wahai Jibrail, mengapakah pemberian pinjaman lebih mulia daripada sedekah?' Jawab Jibrail: 'Kerana yang meminta di waktu meminta itu, sedang ia masih memiliki (mampu), sedangkan orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman kecuali benar-benar di kala keperluan.'"[29]

Inilah juga yang disebutkan oleh al-Jassas di dalam kitab beliau *Ahkam al-Quran*:

سَمَّاهُ اللهُ قَرْضًا تَأْكِيدًا لِاسْتِحْقَاقِ الثَّوَابِ بِهِ؛ إِذْ لَا يَكُونُ قَرْضًا إِلَّا وَالْعِوَضُ مُسْتَحَقٌّ بِهِ

Maksudnya: *"Allah menamakannya sebagai qardh (pinjam) sebagai penguat kepada perolehan pahala kebaikannya, kerana jika ia bukan qardh, maka pemberi pinjam layak mendapat ganjaran (material) daripadanya."*[30]

- **Hadiah duit berbalas hadiah duit yang lebih banyak**

  Contoh: Kamil menghadiahkan wang berjumlah RM100 kepada Hasan hari ini dengan syarat Hasan akan menghadiahkan Kamil wang sebanyak RM120 pada bulan hadapan.

Ia juga termasuk di dalam kategori riba *al-Qardh* dan tergolong di dalam kategori pemberian pinjaman walau menggunakan lafaz hadiah. Penggunaan helah menukar lafaz dan nama tidak mampu mengubah *substance* atau rangka asas kontrak yang merupakan pinjaman berserta faedah.

---

29 Riwayat Ibn Majah.
Mungkin ada yang keliru dan tertanya, bagaimana Nabi SAW boleh membaca sedangkan Baginda adalah seorang yang 'UMMI' (tidak boleh membaca dan menulis). Ibn Hajar memberikan ulasan dengan mengatakan terdapat beberapa penjelasan dalam hal ini. ❶ Ia adalah mukjizat yang diberikan oleh Allah semasa Israk Mikraj sehingga Nabi SAW mampu memahami tulisan tersebut. ❷ Nabi telah dahulu sebelum itu bertanya kepada Jibrail apa yang ditulis, sesudah itu Nabi bertanya pula apa yang terdapat di dalam hadis, ini bermakna pertanyaan Nabi yang pertama dihazafkan bagi memperolehi sasaran hadis. ❸ Nabi memang UMMI tetapi melalui mukjizat, Baginda boleh membaca dan menulis ringkas walau tanpa belajar sebagaimana yang diriwayatkan. Nabi pernah menulis semasa perjanjian Hudaibiah, namun terdapat ulama yang menolak dengan mengatakan bahawa Ali k.w. yang menulis ketika itu. (Rujukan seterusnya dalam *Talkhis al-Habir*, Ibn Hajar, 3/270). Albani pula menilai hadis ini sebagai lemah.

30 *Ahkam al-Quran*, Abu Bakar al-Jassas, 1/616.

- **Hadiah bersyarat hadiah**

Contoh: Pengantin lelaki dan perempuan bersetuju bahawa pihak lelaki akan hadir dengan 7 buah dulang hantaran yang bernilai RM10,000. Manakala, pihak wanita bersetuju dengan balasan 9 buah dulang yang bernilai RM13,000.

Dalam konteks ini, masih berlaku syubhah riba *al-Qardh* jika sekiranya kedua-dua pihak bersetuju atas nilai harga tertentu iaitu RM10,000 berbalas RM13,000. Namun jika kedua-dua pihak tidak berpakat berkaitan harga, dan hanya menentukan jumlah dulang hantaran semata-mata, ia adalah harus. Apa yang menjadikannya haram adalah persetujuan wang berbalas wang yang lebih banyak.

Riba *al-Jahiliah*

Iaitu kadar atau sebarang manfaat tambahan yang lebih daripada jumlah pinjaman atau hutang yang dikenakan ke atas peminjam kerana gagal membayar jumlah pinjaman yang ditetapkan dalam tempoh yang telah dipersetujui. Akibatnya, si pemberi pinjaman mengenakan kadar denda ke atas si peminjam kerana meminta penangguhan bayaran hutang atau gagal membayar hutang dalam waktu yang ditetapkan.

Sebagaimana penjelasan di atas, riba *al-Jahiliah* boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu:

Pertama: Dalam pinjaman

Iaitu lewat memulangkan barang yang dipinjam sama ada wang atau lain-lain barangan, lalu dikenakan denda tambahan atas kelewatan.

Contohnya:

- Apabila pelanggan gagal membayar hutangnya kepada bank pada bulan tertentu seperti tiga bulan berturut-turut, pelanggan dikenakan denda penalti sebanyak 3% daripada jumlah hutang berbakinya. Ia adalah riba *al-Jahiliah*.

- Apabila peminjam buku di perpustakaan gagal memulangkan buku pada waktunya, pihak perpustakaan mengenakan denda sebanyak RM5 untuk satu hari yang lewat, ini juga satu bentuk riba.

- Bagi mereka yang dikenakan saman atas kesalahan meletak kenderaan di tempat yang salah atau lain-lain kesalahan memandu, pihak pemandu diberikan nilai saman mengikut minggu. Contohnya, jika dibayar dalam tempoh 14 hari, nilai saman adalah RM15, jika melebihi 30 hari, nilai saman naik kepada RM40 dan seterusnya. Kesemua cara kiraan ini tergolong di dalam riba *al-Jahiliah*.

Kedua: Dalam hutang

Lewat membayar hutang daripada sebarang pembelian secara bayaran ansuran, lalu dikenakan denda atas kelewatan.

Contohnya:

- Ahmad membeli sebuah sofa berharga RM3,000 dengan bayaran ansuran selama 12 bulan. Dia perlu membayar setiap bulan sebanyak RM250, tetapi dia terlewat membayarnya pada bulan ketiga dan keempat. Lalu dia dikenakan denda dalam bentuk peratusan sebanyak 2% atau nilai tetap seperti RM100 atas setiap kelewatannya. Ia adalah riba.

- Karim membeli komputer daripada Faisal dengan harga RM1,500 dan berjanji akan melangsaikan jumlah tersebut secara *lump sum* selama 48 hari dari tarikh pembelian. Namun pada tarikh tersebut, beliau gagal dan Faisal memberikan tangguh selama sebulan lagi dengan syarat harga dinaikkan kepada RM1750 berbanding sebelumnya.

Riba jenis ini amat popular pada zaman jahiliah dan berterusan di zaman Nabi SAW sehinggalah diharamkan oleh Baginda Nabi SAW ketika haji Wada'. Di mana Nabi berkata:

أَلَا إِنَّ كُلَّ رِبًا مَوْضُوعٌ وَرِبَا الْجَاهِلِيَّةِ مَوْضُوعٌ وَأَوَّلُ رِبًا أَضَعُهُ رِبَا الْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَإِنَّهُ مَوْضُوعٌ كُلُّهُ

Maksudnya: *"Ketahuilah, semua jenis riba telah dihancurkan, dan riba yang pertama aku hancurkan adalah riba yang bapa saudaraku Abbas bin Abd Muttalib, semuanya kini telah dihancurkan."*[31]

Antara ayat popular yang digunakan oleh masyarakat jahiliah setiap kali sampai tempoh melangsaikan hutang adalah:

إِمَّا أَنْ تَقْضِيَ وَإِمَّا أَنْ تُرْبِيَ

Maksudnya: *"Sama ada kamu langsaikan hutang atau ia akan bertambah (dan diberi tangguh)*[32]*."*

Mungkin akan ada pihak yang keliru dan mempersoalkan cara yang sesuai untuk mengelakkan peminjam melewatkan pembayaran dan pemulangan buku. Topik ini telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh para ulama sedunia. Pandangan yang disepakati oleh semua adalah dikenakan hukuman hanya bagi pesalah yang sengaja melewatkan pemulangan dan segala jenis hukuman tidak ditentukan dalam bentuk mata wang tetapi lain-lain bentuk seperti didenda tidak boleh memasuki perpustakaan selama dua bulan, atau dirampas pasport, disenaraihitamkan dan sebagainya, khususnya jika pinjaman adalah di dalam bentuk wang.

Bagaimana dengan praktis di bank Islam?

Dalam praktis perbankan Islam, mereka turut mengenakan sejumlah wang sebagai ganti rugi atau seperti denda. Jumlah ini sebenarnya dianggap sebagai bayaran kos rugi (*ta'widh* atau *compensation*) yang dihadapi oleh bank akibat pelanggan tidak membayar hutangnya kepada bank dalam waktu yang telah dijanjikan. Pembaca perlu membezakan bayaran ganti rugi yang dikenakan oleh bank-bank Islam dengan penalti oleh bank konvensional.

Ganti rugi atau *compensation* yang dikenakan oleh bank Islam adalah terhasil daripada proses jual beli dengan bayaran ansuran yang dijanjikan pada waktunya.

---

31 Riwayat Ibn Hibban, al-Tirmizi.

32 *Al-Jami' Li ahkam al-Quran*, Muhammad Bin Ahmad al-Qurtubi, Dar al-Fikr, Syria, Jil. 3, hlm. 324.

Manakala penalti bank konvensional adalah hasil daripada kontrak pinjaman semata-mata.

Menurut sebahagian ulama seperti Syeikh Mustafa al-Zarqa, Syeikh Muhammad Sadiq al-Dharir, Sheikh Abdullah bin Mani', Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Jordan, dan Fatwa Persidangan Dallah al-Barakah[33], keharusan ini berdasarkan *Maslahat Mursalat* dan tindakan mengenakan ganti rugi ini adalah harus bagi menyekat orang ramai mempermainkan bank-bank Islam sama ada dengan sengaja tidak membayar atau melewatkan bayaran walaupun ketika mempunyai wang. Ia dinamakan *mumatil* yang disebut oleh Nabi SAW:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

Maksudnya: *"Penangguhan sengaja (daripada membayar hutang) oleh orang yang berkemampuan adalah satu kezaliman."*[34]

لَيُّ الْوَاجِدِ ظُلْمٌ يُحِلُّ عُقُوبَتَهُ وَعِرْضَهُ

Maksudnya: *"Bagi orang yang berkemampuan dan melewatkkan hutang adalah zalim, halal ke atas mereka hukuman."*[35]

Kedua-dua hadis ini menunjukkan haram hukumnya melewatkan pembayaran hutang bagi mereka yang ada kemampuan. Malah terdapat riwayat silam yang menunjukkan pemerintah Islam pernah mengurung individu sebegini sehinggalah ia membayar hutangnya.[36] Ringkasnya, hukuman seperti disenaraihitamkan nama, dirampas pasportnya, dirampas dan dijual hartanya untuk menyelesaikan hutang adalah dibenarkan oleh Islam.

Namun untuk bertindak sedemikian dalam konteks semasa, sudah tentu ada antaranya yang sesuai manakala tidak sebahagian lainnya. Justeru itu menampakkan lemahnya sifat amanah manusia untuk membayar hutang mereka dan bagi menyekat mudarat besar daripada berlaku kepada bank-bank Islam dan juga pemiutang. Apabila bayaran ansuran yang dijanjikan tidak dilangsaikan pada waktunya, *ta'widh* (ganti rugi) akan dikenakan.

---

33 *Musykilat al-Duyun al-Mutaakhirat*, Dr. Muhyidin al-Qurra Daghi, International Syariah Dialogue, BNM, 8 November 2006.
34 Riwayat al-Bukhari, no. 2167, 2/799.
35 Riwayat Abu Daud, al-Nasa'i, Ibn Hibban: sahih.
36 *Subul al-Salam*, al-Son'ani, 2/78.

Sebahagian ulama mengharuskan jumlah ganti rugi ini dibayar dalam bentuk wang, digunakan oleh bank dengan syarat ianya adalah jumlah sebenar kerugian. Sebarang wang lebih daripada kerugian sebenar tidak boleh digunakan oleh bank-bank Islam.[37]

Manakala sebahagian besar ulama lain berpendapat bahawa *ta'widh* yang dikenakan oleh bank-bank Islam ini (menurut majoriti ulama sedunia) adalah tidak boleh dimasukkan bersama-sama ke dalam pendapatan bank Islam, malah mestilah diagihkan untuk tujuan kebajikan kepada orang miskin dan fakir sahaja. Inilah yang dilakukan oleh kebanyakan bank-bank Islam di Malaysia.

Bagi beberapa buah bank Islam, mereka lebih cenderung untuk menuruti keputusan majoriti Ahli Majlis Kesatuan Fiqh Sedunia. Konsep yang digunakan adalah konsep sedekahkan duit (*ta'widh* atau *compensation*) kepada fakir miskin. Ini dibuat mengikut konsep *Iltizam al-Tabarru'* yang disebut di dalam kitab *fiqh* mazhab Maliki. Sebagaimana kata Imam Malik:

وَالْمَعْرُوفُ مَنْ أَوْجَبَهُ عَلَى نَفْسِهِ لَزِمَهُ

Maksudnya: "*Dan perkara yang baik (makruf) sesiapa yang mewajibkan (berjanji) untuk ditunaikannya, wajib (lazim) untuknya menunaikannya.*"[38]

Ia bermakna semua pelanggan memberikan komitmen jika ia gagal memenuhi janji untuk membuat pembayaran hutangnya kepada bank dalam waktu yang telah dipersetujui. Ia berjanji akan bersedekah dan melantik pihak bank untuk mengagihkannya. Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa buah bank Islam di Malaysia mengambil pandangan ulama yang lebih ringan, iaitu mereka tidak menghadkan penggunaan wang *ta'widh* (*compensation*) kepada fakir miskin sahaja. Justeru, sebahagian bank Islam mengambilnya dan digunakan untuk kegunaan mereka. Perkara ini mungkin telah disahkan harus oleh Majlis Penasihat Syariah masing-masing. Justeru, ia telah selesai dengan ijtihad Majlis Penasihat Syariah masing-masing.

Di kebanyakan bank Islam, Jabatan Syariah dan Majlis Penasihat Syariah yang akan memantau. Malah keputusan Majlis Penasihat Syariah juga mewajibkan akaun yang diasingkan bagi tujuan ini. Hasilnya, setiap jumlah yang terkumpul daripada *ta'widh*

---

37 Kebanyakan resolusi majlis penasihat bank-bank Islam tempatan di Malaysia.

38 *Al-Mudawwanah al-Kubra*, di petik daripada *Fath al-Ali Malik*, 1/219.

akan terus masuk ke akaun khas seperti *charity* contohnya. Ia pula tidak boleh disalurkan kepada *charity* kecuali setelah disahkan layak oleh Majlis Penasihat Syariah. Ini bagi mengelakkan berlakunya pilih kasih dan kronisme dalam pembahagian.

Kesimpulan

Isu ini dibawa ke persidangan ilmuwan syariah di peringkat Malaysia khususnya di Bank Negara Malaysia. Hasil daripada keputusannya menyebut, bagi menyekat kecuaian sengaja ini, maka diharuskan mengenakan denda *ta'widh* dengan syarat ia adalah kerugian sebenar yang ditanggung oleh pembiaya. Penentuan kadar rugi ini akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.[39] Selain itu kadarnya adalah hanya 1% sahaja dan ia tidak bersifat *compounding*.

Pembaca perlu faham bahawa penalti yang dikenakan oleh bank konvensional adalah *compounding*. Iaitu penalti ini akan dimasukkan dalam jumlah pinjaman dan jika dikenakan penalti lagi, maka peratusan penalti itu akan disandarkan kepada jumlah pinjaman asal yang ditambahkan dengan penalti yang sebelumnya. Ini amat zalim dan menindas.

Riba *al-Buyu'* (muncul daripada jual beli barangan *ribawi*)[40]

Secara definisinya, ia adalah riba yang lahir hasil ketidaksamaan pada berat atau kuantiti pertukaran dua item *ribawi*, atau pertukarannya dibuat secara bertangguh.

Riba *al-Buyu'* terbahagi kepada dua (2) jenis:

Riba *al-Nasak* atau *al-Nasiah*

Iaitu berjual beli atau bertukar antara dua item *ribawi* yang sama jenis secara bertangguh (tidak disempurnakan dalam satu masa).

Contohnya: 5 gram emas dijual dengan harga RM2,000 secara tunai atau RM3,800 **secara bertangguh.**

---

39 Resolusi Syariah, BNM, hlm. 40.

40 *Mughni al-Muhtaj*, Khatib al-Sharbini, 2/28; al-*Bada'i' al-Sana'i*, al-Kasani, 5/183; *Qadaya Iqtisadiyyah Mu'asarah*, Dr. Sulaiman al-Asyqar, 2/592.

Ulasan: Ia menjadi riba kerana bertangguh apabila emas ditukar dengan mata wang. Islam menetapkan serah terima wajib dibuat dalam waktu yang sama tanpa bertangguh, sebarang penangguhan membawa kepada riba jenis ini.

Contohnya: 10 kg beras basmati ditukar dengan 10 kg beras biasa **secara bertangguh.**

Ulasan: Walaupun kedua-dua beras itu berbeza kualiti, namun selagi kedua-duanya adalah daripada kategori beras, sebarang pertukarannya mestilah sama berat dan tidak boleh bertangguh.

Riba akan muncul apabila transaksi di atas berlaku secara bertangguh. Dalam konteks semasa, riba akan berlaku apabila wanita masa kini membeli emas secara bertangguh. Ia termasuk dalam riba *al-Nasak.*

Riba *al-Fadhl*

Iaitu berjual beli atau bertukar di antara dua item *ribawi* yang sama jenis dengan kadar berat yang berbeza (jika dijual secara timbang) atau kuantitinya (jika dijual secara bilangan kuantiti).

Terdapat sedikit kontroversi berkenaan riba jenis ini di mana pernah dikatakan oleh sahabat Nabi seperti Ibn Abbas dan Mu'awiyah menganggapnya sebagai halal. Sebagai penjelasan ringkas, Mua'wiyah Abi Sufyan r.a. sebenarnya tersalah faham tentang hadis larangan Nabi SAW sebagai makruh sahaja dan bukan haram. Maka di atas dasar itu beliau terus menjual barangan peraknya dengan barangan perak yang lain dengan berat yang berbeza. Hal ini kemudiannya ditegur oleh Abu al-Darda dan apabila teguran itu tidak begitu diraikan, Abu Darda membawakan hal berkenaan kepada Khalifah Umar al-Khattab dan Umar menulis surat kepada Mu'awiyah dengan katanya:

لَا تَبِيعَ ذَلِكَ إِلَّا مِثْلاً بِمِثْلٍ وَزْنًا بِوَزْنٍ

Maksudnya: *"Hendaklah kamu tidak menjual (seperti itu) kecuali dengan serupa dan berat yang sama."*[41]

41 Riwayat Muslim, 11/12.

Berkenaan Ibn Abbas r.a. pula, beliau telah menarik semula pandangan dan kefahamannya yang silap berkenaan keharusan riba *al-Fadhl.* Semasa beliau diingatkan berkenaan hal ini oleh Abu Sa'id al-Khudri r.a., Ibn Abbas berkata:

ذَكَّرْتَنِي يَا أَبَا سَعِيدٍ أَمْرًا نَسِيتُهُ أَسْتَغْفِرُ اللهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Maksudnya: *"Engkau telah mengingatkanku wahai Abu Said tentang satu perkara yang aku telah lupa, Aku meminta ampun kepada Allah dan aku bertaubat kepada-Nya.[42]"*

Dengan itu, para ulama menyatakan telah ijmak seluruh sahabat dan ulama berkenaan haramnya hukum Riba *al-Fadhl.*[43]

Contohnya: Menukar 5 gram emas (jenis 916) dengan 6 gram emas (jenis kualiti 750).

Ulasan: Hukumnya HARAM kerana sepatutnya kedua-dua emas itu mesti sama berat iaitu 5 gram. Apabila beratnya berbeza, ia jatuh dalam hukum riba.

Contohnya: Menukar atau menjual 10 kg. beras Basmathi dengan bayaran 15 kg. beras jenis A1.

Ulasan: Hukumnya HARAM kerana sepatutnya berat kedua-duanya mesti sama iaitu 10 kg.

Dalam kedua-dua contoh di atas, terdapat 2 syarat yang wajib dipenuhi agar terhindar daripada riba *al-Fadhl* dan riba *al-Nasak*, iaitu:

Pertama: Mesti sama beratnya (walaupun berbeza kualiti dan nilainya).

Kedua: Transaksi pertukaran itu mestilah dilakukan dalam satu masa atau satu majlis (kedua-dua penjual dan pembeli tidak boleh berpisah sebelum menyerahkan item masing-masing).

---

42 *Al-Sunan al-Kubra*, Ahmad bin al-Husin al-Baihaqi, *Dar al-Ma'arif al-Uthmaniya*, India, 1354H, 5/286; *al-Mustadrak*, Abdullah Muhammad Bin Abdullah al-Hakim, *Matba'ah Majallah Dairah al-Ma'arif al-Nizomiah*, India, 2/43 (dengan lafaz yang hampir serupa); al-Hakim: Hadis ini sahih isnadnya. Lihat juga akan hal ini di *Syarah Sahih Muslim*, al-Nawawi, 11 24.

43 *Al-Ifsah 'An Ma'ani As-Sihah*, Ibn Hubairah, 1/212 ; *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, al-Qurtubi, 3/352.

Berikut adalah ringkasan perbincangan berkenaan Riba *al-Buyu'*:

Jenis		Mata wang				Makanan Asas			
		Emas	Perak	Mata wang USD	MYR	Gandum	Barli	Kurma	Garam
Mata wang	Emas								
	Perak								
	USD								
	MYR								
Makanan Asasi	Gandum								
	Barli								
	Kurma								
	Garam								

Rajah di atas menunjukkan disiplin Islam dalam hal item *ribawi*.

Syarat: Mestilah serah terima dalam satu masa sahaja.

Syarat : a) Dalam satu masa. b) Sama berat, kuantiti.

Tiada syarat di atas.

Enam item yang disebut dalam rajah ini dipetik daripada hadis berikut:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلاً بِمِثْلٍ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَ هَذِهِ الأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ

Maksudnya: *"Emas dengan emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, gandum dengan gandum, tamar dengan tamar, garam dengan garam mestilah sama timbangan dan sukatannya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan kategori ini, maka berjual belilah kamu sebagaimana yang disukai."*[44]

44 *Sahih Muslim* dengan *Syarah al-Nawawi*, no. 9/11, hadis no. 4039.

Para ulama berbincang panjang lebar ketika menentukan sebab enam item ini disebut oleh Nabi SAW. Ia penting untuk dibincang kerana persoalan sama ada ia tergolong dalam riba atau tidak pada setiap transaksi jual beli selain daripada enam item ini. Ini semua bergantung kepada hadis ini dan kefahaman sebenarnya.

Persetujuan awal di kalangan ulama kelihatan telah tercapai apabila semua ulama mazhab dan *mujtahidin* kecuali al-Zahiri bersetuju bahawa item yang tergolong dalam hukum riba semasa jual beli (dinamakan item *ribawi*) bukanlah hanya terhad kepada enam item itu sahaja. Malah ia juga terkandung dalam item-item lain. Bagi mengenal pasti item-item lain itu, proses *qiyas* perlu dilakukan. Mazhab al-Zahiri telah keluar daripada kelompok itu kerana mereka menolak proses *qiyas*. Pendapat mereka disokong oleh al-Son'ani. [45] Untuk membolehkah *qiyas* dilakukan, empat rukun *qiyas* mestilah ditentukan dengan jayanya.

Asal	**: Enam item**
Hukum Asal	**: Haram**
'Illah	**: ?**
Cabang (*Furu'*)	**: Lain-lain item**

Ringkasannya, melalui proses ini, *furu'* atau lain-lain item itu hanya akan dapat ditentukan setelah *'illah* kepada enam item daripada item asal dapat diketahui. Untuk mencapai proses penentuan *'illah*, para ulama telah membahagikan enam item tersebut kepada dua bahagian iaitu:

Wang (iaitu emas dan perak)

Ulama berbeza pendapat dalam menentukan *'illah* bagi kedua jenis mata wang ini seperti berikut:

- **Timbangan bersama kesamaan jenis:** Ini adalah pandangan Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad, al-Thawri dan al-Zuhri. [46]

  Berdasarkan *ijtihad* ini ia berlaku apabila pertukaran (melalui sistem barter) atau jual beli yang melibatkan dua mata wang yang menggunakan

45 *Subul al-Salam*, Muhammad bin Ismail al-Sona'ni, Cetakan al-Istiqamah, 3/8.

46 *Al-Mughni*, Ibn Qudamah, 4/125; *I'lam al-Muwaqqi'en*, Ibn Qayyim, 2/137; *al-Mabsut*, al-Sarakahsi, 12/113; *al-Furuq*, Ibn Mufleh, 5/148.

timbangan berat serta sama pula jenisnya. Ia mestilah mengikut syarat yang ditetapkan atau riba akan berlaku.

Dengan demikian, sebarang pertukaran tembaga dengan tembaga, aluminium, besi dan sebagainya akan tergolong dalam kategori item *ribawi*.

- ***Galabah al-Thamaniah*** **atau nilai tersendiri pada mata wang khusus bagi emas dan perak, dikehendaki oleh semua pihak dan disandarkan padanya semua nilai dan harga:** Ia adalah pandangan Imam Malik dan Syafi'i.

  Jika berdasarkan *ijtihad* ini, *'illah* daripada jenis ini dikatakan tergolong dalam kategori *'illah qasirah* (*'illah* yang tidak berpindah kepada item lain). Maka dengan itu ia hanya akan wujud pada emas dan perak sahaja. Manakala *illah* sebegini tidak memberi banyak manfaat [47] kerana bercanggah dengan tujuan *qiyas*. Ia juga tidak mampu menentukan hukum bagi perkara baru (*furu'*).

- ***Mutlaq al-thamaniah*** **atau nilai yang tidak terhad kepada spesifikasi harta tertentu:** Ia adalah salah satu pendapat Imam Ahmad dan sebahagian ulama Maliki, Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim serta majoriti ulama kontemporari termasuk Majlis Fiqh Antarabangsa dan Majlis Syariah, Perakaunan dan Kewangan Islam Antarabangsa (AAOIFI).

  Berdasarkan ijtihad ini, setiap item yang diperakukan mempunyai nilai dan harga serta dijadikan sebagai perantaraan bagi transaksi. Ia tergolong dalam kategori emas dan perak, terikat dengan dua syarat yang ditentukan oleh Nabi SAW di dalam hadis tersebut.

Kesimpulan

Oleh kerana wang kertas mengambil alih tempat emas dan perak pada zaman Nabi SAW, maka para ulama (setelah melihat kepada *'illah* atau sebab utama emas dan perak yang disebut oleh Nabi SAW iaitu *mutlaq al-thamaniah)* merumuskan ia tergolong dalam kategori item *ribawi*.

Kebanyakan ulama menyatakan ia disebabkan sifatnya yang menjadi sumber rujukan nilai dan harga iaitu sifat *thamaniah* yang ada pada-

47 *Al-Ihkam*, al-Amidi, 3/12.

nya.[48] Selain itu ia juga diperlakukan sebagai perantara (*medium of exchange*). Hasilnya, Majlis Fiqh Antarabangsa dalam persidangannya yang ketiga di Amman, Jordan pada 11-16 Oktober 1986 telah membuat resolusi 21 (3/9) bahawa:

"Berkenaan hukum mata wang kertas, ia adalah wang *iktibariyah* atau secara istilahnya dan mempunyai sifat *al-thamaniah* yang penuh. Oleh itu hukum syarak berkaitannya adalah seperti apa yang diputuskan berkaitan emas dan perak, termasuklah hukum riba, zakat, jualan al-Salam dan lain-lain hukumnya."[49]

Selain itu, Majlis Ulama Besar al-Saudiyah (*Hai'ah Kibar al-Ulama*) dan Majlis Syariah Bank Islam Sudan dan Majlis Syariah, Perakauan dan Kewangan Islam Antarabangsa (AAOIFI) turut memfatwakan bahawa wang kertas adalah seperti emas dan perak pada hukum urusannya. [50]

Hasilnya, setiap wang kertas daripada setiap negara dianggap seperti emas dan perak yang berasingan. Setiap transaksi yang menggunakannya mestilah juga menepati syarat transaksi emas dan perak kerana hukumnya sama dengan kedua logam berharga itu. [51]

Atas sebab itu, saya menambah item USD dan Ringgit Malaysia ke dalam kotak rajah mata wang untuk memberi kefahaman yang jelas tentang kesan hukum kepada mata wang kertas.

Makanan (tamar, gandum, barli dan garam)

Bagi kategori yang kedua daripada enam item yang disebut oleh Nabi SAW, pembahagian *ijtihad* para ulama adalah seperti berikut:

- **Timbangan dengan jenis yang sama, sama ada makanan atau bukan makanan:**

  Ini adalah mazhab Hanafi dan pendapat mashyur Imam Ahmad, Syiah Zaidiyah dan Imamiah.

---

48 *Qararat al-Majma' al-Fiqhi al-Islami*, Rabitah al-'Alam al-Islami, 1398H, hlm. 96.
49 *Qarart wa Tawsiat*, hlm. 40.
50 *Al-Buyu' al-Sha'iah*, hlm. 439; *al-Ma'ayir al-Syar'iyyah*, AAOIFI, Bahrain, 2007, hlm. 10.
51 Rujuk keputusan *Majma' Fiqh Islami*, sidang ketiga, tahun 1407H.

- **Jenis Makanan:**

  Ini adalah *ijtihad* mazhab Syafi'i;[52] justeru semua makanan sama ada ia berupa makanan asasi atau tidak, tergolong dalam kategori item *ribawi* yang sentiasa perlu dipantau apabila pertukaran antara jenisnya dilakukan.

- **Makanan asasi dan jenis kerap disimpan:**

  Ia adalah *ijtihad* mazhab Maliki[53]; hasil daripada *ijtihad* ini semua jenis makanan asasi di setiap negara adalah item *ribawi* di negara tersebut. Namun mungkin tidak tergolong dalam item *ribawi* apabila di negara lain.

  Beras adalah makanan asasi di Malaysia namun bukan di Maghribi. Sebagai contoh, jika berlaku pertukaran beras dengan beras di Maghribi, maka ia tidak tertakluk kepada sebarang hukum riba, berbanding di Malaysia.

Hukuman Riba dalam Islam

Imam al-Nawawi r.a. (wafat pada 676H) berkata: "*Ijma'* (disepakati semua sahabat dan ulama) tentang pengharaman riba dan ia termasuk dalam kategori dosa besar. Ada pendapat menyatakan riba juga diharamkan oleh semua agama, ini disebutkan oleh antaranya Imam al-Mawardi."[54]

Di sini, saya sertakan beberapa nas al-Quran dan al-Hadis yang menerangkan perihal besarnya dosa riba yang menjadi sebab mengapa saya menumpukan masa yang lebih bagi menyelamatkan masyarakat Islam daripada terjebak dengannya.

Pemakan dan pemberi riba diperangi Allah SWT dan Rasulullah SAW.

---

52 *Nihayatul Muhtaj*, al-Ramli, 4/413; *al-Majmu'*, al-Nawawi, 9/448.

53 *Bidayatul Mujtahid*, Ibn Rusyd, 2/131; *Hashiyah al-Dusuqi Ala al-Syarh al-Kabir*, 3/47.

54 *Al-Majmu'*, 9/391.

Ia berdasarkan firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah saki-baki riba sekiranya kamu benar-benar beriman, sekiranya kamu tidak meninggalkannya, isytiharkanlah perang dengan Allah dan Rasul-Nya.* [55]

Ayat ini menunjukkan sesiapa yang enggan dan masih berdegil untuk meninggalkan "saki baki" riba dalam kehidupannya dengan sengaja, maka dia akan berada dalam posisi peperangan dengan Allah SWT dan Rasul-Nya. Ayat ini menyebut "saki baki" menunjukkan sesiapa yang ingin benar-benar menurut sunah dan menjadi Mukmin sejati, dia perlu berpengetahuan tentang riba serta menjauhkan diri daripadanya secara total (keseluruhan).

Zahir pada ayat ini juga membayangkan peperangan itu juga berlaku semasa di dunia lagi. Malanglah bagi seseorang atau pemimpin yang tidak mengambil endah perihal ini.

Ibn Abbas r.a. diriwayatkan berkata:

يُقَالُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لآكِلِ الرِّبَا: خُذْ سِلاَحَكَ لِلْحَرْبِ

Maksudnya: *"Akan dikatakan kepada pemakan riba di hari kiamat, 'Ambillah senjata kamu untuk berperang dengan Allah SWT.'"* [56]

Abu Hanifah r.a. pula berkata: "Inilah ayat al-Quran yang paling menakutkan." [57]

---

55 Surah al-Baqarah 2: 278 - 279.

56 *Jami' al-Bayan 'an Takwil Ayyi al-Quran*, al-Tabari, 3/68 ; *al-Durr al-Manthur*, al-Suyuti, 3/366.

57 *Ibid. al-Tabari*, Hamisyh al-Naisaburi, 4/73.

Imam Malik bin Anas r.a. pula berkata:

إِنِّي تَصَفَّحْتُ كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ فَلَمْ أَرَ شَيْئًا أَشَدَّ مِنَ الرِّبَا، لِأَنَّ اللهَ أَذَنَ فِيهِ بِالْحَرْبِ

Maksudnya: *"Telah kubuka lembaran-lembaran Kitab Allah dan sunah Nabi SAW dan tidak kudapati (dosa) yang lebih buruk daripada riba, kerana Allah SWT mengisytiharkan atau mengizinkan perang ke atas-Nya."*[58]

Berkata Imam Qatadah r.a.: "Allah menjanjikan ahli riba dengan hukuman bunuh dan akan mendapatkannya di mana sahaja mereka berada."[59]

ii Kehilangan berkat harta dan kehidupan

Allah SWT berfirman:

يَمْحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰاْ وَيُرْبِي ٱلصَّدَقَٰتِۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ

Maksudnya: *Allah menghancurkan keberkatan kerana riba dan menambahkan keberkatan daripada sedekah. Dan Allah tidak suka kepada orang kafir lagi berdosa.*[60]

Kehilangan berkat itu akan berlaku di dunia dan di akhirat:

Di dunia:

Bentuk-bentuk kehilangan berkat pada harta orang yang terlibat dengan riba adalah dengan mudah hilang atau habis harta tersebut daripada pemiliknya kepada pelbagai bentuk yang tidak berfaedah dan membawa kepada dosa, sehinggalah dia berasa miskin dan fakir (walaupun dia mempunyai wang yang banyak). Selain itu, harta tadi akan mendorong pemiliknya melakukan maksiat, kefasiqan, dan menghinakan diri di sisi Allah SWT. Lalu,

58 *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, al-Qurtubi, 3/364.

59 *Ibid.* Al-Tabari, 3/72.

60 Surah al-Baqarah 2: 276.

hilanglah sifat amanah, cenderung kepada rasuah, penipuan, dan tamak haloba. Dia juga bakal ditimpa ujian seperti dirompak, dicuri, dikhianati dan doa orang yang dizalimi daripadanya juga lebih makbul. [61]

Sabda Nabi SAW daripada Ibn Mas'ud r.a.:

إِنَّ الرِّبَا وَإِنْ كَثُرَ فَعَاقِبَتُهُ إِلَى قُلٍّ

Maksudnya: *"Sesungguhnya riba walaupun lumayan (dari sudut kuantiti) tetapi hasilnya ia akan membawa kepada sedikit dan papa."*[62]

Di akhirat:

Ibn Abbas r.a. berkata:

لاَ يُقْبَلُ مِنْهُ صَدَقَةٌ وَلاَ حَجًّا وَلاَ جِهَادًا وَلاَ صِلَةٌ

Maksudnya: *"Tidak diterima daripada pemakan riba (yang menggunakan harta riba) sedekahnya, hajinya, jihadnya dan persaudaraannya."*[63]

iii Seperti berzina dengan ibu bapa sendiri

Nabi SAW bersabda:

الرِّبَا ثَلاَثَةٌ وَسَبْعُونَ بَابًا أَدْنَاهَا مِثْلُ أَنْ يَنْكِحَ الرَّجُلُ أُمَّهُ

Maksudnya: *"Riba mempunyai 73 pintu, riba yang paling ringan (dosanya) seperti seorang lelaki berzina dengan ibunya."*[64]

61 *Al-Zawajir 'an 'Iqtiraf al-Kaba'ir*, Ibn Hajar al-Haithami, *Dar al-Ma'rifat*, Beirut, 1982 , 1/224.
62 *Musnad Ahmad*, no. 3754 , 1/395; al-Hakim mengatakannya sahih, Ibn Hajar mengatakan sanadnya hasan (*Fath al-Bari*, 4/399).
63 *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, al-Qurtubi, 3/362; al-Zawajir, *ibid.* 1/224.
64 Ibn Majah, 2/764; al-Hakim, 2/37 sahih menurut syarat al-Bukhari dan Muslim.

iv Lebih berat atau sama dengan 36 kali perzinaan

Nabi SAW bersabda:

دِرْهَمٌ رِبًا يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَعْلَمُ أَشَدُّ مِنْ سِتَّةٍ وَثَلاثِينَ زَنْيَةً

Maksudnya: *"Satu dirham riba yang dimakan oleh seorang lelaki dalam keadaan dia mengetahuinya lebih buruk daripada berzina sebanyak 36 kali."*[65]

Hadis ini bukanlah untuk merendahkan dosa zina, tetapi ia memfokuskan kepada besarnya dosa riba. Justeru, saya amat mengharapkan umat Islam membuka mata mereka kepada isu ini.

v Salah satu daripada tujuh dosa besar

Ia berdasarkan hadis Nabi SAW:

(اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ). قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ وَمَا هُنَّ قَالَ « الشِّرْكُ بِاللهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللهُ إِلاَّ بِالْحَقِّ وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَأَكْلُ الرِّبَا وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلاَتِ الْمُؤْمِنَاتِ

Maksudnya: *"Jauhilah tujuh dosa besar; syirik, sihir, membunuh tanpa hak, makan harta anak yatim,* ***makan riba****, lari dari medan peperangan (kerana takut) dan menuduh perempuan yang suci dengan zina (tanpa saksi adil)."*[66]

---

65 *Musnad Ahmad*, 2/225; al-Daruqutni, hlm. 295; al-Albani mengatakan sahih dalam *Ghayat al-Maram fi Takhrij Hadis al-Halal wa al-Haram li al-Qaradhawi*, hlm. 103.

66 Riwayat al-Bukhari, no. 2615 dan Muslim, no. 272.

Riba Sedikit dan Banyak

Ada pihak yang cuba mendakwa bahawa riba yang diharamkan adalah riba yang banyak serta berganda-ganda. Namun sekiranya jumlah riba yang diterima atau diberi adalah kecil, ia diharuskan.

Mereka cuba menggunakan dalil berikut sebagai sokongan pendapat ini. Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوا۟ ٱلرِّبَوٰٓا۟ أَضْعَٰفًا مُّضَٰعَفَةً ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Hai orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan.* [67]

Namun pandangan ini meleset sama sekali. Hujah yang menolak pandangan ini adalah:

a Melalui kefahaman daripada firman Allah SWT:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

Maksudnya: *Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (daripada pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu (modal); kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.* [68]

Cuba diteliti sebaik-baiknya pada keterangan Allah SWT; "*...maka bagimu pokok hartamu...*" – setiap yang melebihi modal atau jumlah asal yang diberikan adalah riba. Ia juga jelas menunjukkan bahawa taubat sebenar kepada dosa riba adalah dengan mengembalikan semua nilai tambahan (lebihan) yang diambil daripada orang yang ditindas atau peminjam. Tiada sebarang nilai walau sekecil manapun akan dikecualikan. Dengan itu adalah jelas, tidak kira jumlah kecil atau besar sesuatu riba itu adalah haram dan mesti dikembalikan, atau taubat yang dilakukan tidak dikira sebagai taubat sebenar.

---

67 Surah Ali 'Imran 3: 130.

68 Surah al-Baqarah 2: 279.

b Perincian dalam ayat terkemudian

Ayat daripada surah Ali 'Imran tersebut diturunkan lebih dahulu berbanding ayat daripada surah al-Baqarah. Hasilnya, kandungan yang terdapat di dalam al-Baqarah adalah penjelasan dan perincian kepada segala ayat yang ringkas dan umum di dalam ayat yang sebelumnya.

c Penerangan Baginda Nabi SAW

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيْرُ بِالشَّعِيْرِ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ، وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلاً بِمِثْلٍ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هٰذِهِ الأَصْنَافُ فَبِيْعُوْا كَيْفَ شِئْتُمْ

Maksudnya: *Emas dengan emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, gandum dengan gandum, tamar dengan tamar, garam dengan garam mestilah sama timbangan dan sukatannya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan kategori ini, maka berjual belilah kamu sebagaimana yang disukai."*[69]

Hadis ini turut memberi penjelasan kepada setiap ayat yang *mujmal* atau kelihatan ringkas di dalam al-Quran. Jika ditinjau kepada istilah (مِثْلاً بِمِثْلٍ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ) ia jelas menunjukkan bahawa syarat yang tidak tergolong dalam riba adalah keperluan untuk nilai yang sama, sama ada berat atau kuantitinya. Sebarang perbezaan antara kedua-keduanya membawa kepada riba, tidak kira kecil atau besar, kedua-duanya adalah haram.

Kedahsyatan Dosa Riba

Sudah diketahui umum, syirik adalah dosa terbesar dalam Islam. Ia disebutkan dengan jelas dalam ayat al-Quran ini;

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan sesiapa yang mensyirikkan-Nya*

69 *Syarah Muslim*, al-Nawawi, no. 9/11, hadis no. 4039.

dan (Allah) akan mengampunkan dosa-dosa selain daripada itu bagi orang yang Dia sukai.[70]

Setelah memikirkan ayat tersebut, saya tidak boleh menunggu lagi kecuali segera menghebahkannya kepada sekalian umat betapa dahsyatnya hukuman bagi kesalahan ini.

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰا۟ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَـٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ

Maksudnya: *Orang yang makan (mengambil) riba, mereka tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kerasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang yang sampai kepadanya larangan daripada Tuhannya, lalu terus berhenti (daripada mengambil riba), maka baginya apa yang diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah.* ***Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.***[71]

Itulah kedahsyatan hukuman Allah SWT terhadap dosa selain syirik. Dan itulah ancaman kepada pengamal riba setelah pengharamannya.

Cuba kita perhatikan petikan penutup ayat tersebut iaitu,

وَمَنْ عَادَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ

Maksudnya: *Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.*

Imam Ibn Kathir ketika mentafsirkan lafaz ini dengan menyebut:

Surah al-Nisa' 4: 114.

Surah al-Baqarah 2: 275.

وَمَنْ عَادَ أَيِّ إِلَى الرِّبَا فَفَعَلَهُ بَعْدَ بُلُوْغِهِ نَهَى اللهُ عَنْهُ فَقَدْ اسْتَوْجَبَ الْعُقُوْبَةَ

Maksudnya: *"Lafaz 'sesiapa mengulangi' ertinya kembali terlibat dengan riba hingga terjebak ke dalamnya walaupun setelah datangnya larangan Allah daripadanya. Maka wajiblah bagi mereka hukuman yang keras."* [72]

Berdasarkan dalil-dalil hadis, para ulama telah membuat kesimpulan bahawa setiap umat Islam yang mengucap dua kalimah syahadah, sebanyak mana pun dosa yang dilakukan di dunia, mereka akan dihumbankan ke dalam neraka, terkurung di dalamnya untuk suatu tempoh yang layak bagi dosa mereka. Setelah itu mereka akan dikeluarkan darinya dengan syafaat Nabi Muhammad SAW dalam keadaan mati, kemudian ditempatkan di dalam sungai kehidupan, lalu hiduplah kembali. Semua ini dicatatkan dalam hadis. [73]

Selanjutnya Imam al-Nawawi mengulas terdapat lima jenis syafaat yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW di akhirat kelak iaitu[74] :

i.	Memberi **ketenangan** dan **kerehatan** daripada hiruk-pikuk mahsyar dan menyegerakan seseorang untuk masuk ke syurga. Syafaat ini khusus untuk Nabi Muhammad SAW.
ii.	Memasukkan seseorang **ke syurga tanpa hisab**, peruntukan syafaat ini juga ada pada Nabi Muhammad SAW.
iii.	Kaum yang wajib dihumban di neraka **boleh diselamatkan** oleh Nabi SAW.
iv.	**Mengeluarkan kaum** yang **sedang diazab** di neraka untuk kembali ke syurga kecuali mereka yang mati dalam keadaan kafir.
v.	**Peningkatan darjat di syurga** agar mendapat tahap yang lebih baik.

---

72 *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 1/328.
73 *Syarah Sahih Muslim*, al-Nawawi, 3/36.
74 *Syarah Sahih Muslim*, 3/36.

Sedarkah?

Sedarkah anda bahawa jika kita **berterusan dalam dosa riba, seseorang itu boleh dianggap menghalalkan riba lalu dihukumkan kafir**. Pada ketika itu, dia meninggal dunia dengan hati yang ingkar hingga terkeluar daripada senarai mereka yang mendapat syafaat Nabi Muhammad SAW.

Berhati-hatilah dan WAJIB bagi semua Muslim untuk menjauhi riba. Kita bimbang, ketidakpedulian itu adalah satu keingkaran terhadap pengharamannya. Seterusnya, ia boleh menyebabkan seseorang dalam kekafiran tanpa sedar hingga melayakkan seseorang itu kekal di neraka.

Nabi SAW juga tidak mempunyai peruntukan untuk memberi bantuan (syafaat) kepada golongan sebegitu. Moga kita semua dipelihara oleh Allah SWT.

Inilah yang diulas oleh Imam Fakhruddin al-Razi apabila beliau menghuraikan maksud *"orang yang kembali"* dalam ayat tersebut sebagai:

فَالْمَعْنَى وَمَنْ عَادَ إِلَى اسْتِحْلَالِ الرِّبَا حَتَّى يَصِيْرَ كَافِرًا

Maksudnya: *"Erti ayat 'sesiapa yang kembali' (di atas) adalah bermakna mereka kembali menghalalkan riba sehingga mereka itu menjadi kafir."*[75]

Akhirnya, pelbagai alasan yang diberikan daripada pembelian, pinjaman atau simpanan yang berkaitan dengan riba seperti rumah, kereta, kad kredit, akaun simpanan, insurans, skim pelaburan dan lain-lain – dengan beranggapan ia adalah murah, mudah dan terjamin. Kalau membuat pinjaman melalui cara tanpa riba pula dianggap sebagai mahal, lambat proses dan perkhidmatan kurang selesa. Sebagai **MUKMIN MUSLIM**, perasaan begitu **TIDAK WAJAR SAMA SEKALI** wujud di hati. Itu pun, jika ingin selamat di akhirat, kalau tidak...tunggulah bila waktunya tiba.

75 *Tafsir al-Kabir*, 7/82.

Zalim Bukan Penentu Riba

Ramai yang terkeliru dalam hal ini, di mana ada yang mengatakan setiap kezaliman dalam urusan kewangan adalah riba.

"Bukankah riba itu diharamkan kerana zalimnya," kata seorang pelajar Sarjana Syariah kepada saya.

"Oh tidak, saudara salah faham. Mengelakkan kezaliman bukanlah 'illah kepada pengharaman riba tetapi ia hanyalah hikmah dan 'wisdom' di sebaliknya. Ia adalah dua perkara yang berbeza," ulas saya.

"Errmm... tak faham," dia membalas lemah.

Untuk memahami perbezaannya, kita perlu memahami apa itu *'illah* dan apa syarat-syaratnya. Secara ringkas, *'illah* itu boleh dikatakan sebagai **asas atau sifat yang standard**.

Apabila sifat ini (*'illah*) ada dalam sesuatu transaksi, maka hukumnya akan mengikutnya lalu menjadikan transaksi atau tindakan itu haram, makruh atau halal dan sebagainya.

Disebutkan dalam kaedah fiqah:

اَلْحُكْمُ يَدُوْرُ مَعَ عِلَّتِهِ وُجُوْدًا وَعَدَمًا

Maksudnya: *Hukum (dalam Fiqh Islam) itu berpusing (mengikut) 'illahnya, jika terdapat Illahnya maka hukumnya juga ada. Jika 'illah tu tiada maka hukum juga tiada.*[76]

Contoh mudah; Arak.

'Illah pengharaman arak adalah mabuk. Manakala hikmah di sebalik pengharamannya arak yang memabukkan ini adalah untuk menjaga akal manusia.

Justeru itu, **semua benda yang memabukkan minda apabila diminum atau dimakan** (bukan dengan tujuan perubatan - ia mempunyai perbincangan lain) adalah dikira arak yang haram. Apabila minuman dan makanan itu tidak memabukkan sama ada banyak atau sedikitnya, ia bukanlah arak dan tidaklah haram.

Pengajaran daripada Hukum Musafir

Demikian juga hukum musafir yang layak mengqasarkan solat.

Apakah *'illah* perjalanan untuk dikategorikan sebagai "musafir"?

Perlu difahami, bukanlah kerana kesusahan, lelah dan letih atau masyakah dalam perjalanan yang menyebabkan ia diklasifikasikan sebagai "musafir" (dari sudut hukum) sehingga layak diberikan kemudahan **qasar solat**.

Ini kerana kesusahan adalah berbeza-beza di antara seseorang dengan seorang yang lain. Ketidaktentuan inilah yang dinamakan "TIDAK STANDARD". Oleh sebab itu, "kesusahan" atau masyakah tidak boleh dijadikan *'illah* dalam mengenal pasti sesuatu perjalanan itu boleh dikategorikan sebagai "**musafir**" atau tidak.

Majoriti ulama bersetuju "jarak" perjalanan tertentu atau dua marhalah adalah paling sesuai dianggap sebagai *'illah* bagi menentukan perjalanan itu musafir atau tidak. **2 marhalah bersamaan dengan 84 atau 85 km** (mazhab Hanafi pula mengatakannya 90 km).[77]

76 *'Iyanah al-Talibin*, 2/290; *Nihayat al-Muhtaj*, 3/292; *al-Mabsut, al-Sarakhsi*, 24/159.

77 *Al-Majmu'*, 4/322; *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, al-Zuhaili.

Justeru setiap perjalanan yang mencecah 85 km secara automatik dikategorikan sebagai "musafir" dalam Islam. Oleh itu, perjalanan tersebut boleh qasar solat tanpa mengira sama ada perjalanan itu sukar atau tidak, meletihkan atau tidak.

Bagaimana pula dengan riba?

Adakah "zalim" sesuai dijadikan *'illah*? Jika sesuai, ini bermakna setiap yang zalim itu adalah riba? Para ulama bersepakat bahawa "zalim" tidak sesuai kerana ia adalah sifat yang tidak *mundabid* (standard).

Dikenakan faedah (*interest*) sebanyak RM500 ke atas pinjaman RM1 juta mungkin dianggap tidak zalim menurut logik akal berbanding jika dikenakan RM200,000, terutamanya jika si peminjam seorang usahawan berjaya.

Namun RM500 yang sama juga mungkin akan dianggap zalim bagi usahawan yang belum maju. Oleh kerana itu, jika zalim dijadikan *'illah* kepada riba, hukum akan menjadi permainan dan sentiasa berubah mengikut nafsu manusia. Ramai pula yang mendakwa dizalimi dan ramai pula yang mengatakan tidak.

Saya masih ingat lagi kitab Usul Fiqh yang unggul bertajuk *al-Mustasfa* karangan Imam Abu Hamid al-Ghazali tercatat kisah seorang raja yang melakukan kesalahan bersetubuh pada siang hari bulan Ramadan.

Hukumnya adalah berdasarkan hadis sahih ini:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ –صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ– فَقَالَ: إِنَّ الأَخِرَ وَقَعَ عَلَى امْرَأَتِهِ فِي رَمَضَانَ فَقَالَ: «أَتَجِدُ مَا تُحَرِّرُ رَقَبَةً». قَالَ: لاَ قَالَ: «فَتَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ». قَالَ: لاَ قَالَ: «أَفَتَجِدُ مَا تُطْعِمُ سِتِّينَ مِسْكِينًا»

Maksudnya: *"Datang kepada Nabi seorang lelaki yang telah menyetubuhi isterinya di siang hari Ramadan. Nabi SAW bertanya: 'Adakah kamu mempunyai hamba untuk dibebaskan? Lelaki berkata: 'Tiada.' Nabi membalas: 'Adakah kamu boleh berpuasa 60 hari berturut-turut?' Lelaki itu menjawab: 'Tidak (berupaya).' Nabi SAW membalas: 'Adakah kamu mempunyai makanan yang boleh memberi makan kepada 60 orang miskin?'"*

(Riwayat al-Bukhari, no. 1835, 3/ 684)

Justeru, mengikut pandangan majoriti ulama, *kaffarah* atau denda bagi kesalahan itu mestilah mengikut tertib yang tercatat di atas.

Apabila raja merujuk kepada kadi, kadi itu terus memberikan hukuman puasa 60 hari berturut-turut kepada raja dengan alasan hukuman pertama terlalu ringan bagi raja kerana dia kaya dan mempunyai ramai hamba dan dibimbangi hukuman itu tidak akan memberikan sebarang kesan kepadanya. Tindakan kadi itu berdasarkan maslahat yang dilihatnya lebih penting daripada berpegang kepada nas hadis yang menyebut bebaskan hamba terlebih dahulu.

Anda mungkin bersetuju dengan tindakan kadi tadi.

Namun tindakan kadi ini dijadikan contoh popular bagi orang yang mempelajari ilmu Usul Fiqh, iaitu bagaimana "*maslahat mulgha*" (maslahat yang tertolak) atau kepentingan yang disalahgunakan sehingga melanggar nas hadis yang spesifik memberikan tertib hukuman *kaffarah*. Tindakan kadi ini ditolak oleh ulama Usul Fiqh.

Imam al-Ghazali berkata semasa memberi komen terhadap kes ini:

فَهَذَا قَوْلٌ بَاطِلٌ وَمُخَالِفٌ لِنَصِّ الْكِتَابِ بِالْمَصْلَحَةِ وَفَتْحُ هَذَا الْبَابِ يُؤَدِّي إِلَى تَغْيِيرِ جَمِيعِ حُدُودِ الشَّرَائِعِ وَنُصُوصِهَا بِسَبَبِ تَغَيُّرِ الأَحْوَالِ

> Maksudnya: "*Tindakan dan kata-kata seperti tadi (keputusan tadi) adalah pendapat yang batil serta bercanggah dengan nas daripada al-Quran yang berselindung di sebalik nama maslahat, sebarang tindakan membenarkannya berlaku akan menyebabkan perubahan seluruh undang-undang syariat dan nasnya atas sebab perubahan lokasi dan masa.*" [78]

78 *Al-Mustasfa min 'Ilmi al-Usul*, 1/216, cet. Ihya al-Turath al-'Arabi.

Lihat! Apabila nas sudah jelas, tiada lagi elemen logik, reda atau perasaan perikemanusiaan yang boleh membatalkannya. Ada juga isu-isu hukum yang terbuka untuk itu, tetapi tidak dalam isu ini dan juga riba.

Ada yang cuba berhujah dengan saya kononnya riba di institusi kewangan riba atau konvensional tidak mahal, kemudian ada pula yang mengatakan riba sekadar 3% bagi pinjaman rumah dan pelajaran, dan ia tidak sewajarnya diharamkan kerana ia memberi manfaat kepada peminjam. Justeru, ia tidak haram kerana tidak zalim dan kedua-dua pihak reda dengannya.

"Yang riba dan zalim adalah institusi kewangan yang 'mencekik darah' dan mahal." Demikian kata-kata mereka yang keliru akibat ilmu yang cetek di dada.

Silap! Dalam mengenal pasti dan menentukan riba, '*illah*nya jelas daripada nas hadis:

Lebihan : Sebarang *excess* atau lebihan:

i- Pemberian pinjaman wang atau manfaat aset (contoh: Memberi pinjaman kereta) yang DISYARATKAN PULANGAN BERSERTA LEBIHAN MANFAAT. **Sebarang lebihan sama ada banyak atau sedikit, dirasakan zalim atau tidak, ia adalah riba dan tetap haram.**

ii- Sebarang lebihan berat emas atau perak dalam pertukaran emas dengan emas. Sama ada bezanya 1 gram atau 30 gram. Ia sama sahaja haramnya. Sebagai contoh, menukar rantai emas seberat 20 gram dengan rantai yang baru seberat 23 gram. Ia adalah riba sama ada reda atau tidak, sedikit atau banyak.

Tangguh : Sebarang bentuk tangguh:

i- Pertukaran mata wang dengan mata wang lain.

ii- Pertukaran emas dengan emas atau dengan perak.

[illegible]ah *illah* yang disepakati oleh majoriti ulama, ia bersifat standard dalam semua keadaan bagi semua orang, benua dan negara. Tidak terkesan dengan nafsu seseorang.

Saya akui, agak sukar untuk saya memudahkan penerangan ini dalam bentuk tulisan ringkas ini. Penerangan secara *verbal* mungkin lebih mudah. Namun saya masih berharap pembaca yang tidak mempunyai latar belakang ilmu Usul Fiqh mampu memahaminya.

Adakah boleh reda dalam riba yang murah?

"Mengapakah alasan reda dalam hal riba tidak diambil kira?" Berkerut dahi pelajar saya ketika bertanya di luar kelas di UIAM.

Saya membalas: *"Kerana riba adalah satu bentuk dosa yang tergolong dalam HAK ALLAH semata-mata, justeru manusia wajib menurutinya tanpa boleh memindanya dengan reda dan rela hati mereka."*

"Sama seperti zina, adakah zina menjadi halal apabila kedua-dua pasangan reda dan rela? Tidak sama sekali. Demikian juga halnya membuka aurat. Ia adalah hak Allah dan ujian yang Allah berikan kepada manusia, bagi menilai siapa yang taat dan siapa yang derhaka," jawab saya.

Riba di Antara Kerajaan dan Rakyat Dibenarkan?

Ada pihak yang datang kepada saya berkenaan isu riba yang dianjurkan oleh kerajaan lalu berkata:

"Bukankah tiada riba di antara negara atau kerajaan dengan rakyat, sebagaimana tiada riba di antara tuan dengan hambanya?"

Benarkah riba menjadi halal apabila ia melibatkan hamba dan tuannya. Maka demikian juga kerajaan dan rakyat?

Sebelum saya mengulas ringkas berkenaan sejauh mana benarnya pandangan tentang riba antara kerajaan dan rakyat yang dikatakan halal, adalah lebih baik jika kita dapat melihat asas yang cuba digunakan, iaitu riba antara hamba dengan tuan.

Riba di antara tuan dan hamba

Benar, mazhab Hanafi berpendapat riba tidak diharamkan jika transaksi itu di antara hamba dan tuannya. Pandangan mazhab Hanafi ini ternyata dalam nas fatwanya:

أَنْ لاَ يَكُونَ الْبَدَلاَنِ مِلْكًا لأَحَدِ الْمُتَبَايِعَيْنِ فَإِنْ كَانَ
لاَ يَجْرِي الرِّبَا وَ عَلَى هَذَا يَخْرُجُ الْعَبْدُ

Maksudnya: *"Antara syaratnya (untuk jatuh riba) mestilah badal (harta) itu tidak dipunyai oleh satu pihak sahaja, jika (ia dipunyai oleh satu pihak sahaja) maka tiadalah berlakunya riba, justeru itu terkeluarlah hamba."*[79]

Ringkasnya, pendapat asas daripada Hanafi ini adalah kerana hamba sebenarnya tidak boleh memiliki hartanya sendiri. Semua harta yang dimiliki oleh hamba sebenarnya milik tuannya.

Oleh sebab itu, tiada riba di antara kedua-duanya kerana wang hamba adalah wang tuan, dan wang si tuan adalah wangnya juga. Maka tiada riba dalam hal wang satu pihak sahaja (iaitu tuan).

Majoriti mazhab tidak setuju

Namun, pandangan ini bertentangan dengan pendapat mazhab-mazhab lain yang berfatwa haramnya tetap sama. Imam Ibn Hazm secara tegas menolak dengan dalil Sayidina Husain bin Ali pernah menerima hadiah kambing daripada seorang hamba, apabila mengetahui ia daripada seorang hamba, Husain memulangkannya kembali tetapi kemudian hamba tersebut mengatakan dengan jelas:

Maksudnya: *Ia (kambing) itu milikku.*

Dengan penjelasan itu, Sayidina Husain menerima hadiah kambing itu. Ini jelas membuktikan bahawa hamba masih boleh memiliki harta, jual beli, memberi hadiah dan sebagainya. Kalau hamba tidak boleh memiliki, sudah tentu, Sayidina Husain akan tetap menolaknya.[80]

---

79 *Bada'i' al-Sana'i*, al-Kasani, 7/3129.
80 *Al-Muhalla*, 8/515.

Apabila hamba diikitiraf boleh memiliki harta secara berasingan daripada tuannya, sudah tentu riba tetap boleh berlaku di antara hamba dan tuannya.

Hal ini dikuatkan lagi oleh Imam al-Nawawi berkata:

يَسْتَوِي فِي تَحْرِيمِ الرِّبَا الرَّجُلُ وَالْمَرْأَةُ وَالْعَبْدُ وَالْمُكَاتَبُ بِالإِجْمَاعِ

Maksudnya: *"Sama taraf hukumnya dalam pengharaman riba sama ada antara lelaki dan wanita, hamba dan hamba yang tertulis (untuk bebas) secara ijmak..."* [81]

Bagaimana pula riba di antara kerajaan dan rakyat?

Jika dilihat perbincangan tadi, jelas kepada kita bahawa memang benar mazhab Hanafi berbeza fatwanya dengan majoriti mazhab dalam hal riba di antara tuan dan hamba.

Walaupun demikian, pandangan yang lebih kuat adalah masih BERLAKU riba di antara kedua-duanya, ia juga merupakan pandangan majoriti ulama dan mazhab.

Namun, wujud di zaman moden ini individu yang cuba menghalalkan riba yang dikenakan oleh kerajaan kepada rakyat dan cuba mengambil hujah mazhab Hanafi berkenaan "tuan dan hamba".

Objektif di sebalik pandangan ini adalah untuk membenarkan sebuah bank yang dimiliki kerajaan atau pihak kementerian memberi pinjaman wang kepada rakyat dengan riba, atau meminjam wang daripada pelabur di kalangan rakyat lalu memberikan pulangan riba kepada mereka. Dengan itu, ia dianggap halal kerana kononnya ia boleh di*qiyas*kan kepada fatwa mazhab Hanafi iaitu kes riba di antara hamba dan tuan.

81 *Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*, 9/442.

Kias yang menyeleweng?

Adakah kias ini benar? Sudah tentu tidak. Mazhab Hanafi menganggapnya harus kerana hamba tidak mempunyai kapasiti (keupayaan) untuk memiliki harta sendiri, kerana semua miliknya adalah untuk tuannya.

Jelas sekali sifat ini tidak relevan dengan rakyat. Rakyat bukannya hamba. Harta rakyat juga tidak boleh diusik sewenang-wenangnya oleh kerajaan. Semua individu rakyat memiliki kapasiti khusus yang diiktiraf Islam untuk menjual, membeli, menyewa, melabur dan lain-lain dengan hartanya. Tanpa sebarang campur tangan kerajaan. Kerajaan hanya berhak menentukan undang-undang dan prasarana yang sesuai agar setiap transaksi terjaga daripada eksploitasi dan penipuan.

Kerajaan tidak boleh campur tangan jika rakyat ingin membeli rumah di Kajang, di Damansara atau sebagainya. Ia berlainan sama sekali dengan hamba yang tidak boleh membeli rumah sendiri kecuali dengan arahan tuannya.

Tegasnya, rakyat bukanlah hamba yang dimiliki oleh kerajaan. Tidak sama sekali, malah kerajaanlah khadam dan hamba yang perlu berkhidmat untuk rakyat.

Kesimpulannya, pandangan yang cuba mengharuskan riba antara kerajaaan dan rakyat adalah tertolak dan tidak berasas sama sekali. Hal ini juga telah ditegaskan oleh Dr. Sami Hammud dan Prof Dr. Yunus al-Masri dalam kajian mereka. [82]

Adakah Mesti Tunai untuk Elak Riba?

Bagi menjadikan bahagian ini lebih berkesan dan mudah difahami, saya sertakan sekali soalan-soalan yang kerap ditanya dan keliru di kalangan orang ramai. Semua soalan ini disertakan dengan ulasan dan jawapan.

Soalan ❶

"Saya berasa amat takut apabila membaca artikel tuan pada 15 Julai 07. Saya berpendapat hampir 80% rakyat Malaysia terlibat dengan riba kecuali mereka yang dilahirkan kaya dan mempunyai wang tunai yang banyak. Bagaimanapun, saya ada beberapa kemusykilan untuk dileraikan sekiranya tidak menjadi keberatan pihak tuan."

82 *Al-Jami' fi Usul al-Riba*, hlm. 202-204; *Tatwir al-'Amal al-Masrafiah*, hlm. 201-205.

Jawapan

Tahniah kepada saudara kerana keimanan masih subur hingga masih ada rasa takut dengan amaran-amaran Allah SWT. Simpati melihat ramai umat Islam hari ini yang langsung tiada lagi rasa takut kepada Allah, seolah-olah mereka tidak akan mati.

Namun saudara mungkin tersilap kerana menganggap hanya mereka yang kaya sahaja boleh lari daripada riba. Dalam Islam, pembelian secara ansuran adalah dibenarkan. Justeru pihak bank-bank Islam telah menyediakan perkhidmatan ini. Hasilnya, mereka yang boleh terselamat daripada riba ialah orang yang mempunyai iman dan ilmu dan bukannya terletak pada kaya atau miskin.

Pada hari ini, hampir semua kelompok masyarakat mempunyai peluang untuk mendapat pembiayaan Islam terutamanya ketika membeli rumah dan kereta.

Soalan 2

"Saya pekerja yang bergaji dan wang gaji dimasukkan ke dalam akaun bank. Adakah itu juga terlibat dengan riba?"

Jawapan

Jika wang gaji anda dimasukkan ke dalam akaun di bank konvensional dan bukan ke dalam bank Islam, ia adalah riba. Untuk pengetahuan saudara, akaun bercirikan Islam perlu mempunyai nama sama ada "*WADI'AH*" atau "*MUDARABAH*". Adapun menyimpan di akaun biasa konvensional adalah haram kerana membantu industri riba untuk menggunakan wang simpanan kita bagi tujuan yang haram. Selain itu, ia juga haram kerana pihak bank akan memberikan *interest* atas wang simpanan kita.

Sekali lagi diingatkan bahawa jika anda tidak mengambil *interest* itu sekalipun, ia tetap haram, kerana simpanan anda di akaun itu dikira membantu bank konvensional itu menggunakan wang anda untuk aktiviti haram mereka iaitu memberi pinjaman dengan mengenakan riba ke atas orang ramai.

Soalan ❸

"Saya membeli kereta dengan menggunakan pinjaman kerana tidak mampu untuk membeli tunai. Sedangkan saya amat memerlukannya untuk bekerja dan dari aspek keselamatan. Apakah hukumnya sama seperti berzina dengan ibu bapa?"

Jawapan

Islam tidak mewajibkan seseorang membeli apa jua aset secara tunai sekiranya tidak mampu dan hutang dibenarkan di dalam Islam namun bukan daripada bank konvensional yang mengenakan riba.

Apa gunanya sistem perbankan Islam yang begitu banyak tumbuh bagai cendawan di Malaysia ini jika bukan untuk membantu menyediakan pembelian rumah, kereta dan lain-lain secara Islam?

Sebarang pembelian menggunakan riba, adalah sama dengan zina sebagaimana disebut oleh Nabi SAW daripada hadis yang dinilai sahih oleh Syeikh al-Albani dan lain-lain.

Kesimpulannya, jika anda memerlukan kereta dan rumah, belilah melalui sistem perbankan Islam nescaya anda tidak lagi terlibat dengan riba yang diharamkan.

Soalan ❹

"Apakah hukum sekiranya ada golongan yang berpendapat bahawa riba seperti pinjaman pembiayaan kenderaan itu tidak haram?"

Jawapan

Ia adalah satu pandangan yang amat berbahaya, malahan boleh termasuk dalam kategori menghalalkan perkara yang diharamkan.

Perlu diingat bahawa dosa menghalalkan riba adalah sangat besar, sebagaimana disebut hukumnya di dalam al-Quran:

Maksudnya: *Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.* [83]

[83] *Surah al-Baqarah* 2: 275.

Imam Ibn Kathir ketika mentafsirkan lafaz ini menyebut:

Maksudnya: *"Lafaz 'sesiapa yang mengulangi' ertinya kembali terlibat dengan riba hingga terjebak di dalamnya walaupun setelah datangnya hukum larangan Allah daripadanya, hasilnya wajiblah bagi mereka hukuman yang keras."*[84]

Fatwa pengharaman *interest* ke atas mana-mana pinjaman adalah ijmak ulama (disepakati seluruh ulama) tentang haramnya malah Majlis Fiqh Antarabangsa OIC juga berulang kali membuat fatwa tentangnya.

Sedarkah kita semua, berterusan dalam dosa riba boleh menyebabkan seseorang itu dianggap menghalalkan riba dan boleh membawa kepada kafir. Tatkala itu, mereka mati dengan hati yang kufur hingga terkeluar daripada senarai mereka yang boleh mendapat syafaat Nabi Muhammad SAW.

Berhati-hatilah dan wajib ke atas Muslimin yang meyakini adanya mati untuk menjauhi riba. Kita bimbang ketidakpedulian itu merupakan keingkaran terhadap hukum haramnya. Seterusnya boleh menjatuhkan seseorang dalam kekafiran tanpa disedari hingga melayakkan seseorang itu kekal di neraka. Nabi SAW juga tidak mempunyai peruntukan untuk memberi bantuan (syafaat) kepada golongan seperti itu. Semoga kita semua dipelihara oleh Allah SWT.

Nilai Masa Wang(*time value of money*) di Antara Riba dan Halal

Timbul satu persoalan iaitu bagaimana jika harga bayaran secara tunai sebagai contoh RM1,000, tetapi jika dibayar melalui konsep bayaran tangguh (*murabahah wa muajjal*) **harganya meningkat kepada RM1,500. Adakah ianya halal?**

Pembayaran bagi kontrak *murabahah* boleh dibuat secara tunai atau bertangguh. Dalam praktis bank-bank Islam kontemporari, kebiasaannya pelanggan dibenarkan membayar secara ansuran dalam satu tempoh waktu tertentu. Jika di awal kontrak *murabahah*, pelanggan memilih untuk membayar secara tangguh, maka harga aset yang dijual oleh bank akan dinaikkan.

84 *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Ibn Kathir, 1/328.

Hukum

Para ulama berbeza pendapat dalam hal ini. Minoritinya mengatakan haram, manakala majoriti ulama silam termasuk keempat-empat mazhab dan ulama kontemporari berpandangan ianya harus.

Disebut oleh ulama Hanafi:

الثَّمَنُ قَدْ يُزَادُ لِمَكَانِ الأَجَلِ

Maksudnya: *Harga berkemungkinan dinaikkan disebabkan penangguhan (bayarannya).*[85]

Ulama mazhab Maliki pula berkata:

جَعَلَ لِلزَّمَانِ مِقْدَارٌ مِنَ الثَّمَنِ

Maksudnya: *Penangguhan disebabkan tempoh masa mempunyai kadar nilai di dalam harga.*[86]

Kenyataan daripada ulama mazhab Syafi'i:

الخَمْسَةُ نَقْدًا تُسَاوِي سِتَّةً نَسِيئَةً

Maksudnya: *Lima jika dibayar secara tunai, bersamaan dengan enam jika dibayar secara tangguh.*[87]

Manakala disebut oleh ulama mazhab Hanbali pula:

الأَجَلُ يَأْخُذُ قِسْطًا مِنَ الثَّمَنِ

Maksudnya: *Tempoh boleh mengambil sebahagian daripada harga.*[88]

Antara dalil paling mudah untuk menyokong pendapat ini adalah keharusan jualan secara al-Salam.

Badai' al-Sonaie, al-Kasani, 5/187.
Bidayatul Mujtahid, Ibn Rusd al-Hafid, 2/108.
Al-Wajiz, Abu Hamid al-Ghazzali, 1/85.
Fatawa Ibn Taimiyah, 29/499.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يُسْلِفُونَ بِالتَّمْرِ السَّنَتَيْنِ وَالثَّلَاثَ فَقَالَ : مَنْ أَسْلَفَ فِي شَيْءٍ فَفِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ ، وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ، إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ .

Maksudnya: *"Daripada Ibn Abbas r.a. berkata bahawa Nabi SAW sampai ke Madinah dan penduduk Madinah membeli (menempah) tangguh tamar yang hanya akan diserahkan dalam tempoh dua dan tiga tahun. Lalu Nabi SAW bersabda: 'Sesiapa yang ingin membeli secara tangguh (serahan barang iaitu belian al-Salam) hendaklah ia dilakukan atas barang yang diketahui, timbangan yang diketahui dan tempoh yang diketahui.'"*[89]

Jualan secara al-Salam adalah harus secara nas dan ijmak. Manakala para ulama menyatakan hikmah keharusannya adalah pembeli mendapat manfaat daripada harga yang lebih murah, manakala penjual pula menikmati bayaran segera. Disebutkan oleh Ibn Qudamah:-

وَهَذَا دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ لِلْأَجَلِ فِي الْبَيْعِ نَصِيبًا مِنَ الثَّمَنِ. وَأَنَّ هَذَا لَا بَأْسَ بِهِ فِي الْبُيُوعِ.

Maksudnya: *"Inilah dalil bahawa tempoh waktu dalam jual beli mempunyai bahagian dalam harga, ia tidak mengapa kerana ia didasari oleh akad jual beli."*[90]

Kesimpulan

Disebabkan tempoh masa yang perlu ditunggu oleh pihak penjual dan risiko yang terdedah ke atasnya, perbezaan harga ini dianggap sebagai halal dengan syarat ia telah dipersetujui di awal akad dan tidak lagi berubah selepas itu. Kenaikan harga akibat tempoh ini dianggap halal oleh majoriti mazhab dan ulama.

Inilah bentuk '*time value of money*' yang diiktiraf sebagai halal oleh Islam kerana ia didasari oleh jual beli sebenar dan bukannya '*aqad Qardh* iaitu pinjaman atau hutang.

89 Riwayat al-Bukhari, no. 2086.
90 *Al-Mughni*, Ibn Qudamah, 6/385.

Sheikh Taqi Uthmani membidas mereka yang menyamakan kenaikan harga ini sama seperti riba dengan kata beliau:

"This argument is again based on the misconception that whenever price is increased taking the time of payment into consideration, the transaction comes within the ambit of interest. This presumption is not correct. Any excess amount charged against late payment is riba only where the subject matter is money on both sides. But if a commodity is sold in exchange of money, the seller when fixing the price may take into consideration different factors, including the time of payment... Time of payment may act as an ancillary factor to determine the price of a commodity."

Maksudnya: "Pertikaian ini sekali lagi disebabkan oleh salah faham bahawa setiap kenaikan harga disebabkan oleh masa tergolong dalam kategori riba. Kesimpulan ini adalah silap. Setiap kenaikan yang disebabkan kelewatan bayaran hanya akan menjadi riba apabila kedua-dua belah pihak berurusan dengan wang, tetapi jika komoditi atau aset dijual berbalas wang, penjual mempunyai kebebasan untuk menentukan harganya dan dibenarkan juga mengambil kira pelbagai faktor termasuk masa pembayaran... Masa pembayaran boleh dijadikan faktor penentu bagi ketetapan harga komoditi."[91]

Riba dan Kaitannya dengan Penciptaan Duit Kertas

Soalan

Apa itu duit kertas yang ada di sekeliling kita pada hari ini dan bagaimana ia dicipta? Siapa yang mencetaknya dan atas dasar apa?

Bukan proses pengilangannya yang dimaksudkan tetapi atas dasar apa, bersandarkan kepada apa, siapa dan bagaimana nilainya terhasil jika bukan daripada emas dan perak?

Jawapan

Penulisan ini akan cuba memberikan sedikit gambaran mudah berkenaan hal ini, diikuti dengan sedikit ulasan para ulama tentangnya. Ia adalah isu yang rumit untuk diringkas dan dipermudahkan kepada kefahaman awam. Namun, saya cuba setakat yang termampu. Sebarang tambahan penjelasan daripada mereka yang pakar adalah dialu-alukan.

---

91 An *Introduction to Islamic Finance*, Mufti Taqi Uthmani, Maktaba Ma'ariful Quran, Pakistan, 2005, hlm. 115.

Perlu diingat, tulisan ini ditujukan kepada mereka yang bukan *specialize* dalam bidang ini, maka saya tidak pergi kepada perincian dalam banyak perkara bagi mengelakkan kekeliruan kefahaman. Bagi mereka yang pakar juga, saya nasihatkan anda bahawa tulisan ini tidak menjanjikan sebarang ilmu baru buat anda.

Apa itu duit?

Secara mudahnya, semua item yang diterima umum sebagai perantara (*medium of exchange*) untuk pertukaran sesuatu barang dan khidmat, ia boleh dianggap sebagai duit.

Ada yang menggunakan batu tertentu; kulit kerang, garam atau lain-lain sebagai duit. Kerajaan Roman memulakan penggunaan syiling emas (*denarius*) dan Parsi menggunakan syiling perak (*drachma*) sebagai mata wang mereka. Menurut sejarah, semasa kebangkitan Nabi Muhammad SAW, Baginda berterusan menggunakan dua jenis mata wang Roman dan Parsi ini dan dikenali sebagai dinar (emas) dan dirham (perak).

Selain itu, wujud juga mata wang jenis lain yang dihasilkan daripada tembaga, dan lain-lain barangan bernilai seperti permata dan lain-lain. Sejarah membuktikan penggunaan emas dan perak sebagai mata wang telah diiktiraf oleh Nabi SAW dan para sahabat sehingga hukum berkaitannya juga disebut khusus oleh Nabi SAW.

Dalam perkembangan sistem ekonomi pelbagai kerajaan di dunia, mereka berterusan menggunakan mata wang daripada emas dan perak ini sehinggalah ia diubah sedikit demi sedikit bagi menambah kemudahan penggunaannya. Perubahan paling ketara bermula pada tahun 1971. Penerangan selanjutnya berkenaan hal ini akan menyusul.

Fungsi duit

Apabila melihat kepada fungsi duit, kebanyakan penulis-penulis ekonomi dan kewangan akan mengharuskan perkara-perkara berikut:

i | *Medium of exchange*

Perantara kepada urusan jual beli barang dan khidmat. Inilah fungsi duit yang pertama.

Dahulu, orang menggunakan sistem barter atau *muqayadah* (iaitu tukar barang dengan barang). Oleh sebab itu, setiap pembeli dan penjual mesti mencari orang yang boleh bertukar sama barang dengannya. Ini amat sukar.

Sebagai contoh:
Ahmad mempunyai sebuah kereta tetapi berkehendakkan kepada sebuah van. Ali memiliki van dan berkehendakkan sebuah kereta. Bagaimana kedua-duanya boleh bertemu jika kedua-duanya saling tidak mengenali dan berada di kawasan berbeza?

Sememangnya amat rumit, hasil daripada itu wujudlah mata wang atau duit. Ia berfungsi sebagai perantara kepada hasrat Ahmad dan kehendak Ali. Kedua-dua mereka boleh menjualkan kereta dan van masing-masing dan menerima sejumlah wang daripada pembeli masing-masing di kawasan masing-masing. Seterusnya wang yang diperolehi boleh digunakan untuk membeli kereta dan van yang masing-masing inginkan tanpa perlu bertemu.

ii | Store of value

Duit juga berfungsi sebagai **pemegang nilai** untuk masa akan datang. Untuk itu ia sepatutnya mempunyai nilai tersendiri serta boleh dirujuk dan tidak kerap berubah. Hanya dengan itu, ia memegang nilai untuk beberapa tempoh masa dan boleh pula dirujuk.

Sebagai contoh:
Emas, kambing dan lain-lain lagi. Namun hari ini, wang kertas dibebankan dengan fungsi ini walaupun sebenarnya ia tidak layak. Akan diulas kemudian.

Sebagai contoh:
Katakanlah emas satu gram boleh ditukar dengan 20 kg beras. Dalam tempoh dua tahun, boleh dirujuk kepada nilai emas satu gram tadi, sama ada ia masih boleh membeli 20 kg beras atau mungkin lebih lagi. Justeru, harga barangan lain boleh dinilai dan disandarkan kepada nilai emas iaitu duit.

Dalam konteks duit kertas moden pada hari ini pula, wang berjumlah RM5 pada 1 Julai 2008 boleh membeli sekilo ayam, dan dalam tempoh beberapa tahun akan datang, jumlah yang sama sepatutnya masih boleh membeli barang yang sama iaitu sekilo ayam. Itulah fungsi duit, iaitu mampu mengekalkan nilainya memberikan kuasa beli pada masa akan datang.

iii | Unit of account

Ia diperlukan untuk menentukan dan mengetahui nilai sesuatu barang, agar proses pertukaran hak milik (jual beli) dapat dijalankan dengan berkesan.

Sebagai contoh:
Sebuah *laptop*, bagaimana kita ingin menyebut nilai dan harganya jikalau terdapat pembeli? Adakah dengan saiznya, atau beratnya atau apa? Sudah tentu kita memerlukan satu nilai kira-kira khusus yang boleh difahami oleh pembeli dan juga penjual, maka itulah fungsi duit. Bertindak sebagai unit kira-kira (*unit of account*), iaitu kita tahu nilai dan harga *laptop* tadinya adalah RM 3500. Itulah *unit of account*.

Untuk memenuhi 3 tujuan dan fungsi duit di atas, ia memerlukan syarat berikut untuk menunjukkan duit itu berkesan. Iaitu:

SYARAT DUIT YANG BERKESAN

i. ***Standardizable*** – nilainya boleh ditentukan dengan mudah.

ii. **Diterima meluas** – punyai nilai tersendiri atau hasil penetapan oleh undang-undang.

iii. ***Divisible*** – Mempunyai nilai yang boleh dibahagi-bahagikan untuk proses tukaran.

iv. ***Mobile*** – Mudah dibawa ke sana ke mari.

v. ***Stable and durable*** – Stabil dan tidak mudah hancur, musnah atau hilang disebabkan oleh struktur bentuk sendiri, sebagai contoh tidak seperti aiskrim yang boleh cair.

Penciptaan wang

Saya ingin sertakan sedikit petikan berkenaan sejarah penciptaan wang (*money creation*) agar kita dapat memahami hakikat duit kertas yang berada di dalam poket kita hari ini dan apakah pendirian Islam tentangnya. Untuk memahami serba sedikit berkenaan duit kertas hari ini, beberapa perkara berikut perlu difahami:

i | Sistem Bretton Woods

Perbincangan berkenaan mata wang kertas sukar dipisahkan daripada *info* berkenaan sistem Bretton Woods. Ia adalah satu persidangan antarabangsa selepas Peperangan Dunia Kedua, membincangkan kaedah terbaik untuk membangunkan semula ekonomi dunia yang meleset teruk akibat peperangan. Hasil daripada persidangan ini, lahirlah Bank Dunia (*World Bank*) dan juga *International Monetary Fund* (IMF).[92]

Dalam perkara mata wang, keputusan mereka adalah memperkenalkan mata wang kertas yang mempunyai nilai tukaran yang tetap (*fixed exchange rate*). Nilai *United States Dollar* telah diikat dengan 1/35 daripada *troy ounce* (888.671 miligram emas), kemudian mata wang dari negara-negara lain pula diikat dengan nilai US *Dollar*.

Pihak kerajaan AS ketika itu pula berjanji akan membolehkan tebus tuntut (*redeemable*) setiap USD yang ada di tangan mana-mana pihak kepada emas sebenar.

Persidangan Bretton Woods pada tahun 1944 ini membawa kepada kewujudan wang yang disandar dan diikat kepada emas. Ia dinamakan *gold-backed paper money*, iaitu duit dalam bentuk kertas sebagai ganti kepada mata wang emas. Ia dijangka lebih baik kerana lebih ringan, mudah untuk dibawa serta dipinda dan disimpan. Ia juga dikenali sebagai *representative money*, kerana ia mewakili sejumlah emas atau perak yang berada di dalam simpanan bank.

Pada tahun 1971, perjanjian tadi telah dibatalkan. Antara puncanya adalah disebabkan oleh jumlah emas fizikal yang tidak mencukupi untuk menampung lambakan wang kertas di dalam pasaran. Memang sepatutnya setiap mata wang yang dicetak mestilah terdapat emas di belakangnya.

Namun, masalah bermula apabila pihak kerajaan AS mencetak mata wang kertas yang lebih banyak daripada jumlah emas fizikal yang berada di dalam simpanannya. Tindakannya itu dinamakan *fractional reverse system*. Sistem dan istilah ini MESTI difahami bagi melengkapkan kefahaman anda berkenaan penciptaan duit.

Perlu diketahui juga, bahawa wang kertas USD cetakan AS ini boleh ditebus dengan emas fizikal bagi mana-mana pihak antarabangsa tetapi tidak bagi rakyat mereka.

---

[92] *Oxford Dictionary of Economics*, John Black, hlm. 40.

Hasilnya, kerajaan Perancis menuntut emas fizikal apabila membawa sejumlah besar wang kertas USD. Keadaan ini membimbangkan AS kerana jumlah emasnya yang terhad serta juga bimbang tindakan Perancis akan ditiru oleh kerajaan negara lain. Jika ini berlaku, kerajaan AS akan dipenuhi dengan duit kertas tanpa nilai emas lagi.

ii | *Fractional Reserve Banking And Requirement*

Kerajaan AS memberikan gambaran berikut untuk menerangkan istilah ini dan mengapa ia diperlukan:

The fact that banks are required to keep on hand only a fraction of the funds deposited with them is a function of the banking business.

Banks borrow funds from their depositors (those with savings) and in turn lend those funds to the banks' borrowers (those in need of funds). Banks make money by charging borrowers more for a loan (a higher percentage interest rate) than is paid to depositors for the use of their money.

If banks did not lend out their available funds after meeting their reserve requirements, depositors might have to pay banks to provide safekeeping services for their money. For the economy and the banking system as a whole, the practice of keeping only a fraction of deposits on hand has an important cumulative effect. Referred to as the fractional reserve system, it permits the banking system to "create" money.[93]

Justeru...

Fractional reserves banking adalah satu sistem yang menetapkan pihak bank untuk MENGEKALKAN sebahagian daripada jumlah wang yang disimpan oleh pendeposit dan menggunakan bakinya untuk memberi pinjaman kepada pelanggan lain.

Investopedia mentakrifkannya sebagai: *A banking system in which only a fraction of bank deposits are backed by actual cash-on-hand and are available for withdrawal. This is done to expand the economy by freeing up capital that can be loaned out to other parties. Most countries operate under this type of system.*[94]

---

93 *Page 57 of 'The FED today', a publication released by the United States Federal Reserve education website designed to educate people on the history and purpose of the United States Federal Reserve system. http://www.federalreserveeducation.org/fed101/fedtoday/FedTodayAll.pdf.*

94 http://www.investopedia.com/terms/f/fractionalreservebanking.asp.

Kesimpulan

Sistem *fractional reserves banking* adalah sistem yang membenarkan pihak bank menyimpan sebahagian dan meminjamkan bakinya atas alasan menggalakkan perkembangan ekonomi, manakala *fractional reserves requirement* adalah jumlah minima deposit (wang simpanan) yang WAJIB DISIMPAN. Di Malaysia, syarat yang ditetapkan hanyalah 4% daripada jumlah simpanan seorang pendeposit. Terdapat pula negara yang meletakkan 10%, 20% atau 50% wajib disimpan, bakinya boleh dipinjamkan.

Sebagai contoh:

Katakan kita berada di sebuah negara yang meletakkan 20% sebagai *fractional reserves requirement*, maka berlakulah seperti di bawah:

John menyimpan wang tunai sebanyak RM1,000 di Bank A. Bank A menerimanya dan tidak akan menggunakan 20% daripada jumlah itu iaitu RM200. Manakala bakinya sebanyak RM800 boleh dipinjamkan.

Katakan pula, Encik Umar membeli perabot secara hutang daripada Encik Ali dan ingin meminjam wang daripada bank bagi menyelesaikan hutangnya. Bank memberikan pinjaman RM800 dengan kadar *interest* sebanyak X dalam tempoh 10 tahun. Dengan cara ini, bank berhasrat menambah asetnya.

Apabila Encik Umar menerima wang itu, dia terus menggunakannya untuk membayar perabot yang dibelinya daripada Encik Ali. Selepas itu, dia menyimpan hasil jualan perabot tadi di dalam akaunnya di Bank B. Jumlah RM800 dimasukkan ke bank komersial B. Tatkala itu Bank B mestilah menyimpan 20% daripadanya iaitu RM160. Bakinya sebanyak RM640 akan dipinjamkannya kepada pelanggan lain dengan *interest* juga. Begitulah pusingan wang di semua bank-bank dan peminjam. Katalah ia berterusan sehingga di Bank K.

Kesimpulannya, setiap kali terdapat orang yang menyimpan duit di bank, setiap kali itulah ia mempunyai kuasa untuk mencipta wang melalui pinjaman dengan *interest*. Setiap kali wang dicipta melalui *interest*, jumlah wang di dalam pasaran bertambah dan ia akan membawa kesan inflasi. Proses pertambahan dan pergandaan wang asal yang disimpan ini boleh berganda mengikut teorinya sebanyak 500%. Ia dinamakan proses *money multiplier*.

Untuk lebih mudah fahami, sila lihat rajah di bawah.

Bagaimana simpanan RM1,000 menjadi RM4,000 dalam pasaran?

Nama Bank	Jumlah disimpan (RM)	Jumlah pinjaman diberikan (RM)	*Reserves* (RM)
A	1,000	800	200
B	800	640	160
C	640	510.2	129.8
D	510.2	400.96	109.24
E	400.96	320.77	80.19
F	320.77	260.21	60.56
G	260.21	200.97	59.24
H	200.97	160.78	40.19
I	160.78	130.42	30.36
J	130.42	100.74	29.68
K	100.74		
			Total Reserves:
			890.26
	Jumlah Keseluruhan Simpanan	**Keseluruhan yang dipinjamkan**	***Total Reserves + Last Amount Deposited:***
	RM4,570.05	**RM3,570.05**	**RM1,000**

Bayangkan dengan simpanan RM1,000, wang itu berlegar dalam sistem perbankan sesebuah bank sehingga boleh menyebabkan penciptaan wang sebanyak RM4,570.05 dalam pasaran. Padahal, wang tunai yang sebenarnya hanyalah RM1,000. Inilah hasil *fractional reserve banking system.*

Sila lihat graf ini pula:

Rajah: *Graf money multiplier*

Ia menjelaskan bagaimana *fractional reserve requirement* yang ditentukan oleh kerajaan atau bank negara memberikan kesan kepada kadar maksimum pergandaan wang dalam pasaran.

Inilah yang sedang berlaku di bank-bank komersial di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Apa yang anda faham?

Cuma di Malaysia, pergandaannya tentulah lebih dahsyat kerana peratusan *fractional reserve* di Malaysia adalah 4% sahaja. Justeru grafnya akan menaik ke atas dengan lebih tinggi.

iii | Duit Kertas Fiat *(Fiat Money)*

Setelah memahami apa itu *fractional reserve banking* dan *requirement*, adalah lebih mudah untuk kita memahami bagaimana duit kertas hari ini dicipta. Semuanya bermula pada tahun 1971, munculnya *fiat money* iaitu duit kertas yang ada di sekeliling kita hari ini. Ia adalah wang kertas yang tidak disandarkan kepada apa-apa *precious*

metals seperti emas dan perak. Ia bukan lagi *representative money* sebagaimana yang diterangkan sebelum ini.

Ada yang berpendapat *fiat money* dicipta kerana jumlah emas yang tidak mencukupi untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi yang begitu cepat. Lombong-lombong emas gagal menghasilkan emas yang mencukupi untuk penciptaan wang. Maka atas dasar ingin melonjakkan pertumbuhan ekonomi, pergantungan kepada emas fizikal sahaja tidak lagi berkesan. Natijahnya *fiat money* dicipta.

Perkataan "*fiat*" pula berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud *let it be done*. Memang benar, *fiat money* yang wujud hari ini boleh dicetak oleh kerajaan berdasarkan kehendak mereka, sebagaimana yang dikatakan dicipta *from the thin air* atau daripada angin sahaja.

Menurut investopedia, *fiat money* dijelaskan sebagai:

"Currency that a government has declared to be legal tender, despite the fact that it has no intrinsic value and is not backed by reserves. Historically, most currencies were based on physical commodities such as gold or silver, but fiat money is based solely on faith."[95]

Jelasnya, apakah asas penciptaan wang kertas hari ini? Ia hanyalah berdasarkan kehendak, **keyakinan dan kepercayaan** orang ramai terhadap nilainya.

Jika tiba-tiba semua rakyat di dunia, enggan mengiktiraf USD dalam transaksi mereka, nilai USD akan menghadapi masalah, demikian juga Ringgit Malaysia.

Nilai wang kertas *fiat* ini pula kebanyakannya ditentukan oleh keyakinan manusia kepada kerajaan yang mengeluarkannya, ia dibiarkan terapung (*floating*) mengikut suasana ekonomi di sesebuah negara.

Sebab itulah jika kerajaan sewenang-wenangnya mencetak wang kertas *fiat*, ia sama sekali tidak menjadikannya kaya, malahan nilai mata wangnya semakin menjatuh.

Biasanya apabila perang berlaku atau masalah ekonomi berlaku seperti di AS dan Eropah di waktu ini, kerajaan melalui bank negara mereka akan mencetak lebih banyak wang kertas *fiat* bagi menghadapi urusan peperangan atau masalah kredit.

---

95 http://www.investopedia.com/terms/f/*fiat*money.asp.

Apabila cetakannya begitu dahsyat sampai melebihi perkembangan sebenar ekonomi dalam negara tersebut, inflasi atau susut nilai mata wang akan berlaku. Proses pertambahan jumlah wang kertas dalam pasaran dunia atau sesebuah negara ini dinamakan *money supply*.

Justeru, cetakan wang kertas dalam sesebuah negara MESTI dikawal oleh kerajaan sebaiknya, selaras dengan perkembangan industri dan perniagaan dalam negaranya. Jika tidak, jumlah wang kertas yang dihasilkan melebihi kadar pertumbuhan industri dan perniagaan sesebuah negara itu, hasilnya nilai mata wangnya akan jatuh merudum dan kuasa beli mengecut. Tatkala itu inflasi akan berlaku.

Contoh, jika dahulu RM5 boleh membeli ayam sekilogram, selepas inflasi RM5 hanya boleh membeli ½ kilogram ayam.

iv | Duit Kertas Fiat Dicipta Secara Semula Jadi dengan *Interest* Penyebab Inflasi

Dalam sistem konvensional hari ini, setiap duit yang dikeluarkan adalah dianggap barang dagangan (komoditi) yang mesti menghasilkan keuntungan dengan sendirinya. Mereka percaya cara mendapatkan keuntungan adalah melalui *interest* yang dikenakan kepada peminjam.

Ini amat bertentangan dengan Islam yang menghalalkan keuntungan dicapai melalui proses jual beli.

Mengapa berbeza?

Kerana proses jual beli memberikan ruang pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh, membuka peluang kerja, peluang *supplier* barangan, pembekal pasir, kontraktor, pembekal kertas dan ramai lagi akan mendapat manfaat daripada proses penghasilan keuntungan melalui jual beli. Sangat berbeza dengan pemikiran konvensional yang ingin menghasilkan duit daripada pinjaman duit.

Bagi mereka, duit dan wang dengan sendirinya adalah komoditi, ia adalah ibarat sebuah rumah, minyak petrol dan gas, kereta, lembu atau ayam yang boleh meng-

hasilkan duit sama ada dengan menyewakannya, menjual atau meminjamkan. Ia perlu membawa hasil pulangan.

Sekali lagi ditegaskan, setiap wang kertas *fiat* yang dikeluarkan oleh bank atau sesebuah kerajaan dilahirkan dengan *interest* di sebaliknya atau bersamanya, sejak dari mula asal usul penciptaannya.

Katakan, hanya Encik Robin yang ingin menggunakan wang kertas *fiat* di bandar Gotham. Hanya ada sebuah bank di bandar Gotham, iaitu Bank D. (Contoh ini adalah bersifat *fiction* tetapi ia hanya untuk memberi tambahan kefahaman bagaimana sistem bank mencipta wang kertas, riba bersamanya dan kesannya bagi jumlah keseluruhan wang kertas dalam pasaran).

Tiada sebarang wang kertas dalam pasaran dunia Gotham ketika itu. Kini Encik Robin memerlukan wang sebanyak Gotham Dollar 2000(GD 2000). Permohonan kepada bank dibuat, bank mencipta wang yang diminta daripada *thin air*, daripada angin tanpa sebarang sandaran. Dipinjamkannya kepada En. Robin GD 2000 itu dengan *interest* sebanyak Gotham Dollar 500 (GD 500).

Masalahnya, dalam pasaran dunia itu, wang yang wujud hanyalah Gotham Dollar 2,000 sahaja kerana itulah duit pertama yang dicipta oleh bank di bandar Gotham. Justeru, bagaimana En. Robin ingin mendapatkan lagi Gotham Dollar 500 untuk menyelesaikan *interest* kepada Bank D sedangkan tidak wujud Gotham Dollar yang lain selain 2,000 yang baru dicipta tadi?

Jawapannya, Robin terpaksa pergi kepada Bank D sekali lagi, kali ini ingin meminjam GD500 pula kerana berhasrat ingin menyelesaikan hutangnya dengan *interest*. Bank memberi pinjam GD500 tetapi sekali lagi ia dikeluarkan dengan *interest*, kali ini sebanyak GD50.

Sudah tentu sekali dan berjuta kali lagi En. Robin akan berada di bank yang sama membuat perkara yang sama dan hutangnya juga akan selesai. Itulah sistem kewangan dunia hari ini. Mereka menganggap setiap duit yang tercipta mesti membawa pulangan. Bezanya, terdapat ramai yang meminjam dan banyak bank yang menyediakannya bermula daripada Bank Negara.

Itulah yang berlaku dan itulah asas duit kertas *fiat*. Asalnya, ia dicipta oleh Bank Negara dan dipinjamkan kepada bank-bank komersial yang lain dengan *interest*, kemudian bersandarkan sistem FR dan *money multiplier* tadi, ia berkembang biak dalam pasaran sesebuah negara dan mengalir ke luar negara.

Bank Negara pula mengesahkan wang kertas *fiat* tadi mempunyai nilai untuk membayar segala jenis hutang awam dan swasta. Itulah status *legal tender* yang tercatat pada mata wang kertas kita dan USD hari ini.

Hukum wang kertas *fiat* dan pandangan ulama

Telah dsebutkan tadi wang kertas *fiat* tidak disandarkan kepada apa jua *precious metal*, ia tidak punyai nilai sendiri dan hanya bersandar kepada kepercayaan dan tanggapan umum terhadapnya.

Selain itu, ia juga dilahirkan bersama *interest*, nilainya sentiasa mengecut akibat inflasi daripada *sistem fractional reserve*. Jika itulah keadaannya, apakah hukumnya?

Bagi menentukan hukumnya, para ulama cuba melihat adakah wang kertas *fiat* ini sama seperti emas atau tidak?

Sistem penciptaan wang kertas *fiat* sebegini juga dilihat TIDAK ADIL sama sekali buat setiap individu yang berusaha. Bayangkan individu yang berusaha keras lalu berjaya, dan mempunyai simpanan berbilion ringgit Malaysia.

Tiba-tiba akibat kepercayaan antarabangsa kepada Ringgit Malaysia jatuh, nilai dan kuasa beli yang dimiliki oleh RM turut jatuh merudum. Inilah proses *hyperinflation* yang berlaku kepada Zimbabwe sekarang. Jikalau keadaan ini berlaku kepada Malaysia (moga dijauhkan Allah), dan jikalau individu berjaya tadi masih tidak menukarkan wang kertas *fiat* yang tersimpan di banknya kepada aset berharga seperti emas, perak dan *properties*, **SUDAH TENTU NILAI BERBILION TADI MENJADI BEBERAPA RINGGIT SAHAJA.** Adakah sistem MATA WANG SEBEGINI baik, maju lagi hebat?

Tidak sama sekali. Malah inilah sistem yang membenarkan usaha keras dirompak oleh sesiapa sahaja! Inilah yang berlaku kepada negara kita apabila George Soros melambakkan wang Ringgit sehingga jatuh nilainya begitu deras.

Selagi kita terus menggunakan sistem ini, selagi itulah kita boleh diugut oleh negara kaya, malah individu kaya turut boleh menjatuhkan nilai ringgit kita dalam masa satu minit! Tidak keterlaluan jika saya katakan, sistem wang kertas *fiat* adalah SATU PERANGKAP yang dibuat oleh negara Barat, dalam masa yang sama mereka juga terperangkap oleh perangkap yang dicipta mereka sendiri.

Jikalau mata wang kita berasaskan emas dan perak yang punyai nilai tersendiri dan tidak bersandar kepada kepercayaan dan keyakinan serta persepsi umum terhadap ekonomi negara kita, adakah masalah yang disebut tadi akan berlaku? Insya-Allah tidak.

Ibn Sina pernah berkata:

مِنْ حِكْمَةِ اللهِ فِي الْحَجَرَيْنِ وَنُدُورُهُمَا أَنَّهُمَا قِيَمٌ لِمَكَاسِبِ النَّاسِ.. فَلَوْ حَصَلَ عَلَيْهِمَا بِالصَّنْعَةِ لَبَطَلَتْ حِكْمَةُ اللهِ فِي ذَلِكَ وَكَثُرَ وُجُودُهُمَا حَتَّى لَا يَحْصُلَ أَحَدٌ مِنْ اقْتِنَائِهِمَا عَلَى شَيْءٍ

Maksudnya: *Ini adalah daripada hikmah yang dikurniakan Allah pada dua jenis logam ini (emas dan perak) dan kesukaran menemuinya (scarcity) sehingga itu ia mampu menjadi penyandar nilai usaha manusia (sebagai perolehan dan mata wang). Maka jikalau boleh sifat kedua-duanya (emas dan perak) itu diperolehi dengan mudah (secara tidak hakiki seperti apa yang ada pada mata wang fiat kertas), maka akan terbatallah hikmah penciptaannya oleh Allah, dan banyaklah yang boleh memilikinya sehingga menyimpannya (memilikinya) tidak memberi sebarang erti.*[96]

Tamadun Islam tidak pernah menghadapi masalah inflasi yang teruk kerana emas dan perak sentiasa mampu mendapat tempat di hati manusia. Oleh kerana kewujudan emas dan perak yang terhad, itulah hikmah yang menjadikan nilainya sentiasa kekal.[97]

Jika berlaku sedikit inflasi di zaman pemerintahan Islam, ia adalah kerana wang-wang sampingan iaitu wang bernama *fulus* terlebih sebaran di dalam pasaran.

96 Disebut oleh Ibn Khaldun di dalam *Al-Muqaddimah*, hlm. 482.
97 *Usul Ilmi al-Iqtisad*, Dr. Muhd Saleh, hlm. 310.

Fulus adalah duit sampingan untuk transaksi kecil. Ia pernah dicipta pada zaman pemerintahan Islam. Ia dibuat daripada bahan murah seperti campuran besi dan tembaga tanpa nilai tersendiri yang tinggi. Nilainya ditetapkan oleh kerajaan, ia menjadi popular dan tersebar di zaman al-Malik al-Nasir sekitar tahun 806. Sebelum itu semua zaman pemerintahan Islam hanya menggunakan EMAS dan PERAK sahaja sebagai mata wang utama.[98]

Menurut Prof. Dr. Ali Muhyiddin al-Qurrah Daghi, *fulus* sesuai disamakan keadaannya dengan mata wang *fiat* kertas pada zaman ini kerana kedua-duanya tiada nilai tersendiri.[99]

Imam al-Syafi'i pernah menolak tindakan menjadikan logam selain emas dan perak sebagai mata wang. Malah beliau amat tegas sehingga menolak sebarang *qiyas* terhadap emas dan perak. Namun ulama mazhab Syafi'i berpendapat *qiyas* dalam hal ini masih wujud sekiranya ia mempunyai *'illah athman (store value)*.[100]

Melalui persidangan dan mesyuarat Majlis Fiqh Antarabangsa, para ulama dengan bantuan pakar ekonomi dan kewangan kontemporari berijtihad secara *jama'i* dalam menentukan kedudukan wang kertas *fiat* ini.

Adakah ia sama hukumnya seperti emas dan perak walaupun ia tidak punyai nilai fizikal tersendiri (*intrinsic value*) atau ia bagaimana?

Setelah diskusi panjang lagi teliti dan terperinci pada tahun 1986, lalu petikan keputusan mereka adalah nombor 31 (3/9):

بِخُصُوصِ أَحْكَامِ الْعُمْلَاتِ الْوَرَقِيَّةِ: أَنَّهَا نُقُودٌ اعْتِبَارِيَّةٌ فِيهَا صِفَةُ الثَّمَنِيَّةِ كَامِلَةً وَلَهَا الأَحْكَامُ الشَّرْعِيَّةُ الْمُقَرَّرَةُ لِلذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ مِنْ حَيْثُ أَحْكَامِ الرِّبَا وَالزَّكَاةِ وَالسَّلَمِ وَسَائِرِ أَحْكَامِهَا

98 *Al-Nuqud*, al-Maqrizi, hlm. 65-66 ; *al-Nuqud wal Makayil*, al-Munawi, hlm. 123-127.
99 *Buhuth al-Iqtisad al-Islami*, Dar al-Basyair al-Islamiyyah, hlm. 33.
100 *Al-Umm*, 3/98; *al-Majmu'*, al-Nawawi, 9/393.

Maksudnya: *"Berkenaan hukum wang kertas fiat; Ia adalah mata wang pada hukumnya disebabkan padanya terdapat sifat nilai harga yang lengkap, dan oleh itu semua hukum hakam yang ada pada emas dan perak adalah jatuh kepada wang kertas fiat seperti hukum berkaitan riba, kewajiban zakat, jual beli secara salam, dan seluruh hukum emas dan perak."*[101]

Keputusan untuk mengaplikasikan hukum emas dan perak ke atas wang kertas *fiat* ini adalah bertepatan dengan pandangan Umar al-Khattab. Khalifah Umar pernah berhasrat menjadikan kulit kerbau sebagai mata wang, tetapi ia membatalkannya kerana bimbang akan ada yang pinjam-meminjam kerbau maka jatuh kepada riba.[102] Ini bererti Umar melihat apa sahaja yang dijadikan mata wang walaupun selain emas dan perak, hukum riba masih tetap ada padanya.[103]

Demikian juga apa yang disebut oleh Imam Malik bin Anas:

لَوْ أَنَّ النَّاسَ أَجَازُوا بَيْنَهُمُ الْجُلُودَ حَتَّى تَكُونَ سِكَّةً
وَعَيْنًا لَكَرِهْتُهَا أَنْ تُبَاعَ بِالذَّهَبِ وَالْوَرِقِ نَظِرَةً.

Maksudnya: *"Sekiranya orang ramai membenarkan sesama mereka untuk menjadikan kulit sebagai dibentuk menjadi wang, nescaya akan aku larang ianya dijual dengan emas dan perak secara tangguh."*[104]

Ia jelas menunjukkan pendirian Imam Malik bin Anas, dan boleh kita adaptasikan pandangannya dengan wang kertas *fiat* hari ini.

Jika kita kembali merujuk dan melihat kepada cara penciptaan mata wang *fiat* (yang telah disebutkan di atas) ini sudah tentu hukum penggunaannya adalah HARAM disebabkan cara penciptaannya.

Namun setelah para ulama melihat kepada faktor cengkaman ekonomi dunia kontemporari di tangan bukan Islam dan keperluan mendesak untuk penggunaan mata wang *fiat* disebabkan ketiadaan alternatif di hadapan mata sepeti mata wang dinar emas dan sebagainya, Majlis Fiqh Antarabangsa yang dianggotai ulama Fiqh terhebat dari seluruh dunia secara sepakat membenarkan penggunaannya. Namun dengan syarat ia mestilah mengikuti disiplin dan syarat yang sama dengan hukum

---

101 *Qararat wa tawsiat, Majma al-Fiqh al-Islami*, hlm. 40.
102 *Futuh al-Buldan*, Ahmad al-Balazari, hlm. 406.
103 *Al-Jami' fi Usul al-Riba*, Dr. Rafiq al-Masri, hlm. 114.
104 *Al-Mudawwanah*, 3/90.

atas emas dan perak. Ini kerana ia tetap berfungsi sebagai *medium of exchange* dan masih boleh menjalankan fungsi-fungsi duit di zaman moden ini walaupun tidak sesempurna emas dan perak fizikal.

Fahamilah, fatwa mestilah bersifat praktikal atau "jejak di atas muka bumi dan tidak terawang di angkasa". Memang boleh bagi para ulama untuk menfatwakannya sebagai haram, namun apakah alternatif yang ada di hadapan mata di ketika ini. Kita juga mengetahui bahawa fatwa para ulama bukannya dinilai begitu berat oleh pemimpin politik negara-negara umat Islam sehingga dengan segera mereka akan memperkenalkan dinar emas. Justeru itu, atas dalil *hajiat*, umat Islam diberikan keringanan untuk bermuamalat dengan wang kertas *fiat* ini namun MESTILAH MENGIKUT DISPLIN emas dan perak.

Pemain *forex* yang pelik

Kerana itulah, ingin saya tegaskan, individu yang sibuk meraih untung melalui perniagaan mata wang atau *forex trading* sebenarnya adalah penyumbang-penyumbang kepada inflasi dan menambah lagi masalah *money supply* yang telah saya sebutkan kesan akibat daripadanya.

Sudahlah FATWA keharusan penggunaan *fiat money* hanya berlandaskan *'hajiat tunnazzal manzilat al-dharurat'*, tiba-tiba MUNCUL individu yang mendakwa diri Islam menyalahgunakan fatwa ini untuk memuaskan ketamakan diri dengan melibatkan diri dalam *forex trading* melalui platform pelik-pelik di Internet. Ia bukan sahaja ditegah oleh undang-undang Malaysia malah juga hukum syarak.

Lebih bermasalah apabila kumpulan pemain ini berhujah kononnya *financial leverage* yang mereka sertai adalah halal tanpa sebarang masalah. Padahal masalah HUKUM sudah muncul di awal-awal lagi, iaitu pada mata wang kertas *fiat* yang lahir dengan cara riba, juga tidak bersandarkan kepada emas dan perak.

Inikah hasil pendapatan yang ingin dibanggakan? Mengambil untung atas perbezaan nilai satu mata wang *fiat* sebuah negara dengan mata wang negara yang lain. Bertenggek atas mata wang kertas *fiat* untuk memberi anak dan isteri makan? Fikirkan...

Keadaan ini berbeza dengan kita orang biasa yang menggunakan mata wang kertas *fiat* ini untuk jual beli seharian kita. Ia termasuk dalam fatwa keringanan (rukhsah) dan *hajiat* yang dimaksudkan oleh fatwa para ulama sedunia tadi.

Tidak saya nafikan ada "ustaz" yang terlebih tegas lalu berkeras mengatakan wang kertas *fiat* hari ini tetap haram. Memang benar hukumnya haram dan tahniah atas ketegasan. Namun saya bimbang mereka terlupa di dalam poket mereka ada terdapat wang jenis ini juga. Maka atas dasar keyakinan tegas mereka, setiap kali mereka menggunakan wang kertas *fiat*, setiap kali itu jugalah mereka tenggelam dalam dosa. Mereka berdosa kerana mereka seolah menolak fatwa yang memberikan keringanan menggunakannya pada waktu ketiadaan wang yang memenuhi kehendak Islam.

Sabda Nabi SAW:

لَنْ يُشَادَّ هَذَا الدِّيْنُ إِلاَّ غَلَبَهُ

Maksudnya: "*Tiadalah seseorang yang terlalu berkeras (atau melampau) dalam urusan agama kecuali mereka akan tewas (dengan kekerasan) mereka.*"

Kesimpulan

Fahami sekali lagi tulisan ini dan apakah alternatifnya? Tidaklah begitu mudah untuk saya menuliskannya dalam artikel yang ringkas.

Malah tidak mudah juga ia dilaksanakan pada zaman kuasa bukan Islam menguasai dunia. Mereka menguasainya melalui sistem Kapitalisme, dipenuhi pula dengan individu kapitalis yang enggan tunduk kepada kebenaran kerana tenggelam dengan kerakusan. Sistem kapitalis hari ini sebenarnya boleh diubah suai bagi menepati Islam sebagai sistem demokrasi.

Untuk tujuan itu, ia perlu bermula dengan diri ANDA. ANDA PERLU MEMAHAMI BAGAIMANA WANG *FIAT* DICIPTA DALAM SISTEM EKONOMI BEBAS KAPITALISME, fahamkan juga kesannya kepada diri anda dan dunia.

Riba dan Kaitannya dengan Krisis Ekonomi Amerika

Amerika Syarikat sedang menghadapi kejatuhan ekonominya akibat sistem kapitalis. Apa sebenarnya yang berlaku dan apa kaitannya dengan riba? Dan adakah jika sistem kewangan dan ekonomi Islam dilaksanakan, kita akan terselamat daripada malapetaka seperti ini? Tulisan ini akan cuba mendedahkan isu ini dalam bentuk yang separa ilmiah dengan kumpulan sasaran pembaca orang awam.

Justeru, jika anda seorang cendekiawan ekonomi, kewangan dan perbankan, saya kira tulisan ini mungkin tidak menambahkan sebarang nilai dan pengetahuan baru buat anda. Saya juga menggunakan bahasa-bahasa bukan kewangan bagi memudahkan kefahaman orang awam dalam memahami isu ini secara mudah.

Walaupun isu ini agak kompleks untuk diterangkan dengan mudah kepada pembaca yang tiada *basic* ilmu kewangan dan perbankan (kerana perbincangan berkenaannya banyak menggunakan istilah-istilah khusus kewangan dan perbankan), namun saya akan cuba sekadar kesempatan waktu dan kemampuan yang ada untuk memberi kefahaman kepada masyarakat. Kegawatan bermula daripada kes pinjaman dan pensekuritian bon subprima.

Fahami *subprime mortgage* terlebih dahulu

Subprime mortgage atau dalam Bahasa Malaysia kita sebut "peluang kedua pinjaman".

Ia adalah pinjaman wang yang diberikan kepada sekumpulan pengguna miskin, manakala sebahagian lainnya tidak menepati kriteria peminjam yang BOLEH diluluskan jika dilihat daripada piawaian sesebuah bank. Ia disebut sebagai mempunyai *credit rating* yang rendah.

KUMPULAN PENGGUNA *CREDIT RATING* RENDAH
• Mereka yang mempunyai **pendapatan rendah.**
• Mempunyai **sejarah** dan **rekod kegagalan bayaran hutang** yang tinggi, atau 'rekod merah'.
• Mereka yang **beban hutangnya** telah **melebihi kemampuan** pendapatannya.
• **Para spekulator** yang **tiada mempunyai wang** tetapi ingin membeli untuk tujuan pelaburan dan lain-lain lagi.

Dalam kata lainnya, mereka digelar "NINJA" singkatan bagi *No Income, No Job and No Assets*. Walaupun demikian, mereka telah diberikan peluang kedua untuk membuat pinjaman.

Perlu diingat, ia bukannya dibuat atas dasar ingin membantu, tetapi berpunca daripada sifat tamak sesetengah pihak kapitalis dalam perolehan keuntungan secara riba, mereka juga tidak menghiraukan sama ada kumpulan miskin dan bermasalah serta terdesak tadi akan semakin tertindas atau tidak. Apa yang penting buat mereka adalah untuk mengambil peluang meraih untung sebanyak mungkin.

Telah saya tegaskan beberapa kali, apabila pinjaman diberikan kepada mereka yang berpotensi untuk gagal membayar balik, risiko kegagalan membayar hutang yang dinamakan '*event of default*' akan menjadi semakin tinggi. Menurut kebiasaan sesebuah bank, jika risikonya tinggi maka lagi tinggilah kadar riba (*interest*) yang akan dikenakan terhadap peminjam.

Menurut faktanya, apabila lebih 100 buah syarikat yang memberi pinjaman jenis *Subprime* seperti *New Century Financial Corporation* memfailkan *bankruptcy* akibat gagal memperolehi pulangan berserta riba yang dikehendakinya, kegawatan mula kelihatan. Kegagalan ini membawa kerugian sebanyak USD 6.5 trilion dan memberikan kesan negatif kepada seluruh industri jual beli rumah, perbankan dan ekonomi AS. [105]

Isu ini mula menggugat ekonomi Amerika sejak tahun 2007 dan berterusan kesannya sehinggalah apa yang berlaku kepada kebankrapan dan kerugian besar syarikat gergasi di Bursa Saham Wall Street seperti Lehman Brothers, Merrill Lynch, AIG dan lain-lain. Ia bakal membawa kesan *domino* atau kesan bertali kepada mana-mana syarikat yang mempunyai ikatan dengan mereka yang rugi ini, akan saya huraikan kemudian.

Ia bermula apabila sektor perumahan di AS menjadi *bubble*. Erti *bubble* dalam konteks ini adalah apabila nilai valuasi rumah meningkat sehingga mencapai tahap *unsustainable* iaitu tidak mampu lagi ditanggung jika dilihat kepada purata pendapatan penduduk.

Hasilnya, bilangan peminjam yang gagal ia disebut '*defaulters*' menjadi semakin tinggi. Keadaan ini merebak sehingga berlakunya krisis kegawatan pada bulan Ogos 2007 yang lalu.

---

105 http://biz.yahoo.com/ap/070312/mortgage_meltdown_q_a.html?.v=1.

Cadangan kerajaan AS untuk *bail out* USD 700 bilion

Apabila ini terjadi, nilai rumah tiba-tiba menjadi jatuh merudum pula sehingga banyak pihak yang telah membeli dan memegang rumah dan hartanah tidak lagi mendapat untung daripada aset yang mereka pegang. Kerugian pun menjelma dan memberikan kesan kepada seluruh sektor kredit, perbankan dan ekonomi dunia. Pihak bank akan ditimpa *Non Performing Loans* (NPL) atau hutang tertunggak yang tinggi. Selain itu ia juga memberi kesan rugi kepada seluruh sektor pembinaan, pembekal dan banyak lagi. Ia juga bakal membawa keruntuhan. Hasilnya, Presiden AS, George Bush (ketika itu) telah memperuntukkan *"bail out plan"* dengan harga antara USD 700 bilion ke USD 1 trilion untuk membeli aset pinjaman tertunggak yang merosakkan tersebut.

Pihak AS merancang, setelah membeli semua aset tadi, mereka akan menjualnya semula dan memperolehi keuntungan pula daripadanya. Namun terdapat pakar pelaburan seperti Warren Buffet dan ramai lagi yang menganggap lebih bijak jika kerajaan membiarkan sebahagian sekuriti tenat dan tertunggak ini dijual di pasaran terbuka kepada sektor *private* dan bukannya dibeli oleh kerajaan.[106]

Secara ringkasnya isunya adalah:

a) Apa yang menjadi isu dengan kes *bail out* terbaru ini adalah, jumlah besar itu adalah wang hasil kutipan daripada pembayaran cukai daripada seluruh warga AS. Namun, malangnya wang cukai yang mereka bayar akan digunakan untuk menyelamatkan beberapa buah syarikat gergasi di Wall Street, sedangkan ramai yang tidak terlibat dengan aktiviti saham dan tidak mendapat faedah secara langsung daripada *bail out* ini. Inilah yang menyebabkan kemarahan orang ramai. Duit mereka digunakan untuk menyelamatkan si kaya manakala syarikat kecil dan sederhana tiada sebarang bantuan.

b) Selain itu, untuk menjayakan tujuan ini, kerajaan AS terpaksa mencetak lebih banyak wang dan ini akan meningkat kadar inflasi iaitu nilai USD akan jatuh merudum.

---

106 *Financial crisis and bailout: 9 letters*. Blogs.denverpost.com (September 27, 2008).

c) Sebahagian pakar ekonomi menamakannya sebagai *hyperinflation* atau inflasi di luar kawalan. Selain itu, *purchasing power* mereka turut jatuh. Contoh *hyperinflation* adalah apa yang berlaku kepada Jerman pada tahun 1923 apabila kadar tukarannya adalah Marks (mata wang Jerman) 4,200,000,000,000 (4.2 bilion) adalah sama dengan USD1 sahaja! Yang terbaru adalah Zimbabwe di mana nilai duit Zimbabwe sebanyak 688 bilion adalah sama dengan USD1.[107]

d) Ini juga bermakna, semua peminjam-peminjam di bank AS terpaksa mencari sumber wang lain untuk membayar hutang mereka disebabkan nilai mata wang mereka menjadi kecil. Kalau dulu USD1,000 mereka boleh membayar pinjaman perumahan bulanan, namun akibat *bail out* ini, nilai USD1,000 itu sudah jatuh kepada USD900.

e) Ia juga boleh mengakibatkan pelbagai bencana ekonomi seperti berlakunya penyorokan barang pengguna kerana menunggu harga meningkat.

f) Hutang AS juga pasti akan meningkat tinggi. Dijangkakan hutang AS akan meningkat kepada USD 11.3 trilion daripada jumlah sekarang iaitu USD 10.6 trilion.[108]

231 ahli akademik yang merupakan pakar ekonomi di univeristi seluruh AS membantah tindakan ini dalam satu surat yang ditandatangani bersama oleh mereka. Mereka menegaskan:-

"Investors who took risks to earn profits must also bear the losses. [...] The government can ensure a well-functioning financial industry [...] without bailing out particular investors and institutions whose choices proved unwise."[109]

107 http://en.wikipedia.org/wiki/Hyperinflation_in_Zimbabwe.
108 Benjamin, Matthew (September 24, 2008). "Paulson Plan May Push U.S. Debt to Post-WWII Levels (Update1)", Bloomberg.
109 http://faculty.chicagogsb.edu/john.cochrane/research/Papers/mortgage_protest.htm.

Pensekuritian pinjaman subprima dan pandangan Islam

Bagi anda memahami isu ini dengan lebih tersusun, mari kita memahami isu *sub-prime* dan pensekuritiannya. Keadaan menjadi parah sebenarnya apabila pinjaman-pinjaman *SUBPRIME* tadi telah disekuritikan menjadi *'Mortgage Backed Securities'*; iaitu sijil-sijil boleh niaga yang disandarkan kepada sesuatu aset (*asset-backed security* yang mana *cash flow* atau aliran tunainya datang daripada pembayaran pinjaman pokok dan *interest* bagi satu kelompok pinjaman perumahan. Kemudiannya ia diniagakan dengan risiko berbeza mengikut tahap-tahapnya. Dalam kes yang sedang kita bincangkan ini, kelompok pinjaman itu adalah daripada pinjaman *sub-prime* yang telah diberitahu tadi. Sila lihat rajah untuk lebih faham.

Rajah : Proses MBS.[110]

Sila lihat kepada pulangan riba (*expected return*) yang dijanjikan kepada pelabur (pembeli sijil ini) yang disebut itu. Pulangan itu gagal ditepati apabila pihak peminjam gagal membayar hutang rumah mereka.

Sekali lagi, apakah maksud sekuriti di sini?

Ia adalah satu proses mengumpulkan pinjaman-pinjaman ini dalam satu kumpulan (*pool of portfolio*), kemudiannya ditukar menjadi sebuah sijil pelaburan boleh niaga yang dinamakan bon atau sekuriti atau *Mortgage Backed Securities*.

110 http://en.wikipedia.org/wiki/Mortgage-backed_security.

Ia adalah sebuah *instrument* pelaburan riba yang menjanjikan PULANGAN TETAP bagi mereka yang berminat membelinya.

Disebabkan sifat tamak pelabur kapitalis, mereka telah menjual bon yang disandarkan kepada pinjaman *Subprime* yang berisiko ini dan ia telah dibeli oleh pelbagai pihak termasuklah bank-bank pelaburan (*investment banks*) yang besar seperti Lehman Brothers yang merupakan syarikat keempat terbesar di Bursa Wall Street.

Apa yang dilakukan ini jika dilihat daripada perspektif Islam dinamakan *debt trading* atau menjual hutang. Ia difatwakan haram oleh Majlis Fiqh Sedunia dan juga Majlis Syariah, Perakaunan dan Kewangan Islam Antarabangsa (AAOFI) iaitu apabila ia dijual lebih rendah daripada harga asal hutang (secara diskaun).

Untuk analogi mudah lagi ringkas, ia adalah seperti berikut:-

Encik David berhutang sebanyak RM1 juta daripada Encik Lingam. Encik David dikehendaki membayar semula hutangnya sebanyak RM1.5 juta dalam masa 5 tahun. Ini bermakna Encik Lingam mengenakan RM500,000 riba ke atas Encik David.

Tiba-tiba selepas dua bulan, atas sebab tertentu, Encik Lingam perlukan wang tunai dengan segera, untuk menyegerakan perolehan tunai, Encik Lingam telah menjual hutang Encik David tadi kepada Encik Chua dengan harga yang lebih rendah iaitu RM1.3 juta. Walaupun harganya lebih rendah, namun Encik Lingam puas hati kerana ia memperolehinya secara *cash* atau tunai.

(Inilah yang dimaksudkan jualan hutang secara diskaun, dan ia dianggap riba oleh ulama antarabangsa kerana wang ditukar dengan wang syaratnya mestilah sama nilai)

Di hujung transaksi, Encik Lingam berjaya memperolehi wang tunai segera namun sedikit berkurangan daripada jumlah yang patut diperolehinya jika dia sanggup menunggu selama 5 tahun.

Dan risiko menunggu bayaran hutang penuh oleh Encik David kini sudah dipindah kepada Encik Chua, namun Encik Chua bakal menerima untung riba sebanyak RM200,000 pula dengan mudah.

Encik David tetap perlu membayar seperti biasa.

Berkemungkinan Encik Chua akan menjualkannya kepada Encik Mutu pula dengan harga RM 1.2 juta.

Untuk memahami isu yang sedang dibincang, anda hanya menukarnya seperti berikut:

Encik David - Peminjam miskin dan tidak cukup syarat

Encik Lingam – Syarikat pemberi hutang seperti New Century Financial Corporation

Encik Chua – Lehman Brothers dan lain-lain.

Encik Mutu – Semua bank yang membeli MBS ini daripada Lehman, Merrill Lynch dan lain-lain.

Maka apabila Encik David gagal membayar hutang, semua pihak akan terancam. Inilah yang berlaku.

Inilah yang dikatakan *discounted debt trading*. Ia dikenalpasti berlaku dalam kes *Subprime*, iaitu apabila pihak bank pelaburan membeli MBS yang mewakili hutang perumahan tadi, mereka telah membayar sejumlah wang yang besar, dan kini mereka bergantung kepada bayaran hutang oleh peminjam-peminjam berisiko tadi.

Tiba-tiba peminjam gagal membayar dan sebahagiannya diisytiharkan bankrap. Keuntungan yang pihak bank jangkakan tidak kunjung tiba, sebaliknya kerugian pula menjelma.

Kesan terbaru di Wall Street

Inilah yang berlaku kepada Lehman Brothers, sebuah syarikat gergasi di Wall Street yang diasaskan oleh Lehman berbangsa Yahudi. Ia mempunyai nilai aset sekitar USD 600 bilion (RM 2.4 bilion), syarikat ini juga mempunyai 25,000 pekerja di seluruh dunia. Tunjang bisnesnya adalah *trading fixed-income assets*, penyelidikan, pengurusan pelaburan dan *private equity*. Syarikat ini runtuh kerana riba, tamak dan sistem jualan hutang riba (*debt trading*).

Lehman Brothers adalah *dealer* yang terbesar dalam *fixed interest* security (iaitu pelaburan pulangan tetap – riba) yang terkenal di pasaran Wall Street dan mereka telah melabur dengan begitu besar dalam sijil-sijil boleh niaga yang disandarkan kepada US *Subprime Mortagage Market*. Namun ia gagal menjual *lower rate* MBS daripada *Subprime* yang dipegangnya. Dalam suku kedua tahun 2008 sahaja menyaksikan Lehman kerugian USD2.8 bilion dan terpaksa menjual asetnya bernilai USD6 bilion.[111]

Seterusnya kerugiannya sebelum brankrap mencecah USD7.8 bilion, dan masih terdedah kepada kerugian USD54 bilion daripada pegangan *mortgage backed securities* yang masih dimilikinya. Hasilnya, nilai sahamnya telah jatuh lebih daripada 95%.

Akhirnya pada 15 September 2008, bank ini telah memfailkan *bankruptcy chapter 11*[112], ketika itu statistik mencatatkan Lehman mempunyai hutang sebanyak USD613 bilion, USD155 bilion lagi hutang dalam bentuk bon atau MBS tadi, dan aset keseluruhan mereka adalah bernilai USD639 bilion.[113]

Pada 22 September 2008, mereka telah "ditelan" atau dibeli oleh sebuah lagi gergasi lain iaitu Barclays Bank PLC yang mempunyai aset sebanyak USD2.7 trilion (lebih kurang RM 9.18 trilion). [114] Namun, Barclays hanya membeli tunjang bisnes dan pentadbiran Lehman dengan harga USD1.35 bilion yang merangkumi ibu pejabat Lehman yang bernilai USD960 juta dan beberapa yang lain.

Selain itu, hasil daripada masalah pinjaman riba tadi juga turut menyaksikan kejatuhan gergasi bank iaitu Merrill Lynch, sebuah bank pelaburan terkenal yang terpaksa dijual kepada Bank of America dengan harga USD50 bilion untuk menyelamatkan dirinya.

Seperti Lehman Brother, Bank Merrill Lynch juga mengalami kerugian teruk akibat sijil-sijil pinjaman yang dipegangnya mengalami kejatuhan nilai setiap hari, menyebabkan pelaburnya kebimbangan. [115] Semuanya hasil ketamakan dan kini bala daripada industri RIBA sudah tiba.

Bertali arus daripada isu ini juga, sebuah gergasi insurans iaitu AIG turut menderita sekarang dan memerlukan suntikan wang segera bernilai berbilion dolar. Mereka

---

111 Jenny Anderson; Eric Dash (2008-08-29). "Struggling Lehman Plans to Lay Off 1,500", The New York Times.

112 http://en.wikipedia.org/wiki/Chapter_11.

113 Lehman Lists Debts Of $613 Billion In Chapter 11 Filing Monday". Money.cnn.com.

114 http://www.lehman.com/press/pdf_2008/0922_lb_open_under_barclays_ownership.pdf.

115 http://money.uk.msn.com.

telah memohon pinjaman kecemasan daripada kerajaan Amerika yang dilaporkan bernilai USD40 bilion.

Sebenarnya, setiap MBS yang dipegang oleh bank-bank pelaburan ini telah mendapat jaminan tidak akan berlaku *default* atau kegagalan pembayaran daripada pihak peminjam. Jaminan ini diberikan oleh dua syarikat tajaan kerajaan (*Government Support Enterprises*) yang besar iaitu ***Federal National Mortgage Association*** (Fannie Mae) dan *Federal Home Loan Mortgage Corporation* (Freddie Mac), yang mana mereka menjamin *US Mortgage Market* dengan nilai USD6 trilion daripada keseluruhan USD12 trilion industri pinjaman perumahan AS. Namun akhirnya, mereka turut "gulung tikar" dan diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan AS.[116]

Selain daripada nama-nama yang disebut tadi, banyak lagi bank-bank pelaburan gergasi di Wall Street seperti *Bear Stearns, Goldman Sachs*, dan *Morgan Stanley* terlibat dalam perniagaan sekuriti hutang.

Kesan kepada anda?

Benar, anda tiada buku bank dan cek di bank-bank yang disebut tadi kerana mereka adalah bank pelaburan dan hanya berurusan dengan transaksi kewangan atas angin yang bernilai bilion dan ratusan juta dolar. Kebanyakan *financial instruments* yang digunakan oleh mereka untuk menghasilkan keuntungan juga jatuh merudum seperti *derivatives*.

Selaku individu biasa, anda memang tidak merasa kesannya secara langsung, namun ia akan datang secara tidak langsung.

Paling tidak, kejatuhan Lehman yang begitu besar memberikan kesan automatik kepada kejatuhan pasaran saham, harga saham-saham lain juga turut terkesan disebabkan pelbagai faktor sampingan lain seperti kepanikan pelabur yang dengan segera menjual saham-saham mereka.

Selain itu, oleh kerana Lehman adalah sebuah bank yang cukup besar, banyak bank-bank yang lebih kecil berurusan dengannya sama ada sebagai pelabur dan penyimpan. Semua bank-bank ini akan turut merasa kepanasannya.

---

116 http://en.wikipedia.org/wiki/Federal_takeover_of_Fannie_Mae_and_Freddie_Mac.

Telah saya nyatakan tadi, gergasi insurans konvensional riba iaitu AIG juga sedang bermasalah, jika ini gagal diselesaikan, semua syarikat di seluruh dunia yang mempunyai bisnes dengan AIG bakal merasai bencananya dan memburukkan lagi seluruh sistem ekonomi kapitalis ini.

Selain itu, setiap bank yang ada berurusan dengan Lehman Brothers juga mendapat tamparan secara langsung. Lebih teruk lagi, bank-bank ini bakal gagal menunaikan janji mereka kepada para depositor di bank mereka, terutamanya bagi produk-produk *fixed deposit*. Pihak bank akan gagal memberikan kadar bunga yang dijanjikan. Lebih teruk daripada itu, wang orang ramai juga boleh hilang terus, tatkala itu syarikat insurans akan "bungkus" juga.

Di United Kingdom, jika anda menyimpan di bank-bank tempatan, sekiranya terdapat mana-mana bank di UK lingkup akibat kesan di USA, simpanan yang terjamin selamat hanyalah £50,000 sahaja. Demikian tegas *The Financial Services Authority* (FSA).[117] Sebagai contoh, jika anda punyai simpanan sebanyak £120,000, kemudian jika bank di UK jatuh bankrap, semua wang simpanan akan hilang kecuali £50,000 sahaja yang akan dibayar semula kepada penyimpan.

Selain itu, semua kesan yang akan berlaku kepada Amerika bakal memberi kesan kepada ekonomi mana-mana negara yang banyak bergantung kepadanya, termasuk Malaysia.

Pandangan Islam

Saya ringkaskan begini:

i) **Sistem Islam terlibat dalam *real market* yang meniagakan aset dan bukannya mengenakan *interest* atas pinjaman wang dan penjualan hutang seperti yang banyak dilakukan di *financial market*,** malah kebanyakannya tiada pun transaksi sebenar, fizikal dalam bentuk aset. Keadaan ini membuka ruang spekulasi yang berlebihan dan perkembangan industri riba yang akhirnya jatuh merudum.

ii) Sistem Islam tidak membenarkan kita memberikan pembiayaan perumahan kepada mereka yang tidak mempunyai potensi untuk membayar semula. Ia memang kelihatan tidak toleran, namun ia adalah sangat to-

117 http://news.bbc.co.uk/1/hi/business/7650551.stm.

leran dan lebih baik kerana tidak menghimpit mereka yang tidak mampu dengan hutang baru yang pastinya tidak akan mampu dibayar.

iii) **Sistem Islam tidak menggalakkan hutang dan perkembangan industri hutang di luar kemampuan. Namun sistem jualan hutang (*debt trading*) meningkatkan potensi beban hutang lebih daripada kemampuan sebenar**. Jualan hutang yang dibenarkan oleh Islam hanyalah jika pada harga yang sama sahaja.

Berbeza dengan konvensional yang menjadikan jualan hutang dengan diskaun sebagai *trend* popular untuk mendapatkan kecairan (*liquidity*).

Namun demikian, sebahagian besar ulama kewangan Islam di Malaysia membenarkan jualan hak hutang dengan harga lebih rendah daripada nilai hutang atas ijtihad mereka bahawa yang dijual bukanlah wang, tetapi hak *maliah* atau hak kewangan. Pandangan ini ditolak oleh majoriti ulama antarabangsa.

Prof. Dr. Monzer Kahf berkata dalam konteks ini:

Two main points are essential in this regards: Elimination of debt trading in the Islamic econo-finance system is important. This is an essential result of the prohibition of Riba.

Once debts are no more discounted and traded, the financial market cannot be stretched beyond what the real sector can bear. *In fact financing shall always be less that real market transaction because financial institutions require that certain portion of the transaction be financed by the parties themselves from equity.*

This avoid the chain repercussion of any debt failure and this is a major cause of the trouble of major finance institutions in this crisis. The second lesson is never finance non- real transactions. That is eliminating most of the derivatives and their transactions that are essentially speculative and do not add value to the economy.

Besides these two points we have the moral issues of Islamic economics, but that is a little remote from the finance mentality and it is long term by definition and nature.

iv) **Sistem Islam, tidak membenarkan pelaburan dengan janji pulangan tetap sebagaimana yang dilakukan oleh MBS *Subprime*.** Ini akhirnya membebankan semua pihak terutamanya pihak yang berjanji, walaupun pada awalnya kelihatan menguntungkan. Bayangkanlah, pihak yang berjanji itu bukanlah kecil malah ia sebesar Lehman Brother.

Namun Allah SWT Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Sistem Islam hanya membenarkan sistem pelaburan *Mudarabah* dan *Musyarakah*. Kedua-duanya mempunyai cara dan undang-undang tersendiri dalam pengendalian kerugian, dan ia adalah adil dan saksama, tidak seperti sistem kapitalis dan riba yang menimpa AS. Jika sistem pelaburan Islam diaplikasi, bencana seperti yang berlaku kepada *Subprime* tidak akan menjadi seteruk itu.

Sistem kewangan Islam juga mempunyai sijil niaga seperti MBS, namun ia didasari oleh akad *Musyarakah*, *Mudarabah*, *Ijarah* dan lain-lain. Sila rujuk bab *Musyarakah*, *Mudarabah* dan *Ijarah* bagi mengetahui cara dan keadah pelaburan Islam.

v) **Apa yang berlaku juga adalah hasil sistem ekonomi *free market*, iaitu membiarkan industri menentukan halatuju tanpa kawalan. Sistem ekonomi Islam menganjurkan kawalan pasaran oleh kerajaan dalam bentuk yang sewajarnya**. Sistem *hisbah* turut wujud bagi memantau aktiviti pasaran. Sebagai contoh, cara pembelian saham *short selling* adalah haram di sisi Islam. Ia tidak dibenarkan di Malaysia, namun ia dibenarkan di Wall Street. Setelah kejatuhan teruk ini pada 19 September 2008, barulah mereka terkial-kial mengharamkan pembelian dan penjualan secara *short selling* terhadap 799 saham di Wall Street. Ini mewujudkan lebih ramai spekulator dan merosakkan penentuan *demand and supply* yang sebenar. Hasilnya, nilai sebenar terhalang oleh aktiviti spekulator.

Adakah semua negara termasuk negara umat Islam akan terkesan?

Satu persoalan yang timbul: Adakah kejatuhan Wall Street akan mempengaruhi nilai dolar dan akhirnya mengganggu-gugat semua nilai mata wang dunia? Bagaimana dengan negara umat Islam?

Jawapannya: Sudah tentu negara yang mengikat dan bersandar kepada ekonomi AS akan merasai kesannya. Demikian juga mereka yang banyak berurusan dengan bank-bank AS. Namun negara-negara Arab mungkin sedikit berbeza. Dr. Monzer berkata:-

Although many Arab countries tie their currencies to the US$ but their economies are not in fact largely dependent on the American economy. They depend largely on their own resources and the momentum of domestic infrastructure and construction sector.

Further, I don't think that finance markets in the Gulf, Egypt, Turkey and other Arab countries are dependent on the American financial market, I think whatever these emerging markets are facing now is caused by local policy and construction rather than on the effect of the American finance sector, especially a good proportion of the banking system in the Gulf countries has already moved to Islamic finance that in fact shielded it from the current credit crisis that is basically a debt and mortgage crisis and Islamic finance in the ME does not trade debts.[118]

Justeru, Malaysia perlu melepaskan diri sedikit demi sedikit daripada bergantung kepada USD dalam urus niaga antarabangsanya. Jika tidak, kita pasti akan terkesan dengan masalah ekonomi AS.

Riba dan Akaun Pelaburan Emas

Dalam bahagian sebelum ini kita telah membaca pembahagian riba dan jenisnya. Salah satu antaranya adalah Riba Buyu'. Berkaitan dengan riba tersebut, timbul persoalan daripada orang ramai sama ada mereka boleh menyimpan secara melabur dalam akaun emas yang ditawarkan oleh beberapa buah bank konvensional.

Tidak dinafikan, tatkala nilai mata wang USD dan lain-lain semakin tidak menentu ketika ini, membeli emas dengan tujuan pelaburan adalah tindakan positif menurut banyak pendapat. Ini mungkin disebabkan emas yang mempunyai nilai lebih stabil berbanding mata wang kertas (*paper or fiat money*), ditambah pula dengan permintaan emas yang sentiasa ada.

118 http://www.islamonline.net/livedialogue/english/Browse.asp?hGuestID=VeCtpd.

Bagi mengulas isu yang ditanyakan, setelah merujuk dan melakukan pembacaan maklumat daripada *web* bank yang terbabit, saya berpendapat seperti berikut :

Apabila seseorang pelanggan ingin membuka akaun pelaburan emas, ini bererti ia bersetuju untuk membeli emas, simpan dan mungkin menjualnya apabila harga emas meningkat.

Oleh sebab itu, hukum bagi sebarang jenis akaun pelaburan jenis emas ini bergantung kepada beberapa keadaan. Bagi memberikan sedikit kefahaman kepada pembaca berkenaan perbezaan keadaan ini, ia adalah seperti berikut:-

HARAM DAN BATAL

Jika emas itu belum berada dalam pemilikan bank dan hanya akan dibeli daripada pihak ketiga dalam majlis transaksi yang berasingan, urus niaga pembukaan akaun itu telah menjadi HARAM dan tidak SAH, kerana pihak bank telah menjual emas yang tiada di dalam miliknya dan juga kerana riba telah berlaku apabila tiadanya elemen *'taqabud fil majlis'* (serah terima dalam satu masa). Sebarang penangguhan membawa kepada *Riba al-Nasi'ah.*

Kesimpulan

Pastikan emas yang ingin dijual mestilah berada dalam pemilikan pihak bank tersebut.

HARAM DAN BATAL

Iaitu jika emas BELUM atau TIDAK diterima serta merta ketika membuka akaun pelaburan emas itu.

Sebagai contoh, pelanggan membayar sejumlah wang untuk membeli emas 100 gram dan memulakan akaunnya, namun pihak bank tidak memberikan sebarang bukti pembelian telah termeterai dengan rasminya atau *"concluded."* SERTA tiada sebarang jenis bukti bertulis yang menunjukkan pelanggan kini menerima hak *"tasarruf"* (hak kebebasan terhadap sejumlah emas yang telah dibelinya sama ada untuk menjualnya pada bila-bila masa yang dikehendakinya).

HARAM DAN SAH

Setelah anda membaca dua bentuk yang jatuh haram, sudah tentu anda mampu memastikan bagaimana bentuk akaun pelaburan emas yang halal dan sah. Iaitu:-

a. Bank memiliki emas yang dijual semasa menjual.

b. Bank memberikan bukti dan hak *tasarruf* kepada pelanggan sama ada dalam bentuk fizikal emas atau bentuk sijil hak ke atas sejumlah emas (yang telah dibeli), yang mana sijil itu melayakkan pelanggan itu menuntut emasnya secara fizikal pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Ini bermakna, sijil itu ibarat sebuah kad debit dan cek yang mewakili duit fizikal yang wujud. Penyerahan menggunakan sijil hak milik emas sebagai tanda pembeli dan pembukaan akaun sudah sempurna adalah SAH dan HARUS di sisi Islam. Ia dianggap sebagai penyerahan tidak fizikal *(al-Qabdhu al-Ma'nawi)*. Demikian fatwa oleh Majlis Fiqh Antarabangsa dalam keputusan mereka nombor 84, 9/1.[119]

Kes akaun pelaburan emas di bank

Setelah melihat serba ringkas *info* akaun pelaburan emas di kedua-dua bank terbabit melalui *web* mereka, saya kira Maybank Berhad menawarkan akaun pelaburan emas yang HALAL dengan TIGA lagi syarat tambahan lagi, iaitu:

i- JANGAN DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI RIBA

Mestilah emas sebenar (fizikal) yang berada dalam simpanannya bagi pihak pelanggan tadi TIDAK digunakan untuk kegunaan aktiviti *ribawi* mereka. Justeru, satu jaminan atau pengesahan daripada pihak bank mestilah diperolehi sama ada secara lisan atau bertulis atau disahkan oleh Majlis Syariah bank berkenaan.

Apabila kita menyimpan emas fizikal yang telah kita beli di bank tersebut, akad simpanan itu juga sepatutnya mesti dikenal pasti dengan jelas. Apakah jenis akadnya? Adakah ia Wadiah? Atau *Qard* dan sebagainya.

119 *Qararat Wa Tawsiat, ibid.* hlm. 191.

ii- JUMLAH EMAS MENCUKUPI KETIKA TRANSAKSI

Mestilah dipastikan wujud jumlah emas mencukupi ketika proses jual beli dibuat pada satu-satu masa.

Maksud saya, sebagai contoh: Bank mempunyai 100 kilo emas sahaja, dalam masa yang sama (satu waktu), 100 kilo emas itu digunakan untuk dua atau lebih pelanggan yang berlainan.

Pelanggan Ahmad membeli 100 kilo emas pada jam 2.30 petang, dan saudara Ah Chong juga membeli dan membuka akaun yang sama tepat jam 2.30 petang di kaunter berlainan. Padahal bank hanya mempunyai 100 kilo emas sahaja. Tatkala itu, transaksi orang kedua tidak sah. Hanya yang pertama sahaja yang sah.

iii- CARA PEMBAYARAN YANG HALAL

Pembayaran yang dibuat oleh pihak pelanggan pula WAJIBLAH menggunakan sama ada tunai, debit akaun serta merta, kad debit dan kad kredit Islam bank tempatan atau cek tempatan.

Sebarang pembayaran menggunakan cek antarabangsa dan kad kredit Islam yang mengambil masa lebih daripada tiga (3) hari untuk *settlement* adalah TERLARANG menurut fatwa Majlis Fiqh Antarabangsa.

Mengapa tiga hari?

Ia adalah tempoh maksimum menurut *'uruf* bagi memastikan syarat *'Taqabud fil hal'* tercapai. Ini adalah mengikut fatwa yang dipetik daripada pandangan mazhab Maliki dan juga fatwa kebanyakan ulama *fiqh* sedunia, termasuk Syeikh Dr. Abd. Sattar Abu Ghuddah.

iv- PEMEGANG AKAUN PELABURAN EMAS MESTILAH MEMBAYAR ZAKAT

Apabila cukup haul atau tempoh setahun bulan Islam dan apabila nisab simpanannya mencapai atau melebihi nisab maka wajib keluar zakat emas iaitu 85 gram. Sesiapa yang ingin membuat kira-kira sila buka *link* yang disertakan.[120]

Namun akaun pelaburan sebuah lagi bank saya kurang pasti kerana tidak dinyatakan sama ada sijil atau bukti pembelian itu boleh ditukarkan kepada emas fizikal pada

120 www.zakat.com.my/kalkulator/emas.html.

bila-bila masa yang dikehendaki. Malah penyoal menyatakan beliau telah menelefon pihak bank dan terbukti sijil atau bukti pembelian itu tersebut TIDAK BOLEH ditukar kepada emas fizikal. Tatkala itu, bagi saya transaksi ini bermasalah dari sudut hukum Islam.

Jika sijil tersebut tidak boleh ditukar kepada emas fizikal, tatkala itu ia memberikan kesan kepada proses *taqabud al-hukmi* yang disyaratkan dalam jual beli item *ribawi* dan merosakkan akad ini. Kes ini adalah di antara emas dan wang Ringgit Malaysia.

Kesimpulan

Bagi sesiapa yang ingin membuka akaun ini, saya nasihatkan menyemak terlebih dahulu perkara yang telah saya sebutkan tadi. Ditambah pula, akaun pelaburan emas dan kijang emas ini tidak diletakkan di bawah skim pelaburan Islam Maybank dan sebuah lagi bank yang menawarkannya. Ia sekali lagi menimbulkan tanda tanya.

Caj Perkhidmatan dalam Pinjaman

Pinjaman adalah *Qard* iaitu menukar atau memindah hak milik aset ataupun wang daripada pemilik asal kepada pihak lain dengan syarat pihak lain itu memulangkan aset ataupun wang yang dipinjam tersebut atau yang sama nilainya.

Ia adalah memberi hutang dalam bentuk wang atau meminjam barangan seperti meminjam kereta ataupun telefon bimbit kepada orang lain dengan syarat memulangkannya pada hari yang lain.

Pinjaman atau *'Qard'* dalam Islam adalah merupakan satu kontrak yang diasaskan atas dasar bantu membantu, sukarela (*tabarru'*) dan belas kasihan kepada individu yang memerlukan.[121]

Nabi berkata:

"Individu yang melepaskan kesukaran saudaranya, maka Allah akan melepaskan pelbagai kesukarannya di akhirat..." (Riwayat Muslim)

[121] *Al-Mughni*, Ibn Quddamah, 4/353.

Dalam Islam, kontrak pinjaman ini tidak boleh dijadikan alat perniagaan ataupun untuk meraih keuntungan. Bagi memastikan objektif kebajikan dan bantuan dalam *'Qard'* tercapai, Islam meletakkan kewajipan untuk setiap pinjaman wang (contohnya RM5,000) mestilah dipulangkan pada kemudian hari dengan jumlah yang sama tanpa sebarang tambahan dan manfaat lain yang dipaksakan ataupun dipersetujui. Sekiranya terdapat sebarang tambahan (contoh 3 peratus daripada jumlah RM5,000 sebagai bunga atau manfaat lain), ulama bersetuju ia adalah Riba al-Nasiah.[122]

Isu kos perkhidmatan dalam pinjaman

Walau bagaimanapun, implementasi *Qard al-Hasan* ini kerap kali tersasar daripada konsep asal pinjaman bersifat kebajikan sehingga menjadi dwitujuan, iaitu membantu dan meraih keuntungan di sebalik nama kos mengurus supaya ia menjadi halal.

Keputusan Persidangan Akauntan Antarabangsa di bawah AAOIFI[123] menyatakan bahawa, semua faedah atau lebihan (daripada jumlah yang diberi pinjam) yang dipersetujui atau disyaratkan di dalam kontrak atau akad pinjaman dibuat pada awal kontrak ataupun dikenakan ketika kelewatan membayar balik pinjaman sama ada dalam bentuk wang, barangan dan apa-apa manfaat adalah dilarang dan adalah riba.[124]

Majlis Syariah AAOIFI dan hasil Keputusan Kesatuan Fiqh Islam Sedunia (pada sidangnya yang ketiga pada 1986M) berpendapat boleh mengenakan kos perkhidmatan dengan syarat ia adalah kos sebenar pengurusan teknikal sahaja. Resolusi mereka juga menyebut, adalah haram mengenakan kos yang lebih daripada kos sebenar. Para ulama daripada persidangan tadi menerangkan supaya cara bagi mengira dibuat setepat dan sebaiknya. Selain itu, keputusan mereka juga menyebut kos-kos tidak langsung seperti gaji pekerja, sewaan tempat dan tanggungan lain-lain institusi itu tidak boleh dimasukkan dalam kos mengurus pinjaman.[125]

Hasilnya, perlu kita fahami bahawa sebarang kos memberi khidmat dan mengurus yang diletakkan seperti 2%, 3% ataupun 4% daripada jumlah pinjaman dengan

122 *Al-Jami' fi Usul al-Riba*, hlm. 217.
123 www.aaoifi.com.
124 *Syariah Standard*, AAOIFI, hlm. 336.
125 *Syariah Standard*, AAOIFI, no. 9/1, hlm. 337.

alasan ia adalah kos mengurus tidak boleh diterima. Majlis Penasihat Syariah Dunia di AAOIFI menyebut ***"It is not permitted to link the charge to the amount withdrawn (given)."***[126]

Ini adalah kerana peratusan yang dikaitkan dengan jumlah pinjaman itu yang menyebabkan jumlah kos mengurus yang pada asalnya adalah sama (kerana menggunakan alatan dan sistem yang sama) menjadi berubah-ubah mengikut jumlah pinjaman yang diberi. Inilah riba yang berselindung di sebalik nama kos mengurus dan *Qard al-Hasan* namanya.

Contohnya, kos pengurusan sebenar bagi setiap transaksi adalah sebanyak RM500 yang melibatkan penggunaan komputer, peguam, cukai setem dan lain-lain kos untuk mengurus pinjaman atas asas *Qard al-Hasan*. Dalam keadaaan ini individu yang meminjam, tanpa mengira berapa jumlah pinjaman mereka dikenakan jumlah kos sebenar mengurus yang tetap dan tepat iaitu RM500.

Bagaimanapun, apabila diletakkan satu jumlah peratusan seperti 2 peratus dan lainnya, jumlah kos mengurus tadi sudah pasti akan berubah mengikut jumlah pinjaman yang diberi. Kos mengurus menjadi kos faedah dan riba yang dikenakan bagi setiap sen duit atau wang yang dipinjamkan.

Mesej yang ingin saya sampaikan ini tidak lain adalah untuk memastikan nama *Qard al-Hasan* dan fatwa oleh ulama sedunia berkenaan keharusan kos pengurusan atas pinjaman tidak disalahgunakan atau disalah fahami.

Keadaan kehidupan umat Islam amat membimbangkan apabila aktiviti berhutang menjadi asas kehidupan masyarakat hari ini. Ia memang harus bagi mereka yang tidak berkemampuan, tetapi ia sering menjadi kaedah dan teknik yang terbaik (seperti didakwa) bagi mencapai keuntungan dan mengekalkan kekayaan syarikat ataupun individu.

Maka lahir ramai individu yang berkemampuan membayar secara tunai, tetapi suka berhutang dalam membeli kereta dan rumah. Alasan mereka membayar secara tunai adalah rugi. Inilah fenomena kurang sihat yang dianggap sihat oleh masyarakat hari ini. Ia berpunca daripada kurangnya maklumat berhutang walaupun berkemampuan.

126 Syariah Standard, no. 10/3/2, hlm. 338.

Dalam konteks semasa, kita dapat melihat bagaimana ramainya peminjam-peminjam yang enggan membayar hutang belajar, rumah, kereta, syarikat, ada yang rela digelar muflis asalkan tidak perlu membayar jumlah hutangnya yang menimbun. Ia kelihatan enak untuk tidak membayar hutang di dunia, tetapi ia menjadi malapetaka di akhirat.

ISU-ISU KEWANGAN SEMASA

BAB 2

Dalam bab ini saya akan menyentuh pelbagai isu dan masalah semasa berkaitan kewangan yang bersangkut paut dengan kehidupan seharian umat Islam.

Mengapa Muslim Jauh dari Bank Islam?

Menurut sebuah artikel yang diterbitkan sebuah akhbar sekitar bulan Jun 2008, menyebut dengan jelas bahawa 70% pelanggan yang menggunakan khidmat perbankan Islam di Hong Leong Islamic Bank Malaysia dan Bank Rakyat adalah pelanggan berbangsa Cina yang majoritinya (di Malaysia) bukan beragama Islam. Malah statistik yang hampir sama juga pernah dikeluarkan oleh bank-bank Islam lainnya.

Sebahagian memberikan respons spontan sambil berkata:

"Mudah saja sebabnya, bukankah orang Cina lebih banyak terlibat dengan bisnes, kerana itulah mereka lebih kerap berurusan dengan bank."

Mungkin ada benarnya pandangan spontan ini, namun orang Cina yang disebut ini bukan hanya melanggan produk perbankan Islam berkaitan dengan pembiayaan korporat untuk bisnes mereka sahaja, malah mereka juga menggunakannya untuk pembiayaan perumahan, kereta dan lain-lain produk. Yang mana produk ini tergolong dalam kategori *retail and consumer banking products* yang bersifat kegunaan individu dan bukannya untuk bisnes dan syarikat.

Tolak bank Islam kerana politik kepartian

Persoalannya, kemanakah perginya individu Muslim dan Muslimah?

Timbul satu lagi cubaan respons yang mendakwa:

"Buat apa ambil produk perbankan Islam yang bermain silap mata, ia adalah helah dan dibuat oleh kerajaan BN dan Islam Hadhari bukan Islam hakiki."

Adalah tidak sihat menurut perspektif Islam jika sesuatu pegangan politik kepartian membawa kebencian dan sangka buruk sehingga ke tahap menutup segala jenis kebenaran dan kebaikan yang dianjurkan oleh pihak parti lain.

Islam menerima segala yang baik walaupun ia lahir dan diperkenalkan oleh kumpulan penjahat seperti Yahudi. Iaitu selagi ia boleh diubahsuai bagi manfaat umat Islam. Demikian kesimpulan berasaskan nas ayat al-Quran dan hadis yang dihuraikan oleh para ulama silam dan kontemporari. [127]

Dalilnya mudah sahaja iaitu sabda Nabi SAW sebagai respons kepada Abu Hurairah yang menerima satu ilmu daripada Syaitan Ifrit, sabda Nabi:

صَدَقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ ذَاكَ شَيْطَانٌ

> Maksudnya: *"Ia (syaitan) itu telah berkata benar, walaupun ia adalah maha pendusta, itulah dia syaitan."* [128]

Pengajaran daripada hadis ini membuktikan apa sahaja yang sampai kepada kita daripada sebarang sumber yang bukan Islam khususnya, boleh disemak menurut neraca Islam. Jika tidak bercanggah dan boleh membawa kebaikan, kita sepatutnya menyokong dan bukan menentang secara buta.

Jika benarlah terdapat mereka yang menolak perbankan Islam **hanya kerana ia adalah anjuran dan dimulakan oleh pihak kerajaan yang berlainan dengan partinya**, maka ia adalah satu sikap yang patut dikesali.

Saya sering sebutkan dahulu bahawa perbankan Islam di Malaysia berkait rapat dengan perbankan Islam di seluruh dunia. Ulama Malaysia yang berdamping dengan

127 Rujuk *Thaqafatuna bayna infitah wal inghilaq*, al-Qaradawi, hlm. 40.

128 Riwayat al-Bukhari, no. 3275, 6/404.

perbankan dan kewangan Islam di Malaysia serta mengatur arahnya pula bukanlah daripada kalangan individu yang terlibat dengan dunia politik kepartian kecuali seorang dua. Namun mereka tiada berpengaruh dalam penentuan halatuju dan fatwa berkaitan kewangan Islam ini.

Selain itu, melalui hubungan rapat industri kewangan Islam di seluruh dunia, Malaysia tidak boleh terlepas daripada penilaian, kritikan membina dan perhatian daripada ulama Syariah dan kewangan Islam di seluruh dunia.

Hasilnya, kritikan membina daripada ulama dunia ini telah membawa perkembangan baru dalam produk-produk kewangan Islam di Malaysia seperti wujudnya Komoditi *Murabahah*, konsep *Unilateral Promise* dalam transaksi *Forex, Tawarruq Masrafiy, Musharakah Mutanaqisah, Bai al-Mutaradif Bil Ajal* dalam *Forex, Parallel Istisna* dan lain-lain.

Kebanyakan produk, konsep dan kontrak produk Islam ini berlaku di luar pengaruh politik tempatan dan ia biasanya hanya berlaku hasil perbincangan ilmiah di kalangan ahli akademik *non partisan* dan *industry managers* dari dalam dan luar negara.

Adapun, beberapa produk dan konsep perbankan Islam di Malaysia seperti Bai al-Inah (*Sell and buy back*) dan Bay al-Dayn (*Discounted debt trading*) yang tidak dipersetujui oleh ulama antarabangsa adalah keputusan sekumpulan ilmuan Syariah Malaysia yang mana mereka meluluskan pelaksanaan dua jenis konsep tanpa sebarang kaitan dengan politik kepartian.

Namun ia dibuat secara *temporary* dan berdasarkan pertimbangan akademik dan hukum. Sejauh mana pun ketidaksetujuan kita dengan pandangan dan produk ini, ia tetap terlingkung dalam keputusan akademik dan bukannya fatwa politik.

Tidak saya nafikan wujudnya pengeluaran fatwa-fatwa atas kehendak dan tekanan politik. Ia dikeluarkan oleh badan-badan tertentu untuk tunduk terhadap kehendak parti politik tertentu atau menjaga kemaslahatan parti dan imej pemimpinnya.

Namun boleh saya katakan ia tidak berkait dengan produk-produk perbankan Islam yang diperkenalkan oleh bank-bank Islam. Ia biasanya hanya berkait dengan produk atau plan yang dilancar oleh institusi kerajaan sepenuhnya serta tidak mempunyai penasihat *Syariah* yang berkelayakan. Ia jarang-jarang berlaku kepada institusi swasta.

Kesimpulan

Sesiapa yang mengkritik dan menolak bank Islam hanya kerana didasari oleh kebencian terhadap parti tertentu, ia bukanlah tindakan yang benar dan wajar di sisi Islam. Malah sebagai akibatnya, sudah tentu mereka ini akan berpihak kepada bank riba, tatkala itu kerelaannya untuk berjinak dengan perbankan riba akan pasti menghancurkannya di akhirat kelak sekiranya ia meninggal dunia tanpa taubat nasuha. *Na'uzubillah.*

Tolak atas dasar lebih mahal

Ini juga satu persoalan yang amat kerap ditimbulkan sejak dahulu. Saya tidak lagi ingin mengulasnya kerana telah beberapa kali saya ulaskannya di dalam buku saya sebelum ini bertajuk "Wang, Anda dan Islam".

Kesimpulannya, mereka yang membuat dakwaan ini sama ada:

- Membandingkan dua perkara yang tidak boleh dibandingkan.
- Tidak memahami cara kiraan kedua-dua sistem iaitu bank Islam dan bank konvensional.
- Tidak memahami apa itu *compounding interest* akibat *late payment.*
- Tidak memahami apa itu *Base Lending Rate* dan sifatnya.
- Tidak memahami apa itu konsep *ibra* dan syarat pelaksanaannya dalam Islam.

Justeru, apabila ada orang bercakap berkenaan hal ini, namun gagal memahami perkara *basic* yang saya sebutkan di atas.

Ia sebenarnya sedang membuat fitnah kepada perbankan dan kewangan Islam. Sekaligus menunjukkan kecetekan ilmunya berkaitan hal perbankan.

Pergi ke bank riba kerana permohonan di bank Islam ditolak

Ini mungkin satu lagi rungutan umat Islam di Malaysia. Mereka berhujah mengatakan permohonan mereka untuk mendapatkan pembiayaan rumah, kereta, kad kredit Islam dan lain-lain TELAH ditolak oleh bank Islam, lalu ia dijadikan sebab mengapa Muslim kurang di bank Islam dan lebih ramai di bank riba.

Hal ini juga telah pernah saya ulaskan dalam buku sebelum ini. Boleh juga rujuk kepada artikel yang saya sertakan *link*nya di bawah untuk mengetahui sama ada sudah sampai tahap **darurat** untuk seorang Muslim bersenang-senang di bank riba atau ia hanyalah darurat dan *hajiat* yang palsu bertunjangkan nafsu dunia sebenarnya.

Kesimpulan

Jika bank Islam menolak sesuatu permohonan, ini bermakna; menurut kiraan berwibawa mereka, kemampuan kewangan anda masih tidak melayakkan anda untuk membuat hutang jenis besar dan berat. Jika anda masih degil lalu pergi juga ke bank riba lalu diluluskan, sebenarnya anda sedang memerangkap diri sendiri dan bakal menghadapi kesukaran berganda kerana jumlah *interest* yang dikenakan oleh bank riba kepada mereka yang tidak punyai kelayakan kukuh pasti akan menenggelamkan anda kelak.

Falsafah bank di seluruh dunia, lebih kaya dan stabil kewangan anda, lebih murah *rate* yang bakal anda perolehi, demikian sebaliknya. Fahamilah...

Jika anda katakan, "Saya ingin beli hanya aset asas dalam kehidupan saya, iaitu kereta atau rumah."

Jawabnya, menurut kiraan individu berkelayakan di bank berbekalkan formula khas di bank-bank Islam, mendapati salah satu keputusan berikut:

i) Anda belum layak untuk terlibat dalam hutang.

Maka tangguhlah terlibat dengan sebarang bank. Cukuplah dengan menaiki kenderaan awam dan menyewa rumah sementara masih belum sampai kemampuan. Atau usahakan cara lain yang sesuai namun jangan berhutang.

Jika anda berdegil, anda sebenarnya membuka peluang besar untuk jatuh dalam dosa-dosa lain akibat gagal menyelesaikan hutang kelak. Dosa yang berkait rapat dengan orang berhutang seperti menipu dan memalsu janji adalah amat biasa bagi mereka yang sedang terperangkap dalam hutang. Malah Nabi SAW juga telah memberi amaran berkenaannya.

ii) Anda memang layak pada asalnya, namun terhalang akibat hutang-hutang di bank yang sedia ada.

Kelayakan anda sudah terhakis buat waktu itu. Anda perlu memahami bahawa kemampuan anda untuk membayar hutang-hutang yang sedia ada sudah melebihi hak kemampuan anda.

Hasil daripada itulah bank Islam menolak permohonan anda demi kebaikan anda, bukannya kerana sengaja enggan menolong anda. Atas sebab itu jugalah telah saya tuliskan sebelum ini agar JANGAN BIARKAN REKOD ANDA MERAH DI MANA-MANA BANK. Kerana ia juga boleh menyebabkan permohonan anda ditolak.

Tolak bank Islam kerana bank riba lebih mudah urusannya

Sebab dan alasan yang sering diungkapkan oleh golongan yang suka berurusan dengan bank riba ialah – cawangannya lebih banyak, mesin ATM mudah dijumpai, punyai perbankan melalui Internet, perjanjian kontraknya lebih mudah dan cepat, perkhidmatannya lebih efisyen dan lain-lain sebab yang munasabah pada akal mereka.

Sekali lagi, jika demikianlah sebab musababnya, ternyatalah begitu murah dan mudah iman individu ini untuk dijual dibeli dengan harta serta kemudahan dunia.

Rapuh sekali keyakinannya terhadap dosa riba yang maha besar sebesar pengisytiharan perang terhadap Allah dan Rasul-Nya, berzina sebanyak 36 kali dan kehilangan berkat dalam hidup.

Saya tidak nafikan, kelemahan perkhidmatan, kelembapan dan sebagainya memang wujud di kalangan bank-bank Islam di Malaysia khususnya. Namun kelemahan sebegini tidak mampu menjadi pelepas azab pedih Allah di alam barzakh dan akhirat tentunya. Juga tidak boleh dijadikan alasan untuk melarikan diri daripada perbankan Islam.

Lihat sahaja betapa peritnya perjuangan Baginda Nabi SAW dan para sahabatnya serta ulama *salafus soleh* pada awal abad dahulu. Adakah kesukaran dijadikan *excuses* untuk tidak berjuang menegakkan kalimah Islam di muka bumi?

Tolak bank Islam kerana kakitangannya seksi

Saya juga mendengar ada individu yang menolak dan mengutuk sesebuah bank Islam hanya kerana kakitangannya berpakaian seksi, buka aurat dan tidak kelihatan seperti seorang Islam. Apakah layak sebuah bank Islam membiarkan kakitangannya sedemikian?

"Amat buruk lagi memalukan nama Islam." Demikian cebik seorang ustaz di sebuah masjid.

Sudah tentu saya juga sentiasa menyokong dan berharap bank-bank Islam di Malaysia khususnya dapat mengenakan disiplin pakaian (*dressing code*) yang menepati Islam ke atas seluruh kakitangan wanitanya.

Namun, selain melihat kepada pelaksanaan yang ideal dan terbaik, kita juga perlu meninjau ehwal semasa dan praktikaliti. Hakikatnya, pengurusan bank-bank Islam dalam banyak keadaan terpaksa memilih sama ada untuk mendapatkan kakitangan yang baik pakaiannya atau kakitangan yang dinamik dan berilmu.

Perlu diingat, tidak semua urusan teknikal di bank memerlukan seseorang yang memiliki ilmu Islam secara khusus, banyak bahagian yang memerlukan ilmu teknikal yang lain seperti audit, *legal, IT system, marketing strategies* dan lain-lain. Individu yang mempunyai kepakaran ini biasanya bukanlah mempunyai ilmu Islam yang baik, malah ramai juga daripada kalangan bukan Islam.

Hasilnya di waktu ilmu perbankan dan kewangan Islam masih kekurangan *manpower* dan *human aset*, ternyata amat sukar bagi sesebuah bank Islam mendapatkan mereka yang baik pakaiannya dan cemerlang pula kerja dan pengetahuannya.

Tatkala bertembung dua kepentingan, iaitu memilih yang baik pakaiannya dengan kemampuan kerja yang kurang, ataupun yang baik dan cemerlang dalam bekerja namun penampilan pakaian yang tidak baik.

Mana satukah yang perlu diambil bekerja oleh pihak pengurusan?

Bagaimana dengan anda? Perlu diingat juga bahawa tidak semua jawatan boleh ditunjuk ajar kerana terdapat sebahagian jawatan yang tinggi seperti *General*

Manager, Vice President, Director, COO, CEO, Senior Vice President dan lain-lain. Jika jawatannya sekadar *executive,* ia mungkin boleh bertoleransi dengan mengambil yang kurang kualiti namun berpakaian baik dan dilatih kemudiannya.

Kemudian, adakah tepat bagi pengurusan **untuk memaksa kakitangan wanitanya** termasuk yang bukan Islam untuk menutup aurat semasa di pejabat? Mungkin kita boleh menganggguk kepala sambil mengatakan:

"Ya, memang amat wajar sekali, baru digelar pengurusan Islam!"

Namun sedarkah kita, tindakan sedemikian pasti akan melarikan individu non-Muslim yang pakar daripada memohon untuk bekerja di bank Islam sedemikian. Tanpa merit dan kualiti, sebuah bank Islam akan hilang wibawa, kemampuan dan keberkesanannya, manakala pengurusannya juga pasti akan jatuh, hingga akhirnya *image* Islam akan turut jatuh merudum dengan amat besar sekali.

Mungkin ada yang terfikir, jika kakitangan kita bertakwa, maka Allah akan gandakan keuntungan. Yakinlah.

Ya, benar. Namun keperluan untuk meningkat kualiti dalam usaha dan hukum alam (iaitu kualiti akan berjaya, mereka yang tidak berkualiti akan jatuh) juga adalah perintah Allah SWT dan ajaran Islam tentunya.

Lihat bagaimana nama Islam sedikit tercalar apabila dua buah bank Islam di Malaysia mencatatkan kerugian ratusan juta beberapa tahun lepas.

Kita bimbang sistem dan produk kewangan Islam akan dipersalahkan dan dilihat tidak sesuai untuk dunia perbankan. Hasilnya akan berkurangan permintaan *(demand),* lalu jatuh jugalah *supply*. Padahal masalah kerugian sesebuah bank Islam bukannya salah produk dan Islam, namun kualiti dan kecekapan individu yang bekerja.

Jika sudah memahami hal ini, manakah maslahat yang lebih besar patut dijaga oleh sesebuah bank Islam dalam pengambilan pekerjanya? Pakaian yang menutup aurat bagi setiap wanita yang memohon atau kualiti ilmu bagi jawatan yang dipohonnya?

Ya, kedua-duanya penting. Tetapi yang mana lebih penting? *Taqdim al-aham 'alal muhim* dan juga kaedah:

ارْتِكَابُ أَخَفِّ الضَّرَرَيْنِ

Maksudnya: *"Mengambil mudarat yang lebih kecil."*

Kaedah yang difahami oleh ulama Islam daripada firman Allah SWT:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: "Pada kedua-duanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya."*[129]

Akhirnya, sudah menjadi kewajipan kita sebagai Muslim dan Muslimah hari ini untuk melanggan bank Islam dan segala jenis produk kewangan Islam dalam setiap keperluan kewangan kita. Jadikan keperluan ini didasari oleh iman dan takwa. Letakkan faktor halal sebagai asas penilaian dan bukannya hanya sibuk dengan harga dan *rate*. Lebih malang, kerana ramai individu tiada kefahaman dalam kiraan bank riba yang disangkanya murah. Sedarlah hakikatnya.[130]

Bank dan Rekod Senarai Hitam Pelanggan

Hutang, hutang, hutang. Ingin berhutang, ingin bayar hutang, dituntut membayar hutang, marah tak dapat hutang, marah tak bayar hutang. Itulah hutang.

Kita semua tahu bahawa dalam dunia ini sentiasa terdapat individu yang ingin berhutang kerana keperluan mendesak dan asasi, dan akan sentiasa terdapat individu yang punyai lebihan wang yang mampu menghulurkan bantuan ini.

Dalam dunia moden ini, tugas menyediakan kewangan bagi mereka yang memerlukan ini diambil sebahagian besarnya oleh institusi kewangan yang bernama BANK. Ia adalah satu perkara baru dalam Islam, namun tidak ditegah oleh Islam selagi

129 Surah al-Baqarah 2: 219.

130 Rujuk buku saya bertajuk *"Wang, Anda Dan Islam"* untuk memahami isu berkenaan mitos kadar bank Islam lebih mahal ini.

mana setiap urusannya dilakukan menepati kontrak dan kehendak Islam. Namun tidak semestinya MURAH! (Siapa pula yang kata setiap benda Islam mesti lebih murah daripada yang kafir?)

Perlu difahami bahawa Islam mengiktiraf kualiti dan merit. Harga juga menurut kualiti, harga pasaran, modal penjual, kepakaran barang dan sistem, latar belakang pelanggan dan banyak lagi). Atas dasar itulah harga ditentukan oleh bank-bank Islam.

Namun bukan ini yang ingin saya ulas kali ini kerana saya telah banyak kali mengulas tentangnya.

Lengah dan tangguh

Pada kesempatan ini, saya ingin menasihati diri dan rakan-rakan yang mempunyai sebarang bayaran tertangguh dengan pihak bank ini agar lebih bijak dan ambil berat dalam menguruskan pembayarannya. Ada sebahagian rakan-rakan saya merungut kerana mereka ingin mendapatkan pembiayaan daripada bank-bank Islam tetapi ditolak, sedangkan kemampuan dan gaji mereka adalah baik jika dilihat daripada kiraan "*margin of repayment*", iaitu melebihi 50%.

Justeru, apa sebabnya permohonan mereka ditolak juga?

Jawabnya, ia disebabkan kerana rekod pembayaran hutang-hutang mereka sebelum ini menunjukkan pernah TERSANGKUT atau lambat BAYAR DUA, TIGA, EMPAT BULAN TERLEWAT. Keadaan ini menyebabkan rekod seseorang individu itu menjadi MERAH dan akibatnya bakal menyukarkan ia untuk berurusan bagi mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana bank Islam seluruh Malaysia. Pihak bank pasti akan menyemak rekod *Credit Reference Information System* (CCRIS) yang akan mendedahkan semua rekod dan prestasi anda membayar hutang di semua instutusi kewangan di Malaysia.

Kita tahu, ada antara kita lewat bayar bukan kerana liat, degil dan bukan juga kerana tidak berduit, tetapi kerana kesibukan dan adakalanya juga disebabkan bank itu tidak punyai perkhidmatan pembayaran melalui Internet. Pembayaran yang memer-

lukan kita ke kaunter bank memang amat melecehkan terutamanya jika di Kuala Lumpur. Ditambah dengan *jammed*, kesukaran *parking*, beratur dan kekurangan masa. Hasilnya, adalah rakan-rakan kita yang terlewat bayar tiga atau empat bulan kerana kesibukan dan kemalasan.

Ingin saya ingatkan, kelewatan itulah yang menyebabkan rekod anda semakin kotor hari demi hari dan akhirnya, permohonan pembiayaan anda di masa hadapan tidak lagi berjaya. Jika berjaya sekalipun, pelbagai syarat akan dikenakan seperti penjamin, *rate* yang lebih tinggi, jumlah kelulusan yang lebih kecil dan lain-lain lagi.

Inilah dunia realiti perbankan hari ini. Sesiapa yang miliki rekod yang bersih, amat mudah menerima pembiayaan. Malah adakalanya anda akan diberi *rate* istimewa, malah lebih aneh nombor *handphone* anda akan dihubungi oleh syarikat-syarikat pelancongan dengan pelbagai tawaran menginap di hotel mereka. Pelikkan? Bagaimana mereka ini boleh mendapat nombor *handphone* anda?

Jawabnya, pihak bank yang tidak amanah menjual nombor anda (yang dikenalpasti sebagai pelanggan baik dan kelas A) kepada agen-agen ini. Nasihat saya, jika anda mendapat panggilan-panggilan ini, abaikan sahaja.

Kesimpulan

Tulisan ringkas saya ini bertujuan untuk menasihati diri saya dan anda untuk menjadi seorang *good paymaster* terhadap semua hutang-hutang kita di bank khususnya dan kepada rakan-rakan anda. Selain mengurangkan sakit kepala, ia juga akan menaikkan nilai anda di mata institusi kewangan dan rakan anda, memudahkan anda untuk mendapat pembiayaan lebih murah di masa hadapan. Malah sebahagian bank Islam akan memberikan anda diskaun atau *rebate* kerana kehebatan anda membayar dengan kemas.

Justeru, jangan berlengah terutamanya jika anda adalah seorang yang berduit. Jika tidak berduit hingga terpaksa bertangguh, itu sudah lain kisahnya.

Melewat-lewatkan pembayaran hutang ini hanya merendahkan martabat diri di mata institusi kewangan dan rakan anda yang memberikan pinjaman.

Jangan melengahkan pembayaran hutang kerana ia adalah satu kezaliman di dalam Islam. Nabi SAW bersabda:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

Maksudnya: *"Penangguhan bayar hutang oleh mereka yang berkemampuan adalah satu kezaliman."*[131]

Dan dalam sebuah hadis lain Nabi berkata:

لَيُّ الْوَاجِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ

Maksudnya: *"Bagi mereka, layak dihukum maruah mereka dengan diiklankan kepada khalayak ramai keburukan mereka dalam mualamat dan pembayaran hutang, lalu layaklah mereka dihukum."*[132]

Ingat-ingatlah sebelum terlupa sehingga tersangkut di akhirat.

Cabutan Bertuah dan Bentuk Peraduan, Pertandingan Moden

Apa hukum cabutan bertuah? Adakah ianya judi? Soalan sebegini agak banyak menerjah kotak emel saya. Cabutan bertuah mempunyai pelbagai bentuk dan jenis, ada yang halal dan ada yang haram. Dalam tulisan ringkas ini saya cuba dedahkan beberapa bentuk dan hukum setiap satunya.

Namun, sebelum kita melihat bentuk-bentuk semasa cabutan bertuah, jika dilihat dari sudut hukum, kes atau isu cabutan bertuah ini tergolong dalam perbincangan *al-Musabaqat* atau pertandingan. Namun jika tidak kena caranya, dengan mudah ia akan jatuh ke dalam masalah judi ataupun *gharar*.

131 Riwayat al-Bukhari.

132 Riwayat Muslim.

Dalam masalah judi, keputusan Majlis Fiqh Antarabangsa *"Organization of the Islamic Conference, Islamic Fiqh Academy"* dalam sidangnya ke-14 pada 8-13 Zulkaedah 1423H (11-16 Jan 2003) yang lalu telah memutuskan (keputusan nombor 127-14/1), unsur perjudian dalam sebarang peraduan, permainan dan pertandingan dalam dua bentuk.

DUA BENTUK PERTANDINGAN BERUNSUR PERJUDIAN

i. **Disebabkan oleh jenis permainan**: Iaitu apabila ia bersifat permainan yang hanya bergantung kepada tuah *(game of luck)* untuk menang serta memerlukan bayaran untuk menyertainya.

ii. **Disebabkan oleh hadiahnya**: Iaitu apabila hadiahnya diambil daripada kumpulan wang penyertaan semua peserta.

Para ulama kontemporari dalam persidangan fiqah tersebut mentakrifkan judi *(al-qimar)* mengandungi dua unsur utama:

- Setiap permainan yang mensyaratkan mereka yang kalah untuk membayar sesuatu.
- Mengambil harta orang lain dalam situasi *mukhatarah* atau risiko sama ada akan dapat atau tidak dapat.
- Disebutkan oleh ulama silam sebagai:

هُوَ كُلُّ لَعِبٍ تَرَدَّدَ بَيْنَ غُرْمٍ وَغُنْمٍ

Maksudnya: *"Iaitu setiap permainan, peraduan, pertandingan yang tidak pasti akan kerugian atau untung."* [133]

- Disebutkan:

إِذَا كَانَتِ الْجَوَائِزُ مِنَ الْمُتَسَابِقِينَ فَإِنَّهَا تُعَدُّ حَرَامًا لِأَنَّهَا مِنْ بَابِ الْقِمَارِ وَلِأَنَّ كُلَّ وَاحِدٍ مِنَ الْمُتَسَابِقِينَ لَا يَخْلُو

133 *Hasyiah al-Bajuri*, 2/521.

إِمَّا أَنْ يَغْنَمَ أَوْ يَغْرَمَ، وَلاَ يَخْفَى مِنْ أَكْلِ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَإِيقَاعِ الْعَدَاوَةِ وَالْبَغْضَاءِ

Maksudnya: *"Dan jika hadiah pertandingan atau permainan itu datang daripada kumpulan yuran peserta, maka ia adalah haram kerana ia tergolong dalam bab judi nasib "qimar", dan kerana setiap peserta tidak sunyi daripada peluang untuk meraih untung atau menanggung rugi. Justeru amat jelas ia daripada kategori memakan harta orang lain secara salah, membenihkan permusuhan dan pertengkaran."*[134]

Berdasarkan keputusan tersebut, berikut adalah bentuk cabutan bertuah yang jatuh dalam kategori judi:

1) Mereka yang ingin menyertai cabutan mestilah membayar yuran tertentu secara langsung:

i- **Secara tunai iaitu berdepan**. Iaitu dengan memberikan RMxxx kepada penganjur secara tunai bagi membolehkan penyertaan. Tanpa mengira sama ada yurannya sama atau berbeza. Hukumnya tetap haram. [135]

ii- **Secara tunai melalui alat telekomunikasi**. Bayaran dibuat disekalikan dengan kos telefon, Internet, SMS dan lain-lain. Sebagai contoh, kos biasa bagi satu minit bercakap di talian telefon adalah 15 sen, bagi mereka yang ingin menyertai cabutan ini, satu nombor telefon khas akan diberikan dan kos 1 minit juga lebih tinggi, iaitu RM1. Kadar baru ini diberitahu secara jelas di awal kontrak.

iii- **Syarikat menganjurkan makan malam dengan bayaran RM100 sebagai yuran bagi sesiapa yang ingin menyertai cabutan bertuah**. Bagi sesiapa yang tidak ingin menyertai cabutan bertuah, yuran hanyalah RM90. Cabutan bertuah sebegini adalah judi.

iv- **Menang cabutan bertuah dari Hong Kong atau Macau dan lain-lain. Peserta** menerima SMS mendakwa menerima hadiah cabutan bertuah wang tunai mencecah RM50,000 yang diadakan di luar negara. Peserta bagaimanapun, diminta membayar yuran pemindahan wang ke dalam akaun tertentu.

Hukumnya haram kerana judi dan *gharar*, malah telah dilaporkan banyak kes penipuan menggunakan cara ini.

134 *Al-Mughni*, Ibn Qudamah.

135 *Al-Badai' al-Sonai'*, *ibid.*

2) Mereka yang ingin menyertai cabutan perlu membayar yuran secara tidak langsung:

Yuran dimasukkan ke dalam harga pembelian barangan biasa. Ini menyebabkan harga menjadi lebih tinggi daripada biasa. Sebagai contoh, pihak pasar raya mengadakan cabutan bertuah dan kereta Perodua MyVi sebagai hadiahnya. Bagi sesiapa yang ingin menyertainya mestilah membeli barangan tertentu yang telah dinaikkan harganya daripada harga biasa. Ia jatuh dalam kategori judi kerana bayaran lebihan itu dianggap sebagai yuran penyertaan.

Jenis cabutan yang halal

Semua jenis cabutan bertuah yang tidak memerlukan sebarang bayaran untuk menyertainya adalah halal dan harus. Ia adalah disepakati oleh ulama kerana melihatnya sebagai pemberian hadiah biasa daripada satu pihak (yang memberi dan menawarkan). Tiada sebarang pihak akan menanggung kerugian walaupun tidak terpilih, tatkala itu tidak timbul isu memakan harta orang lain secara batil (salah) yang diharamkan oleh Allah SWT.[136]

Sebagai contoh:

i- **Cabutan Bertuah Khas untuk Pekerja.** Semua pekerja layak untuk memasuki peraduan yang dianjurkan syarikat, dan hadiah istimewa disediakan. Tiada sebarang bayaran dikenakan. Hukumnya adalah halal.

ii- **Cabutan pada Majlis Makan Malam**. Syarikat menganjurkan makan malam, dan semua kakitangan dijemput hadir tanpa sebarang bayaran. Ketika itu, cabutan bertuah dibuat sama ada cabutan bagi nombor meja, nombor kakitangan ataupun secara melekatkan tanda tertentu di bawah kerusi. Hukum semuanya adalah halal dan tiada sebarang pihak menanggung kerugian.

iii-**Cabutan Bertuah di Pasar Raya.** Terdapat beberapa buah pasar raya yang mengadakan promosi dengan menawarkan mana-mana pelanggan yang membeli barangan berharga lebih daripada RM100 dalam satu resit, pelanggan tersebut akan diberikan borang untuk penyertaan cabutan bertuah, HARGA BARANGAN PULA KEKAL DENGAN HARGA BIASA.

136 *Syarah al-Zarkasyi Ala Mukhtasar al-Hiraqi*, 4/320.

Hukum cabutan ini adalah halal dan tiada unsur perjudian kerana pelanggan tiada kerugian apa-apa dan semua wangnya bukan untuk menyertai pertandingan cabutan ini tetapi untuk membeli barangan, dan demikian juga pihak pasar raya. Pelanggan membeli barangan pada harga asal dan tiada sebarang yuran dikenakan.

Permainan atau peraduan moden

Sebentar tadi kita telah membicarakan perihal tentang cabutan bertuah yang haram dan yang halal. Terdapat beberapa ulama yang cuba menganggap permainan atau pertandingan yang disertakan hadiah sebagai *Wa'd Bi Tabarru* atau janji untuk bersedekah, namun majoriti ulama tidak bersetuju dengan pandangan ini dan mengklasifikasikannya sebagai akad *mu'awadat* atau kontrak komersial untuk meraih pemilikan dan untung. (*Al-Furusiah*, Ibn Qayyim, hlm. 76).

Dengan berubahnya klasifikasi ini, semua hukum akan berubah bentuknya. Di kesempatan ini saya akan menyentuh dengan ringkas beberapa jenis cara permainan yang boleh dijumpai dalam masyarakat kita, ia seperti berikut:

i) **Dua orang bermain tenis, namun hanya satu pihak sahaja yang meletakkan hadiah sebanyak RM200. Siapa yang menang, dia akan memiliki hadiah itu.**

Para ulama berbeza pandangan pada hukum dalam bab ini kerana hanya satu pihak yang mengeluarkan wang. Fatwa ulama seperti berikut;-

- **Harus**: Demikian pendapat majoriti ulama daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali.
- **Haram**: Ia adalah pendapat mazhab Maliki kerana wang RM200 telah keluar daripada miliknya dan jika ia menang, wang itu akan kembali kepadanya atas nama *qimar*.

Pendapat yang lebih kuat (*rajih*) adalah pendapat pertama yang mengharuskannya kerana wang RM200 itu adalah miliknya dan pihak kedua tidak terlibat dalam memberi sebarang wang, dan dengan sebab itu pihak kedua tidak terdedah kepada sebarang risiko. Dengan demikian, wang RM200 tadi dikira seperti hadiah biasa sahaja dan bukan judi.

ii) Dua orang bermain tenis, kedua-duanya mengeluarkan wang lalu diletakkan sebagai hadiahnya.

Para ulama terbahagi kepada tiga kumpulan dalam hal ini. Namun majoriti ulama termasuk Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hambali serta Majlis Fiqh Dunia memfatwakannya sebagai HARAM. Malah Ibn Rusyd al-Hafid menyebut telah terdapat ijmak tentang pengharamannya.[137]

iii) Dua orang sedang bermain tenis, mereka bersetuju siapa yang kalah perlu membayar harga sewaan gelanggang tenis itu.

Hal seperti ini telah wujud sejak zaman dahulukala lagi, hingga ia dicatatkan contoh oleh ulama silam dengan kata:

لاَ يَجُوزُ لأَنَّهُ فِي مَعْنَى الْقِمَارِ نَحْوُ أَنْ يَقُولَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ: إِنْ سَبَقْتَنِي فَلَكَ عَلَيَّ كَذَا، وَإِنْ سَبَقْتُكَ فَلِي عَلَيْهِ كَذَا فَقَبِلَ الآخَرُ

Maksudnya: *"Tidak harus (haram) kerana terdapat dalamnya erti atau unsur judi seumpama seorang berkata kepada rakannya: 'Sekiranya engkau tewaskan aku maka bagiku hadiah itu daripadaku, dan jika aku menewaskanmu, mestilah engkau memberinya kepadaku,' lalu kedua-duanya bersetuju."*[138]

Hukumnya adalah judi walaupun ada unsur usaha daripada kedua-dua belah pihak dan bukan permainan nasib semata. Unsur judinya datang dari sudut hadiah, seolah-olah kedua-dua pihak meletakkan sejumlah wang untuk membayar sewa gelanggang, hanya yang kalah akan terkena. Ia tetap judi walaupun kedua-dua pihak reda-meredainya. Tiada reda dalam perihal haram.

Namun jika hanya salah seorang yang menjanjikan hadiah, seorang lagi tidak, hukumnya berubah menjadi harus atau halal. Ia adalah pendapat mazhab al-Hanafi, Syafi'i dan Hambali.

---

137 *Tabyin al-Haqaiq*, al-Zaila'ie, 6/228; *al-Kafi*, Ibn Abd Barr, 1/489; *al-Umm*, al-Syafi'i, 3/230; *al-Insaf*, al-Mardawi, 6/93; *al-Jami'*, Ibn Rusyd, hlm. 336.

138 *Badai al-Sonaie*; al-Kasani.

iv) **Dua orang atau lebih sedang bertanding futsal, kumpulan yang kalah disyaratkan belanja makan kumpulan yang menang.**

Hukumnya juga perjudian dan sama bentuknya dengan nombor tiga tadi.

v) **Beberapa kumpulan ingin menganjurkan pertandingan bola sepak, namun tiada sebarang sumbangan hadiah dan tiada tajaan diperoleh.** Natijahnya mereka menggunakan wang terkumpul daripada yuran penyertaan sebagai hadiah atau untuk membeli hadiah.

Hukumnya adalah judi walaupun permainan bola sepak bukannya permainan yang bergantung kepada nasib semata-mata.

Unsur judinya datang daripada bahagian kedua iaitu hadiah wang yang terkumpul daripada semua peserta. Ini menjadikan semua kumpulan terdedah kepada untung dan rugi. Tatkala itu Majlis Fiqh Dunia menganggapnya sebagai perjudian. Demikian juga jika ditinjau dari perspektif empat mazhab.

Namun demikian, jika hadiahnya datang daripada sumbangan mana-mana pihak yang tidak menyertai pertandingan itu, permainan tadi menjadi halal secara sepakat ulama.

Ada yang bertanya, bagaimana jika semua kumpulan diberi hadiah sagu hati? Jawabnya, ia tetap judi sekiranya pemenang utama mendapat hadiah yang berbeza nilainya. Namun jika semua hadiah sama nilainya tanpa dikira yang menang dan yang tewas, ia menjadi harus dan bukan lagi judi. Tatkala itu pemenang hanya mendapat keseronokan dan kepuasan perasaan sahaja.

Ringkasnya, para ulama bersepakat bahawa setiap permainan yang memerlukan penyertaan yuran untuk bermain dan hadiahnya diambil daripada wang itu, semuanya adalah judi tanpa mengira sama ada permainan itu bersifat ilmiah, minda dan lain-lain.

vi) **Membeli surat khabar untuk menyertai peraduan teka bola dan sebagainya.**

Hukum: Majlis Fatwa Ulama Makkah dan Madinah memfatwakannya sebagai harus. Demikian juga pandangan terkuat menurut beberapa ulama kontemporari seperti Prof Dr. Uthman Syabir.[139]

Keharusan ini adalah kerana si pembeli tidak rugi apa-apa dan ia beroleh manfaat daripada surat khabar yang dibelinya. KECUALI, jika dia membeli sehingga 10 naskhah surat khabar hanya semata-mata untuk menyertai peraduan itu sebanyak yang mungkin. Tatkala itu hukumnya bertukar menjadi haram dan judi.

Kesimpulannya, hadiah pertandingan yang dibenarkan dalam Islam hanyalah jika:

- **Hadiah didermakan oleh pihak ketiga yang tidak memasuki pertandingan**. Manakala wang yuran peserta hanya untuk kegunaan pentadbiran pertandingan.
- **Hadiah diambil daripada sebahagian yuran peserta sahaja**, manakala yang lain digunakan untuk kegunaan pentadbiran pertandingan.

Semoga ini dapat menyedarkan umat Islam di sekeliling akan keterlibatan mereka dalam perjudian tanpa disangka.

Permainan Kutu dan Cabutan Gilirannya

Sebelum saya menghuraikan hukumnya pada sudut pandangan Islam, terlebih dahulu ada baiknya kita melihat tafsiran "kutu" menurut AKTA 28 AKTA (LARANGAN) KUMPULAN WANG KUTU 1971, ia ditafsirkan sebagai:

> "Kumpulan wang kutu" ertinya rancangan atau perkiraan yang dikenali dengan berbagai-bagai nama sepeti kutu, *cheetu*, *chit fund*, *hwei*, *tontine* atau sebagainya yang menurutnya peserta-peserta membayar yuran berkala atau selainnya kepada suatu kumpulan wang bersama dan kumpulan wang bersama itu dijual atau dibayar kepada peserta-peserta dengan jalan lelong, tender, tawaran, undi atau selainnya dan termasuklah apa-apa rancangan atau perkiraan.

139 *Ahkam al-Musabaqat al-Mu'asiroh*, Majma Fiqh Islami, ke-14, tahun 2003.

Hukum dari sudut undang-undang Malaysia

Setelah meneliti akta yang berkaitan, jelas termaktub seperti berikut:

Seksyen 3. Salah di sisi undang-undang menjalankan perniagaan menganjurkan wang kutu.

Maka adalah salah di sisi undang-undang bagi sesiapa yang menjalankan perniagaan dengan menganjurkan wang kutu. Seseorang yang menjalankan perniagaan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Justeru, amat jelas lagi bersuluh kegiatan skim simpanan kutu ini adalah salah dan tidak dibenarkan di sisi undang-undang.

Tinjauan syariah

Untuk menentukan hukum syariah adalah amat mudah dalam hal yang telah diputuskan salah oleh undang-undang negara. Selagi peruntukan undang-undang itu tidak bercanggah dengan al-Quran dan hadis, ia akan diiktiraf sebagai haram juga di sisi syarak.

Namun anda tentu ingin memahami, skim kutu ini dari sudut proses dan caranya, sama ada ia diterima oleh syariah atau tidak. Setakat *info* yang diberikan dan juga menurut pengetahuan saya berkenaan skim kutu ini, secara dasarnya saya lihat urus aturan kutu ini adalah harus (namun keharusan ini telah dibataskan oleh akta wang kutu di atas tadi).

Ini kerana sebenarnya wang yang diperolehi oleh seseorang itu adalah wangnya sendiri yang dikumpul atau disimpan untuk kegunaannya pada masa akan datang. Cuma keistimewaannya apabila tiba gilirannya untuk menerima wang yang dikumpul secara berkumpulan itu lebih awal setelah diundi. Maka sebagai ahli, dia dapat menggunakannya secara *in advance*. Pembayaran *in advance* ini dari sudut Islam dilihat sebagai pinjaman tanpa faedah daripada semua ahli kumpulan.

Bermakna, setiap bulan semua ahli kumpulan akan menyumbangkan pinjaman yang mana wang pinjamannya itu akan kembali kepadanya apabila tiba gilirannya.

Namun demi memastikannya halal, perlulah memastikan semua ahli kumpulan boleh dipercayai, dikenali dan membuat akad bertulis bagi *protect* kemaslahatan semua. Tanpanya, permainan terdedah kepada penipuan dan *gharar*.

Bayangkan zaman hari ini, orang yang nampak baik pun liat untuk membayar hutang.

Kesimpulannya, skim kutu antara sesama rakan yang dipercayai dalam jumlah yang terhad dan munasabah serta bertulis adalah harus disebabkan ia hanyalah aktiviti pinjam-meminjam.

Aktiviti saling memberi pinjam dengan nilai dan jumlah yang sama adalah harus

Antara hujah saya adalah seperti berikut:

i | Keharusan kaedah.

أَسْلِفْنِي وَأُسْلِفُكَ

Maksudnya: *"Kamu pinjamkan kepadaku nescaya aku juga akan meminjamkan kepadamu kelak."* [140]

Menurut mazhab Maliki, konsep ini dianggap makruh. Apabila ia memberikan manfaat kepada yang pemberi hutang, lalu ia haram. Tetapi jika manfaat diperolehi oleh peminjam ia adalah harus.

Namun dalam bab ini, kedua-dua pihak mendapat manfaat yang sama rata. Justeru, ia sewajarnya diharuskan. Inilah yang diperolehi daripada skim kutu ini.

ii | Tidak termasuk dalam bentuk faedah yang dilarang.

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa tindakan ini adalah harus di sisi syariah atas sebab **ia tidak termasuk dalam pinjaman dengan faedah yang dilarang**

140 *Mawahibul Jalil*, al-Hattab, 4/395.

oleh syarak. Jumlah dan tempoh pinjaman juga adalah serupa. Ini menjadikannya tiada sebarang lebihan manfaat yang boleh menjadikannya haram.

Manakala syarat untuk memberi pinjam semula tadi, jika pun ia dianggap sebagai satu manfaat, namun ia adalah manfaat yang sama kepada kedua-dua pihak dan bukan hanya satu pihak yang boleh membawa penindasan. Ia juga boleh dilihat dalam isu *Suftajah*. Demikian menurut pendapat Ibn Qudamah, Ibn Taimiah dan Ibn Qayyim. Malah diperjelaskan lagi oleh Prof. Dr Nazih Hammad. [141]

iii | Riba diharamkan kerana zalim yang berlaku ke atas satu pihak.

Namun dalam hal ini, tiada sebarang kezaliman berlaku kerana kedua-duanya mendapat jumlah, dan tempoh yang sama, cuma pada waktu yang berbeza sahaja.

Ibn Qayyim berkata;

وَالشَّارِعُ نَهَى عَنِ الرِّبَا لِمَا فِيهِ مِنَ الظُّلْمِ

Maksudnya: *"Syariah melarang riba disebabkan kezaliman yang terdapat padanya."*[142]

Adapun persepakatan dalam pinjaman berbalas dengan jumlah dan tempoh sama ini tiada terkandung di dalamnya sebarang zalim kepada mana-mana pihak.[143]

Perihal Cabutan untuk Menentukan Giliran

Permainan kutu akan menjadi semakin bersih dan baik jika giliran telah ditentukan dari awal agar semua pihak tidak tertunggu-tunggu.

Namun, setakat pengamatan saya berdasarkan perbincangan para ulama berkenaan asas undian atau disebut dalam bahasa Arab disebut sebagai *qur'ah* boleh dilakukan apabila semua pihak mempunyai hak yang sama untuk terpilih. Hukumnya adalah harus dan tiada unsur judi di situ. Nabi Muhammad SAW juga pernah mencabut undi untuk melihat siapa daripada kalangan isterinya yang akan terpilih untuk bermusafir bersama Baginda SAW.

---

141 *Qadhaya Fiqhiyyah Mu'asiroh fi iqtisad wal Mal*, Nazih Hammad, hlm. 230.

142 *'I'lam al-Muwaqqi'en*, 1/386.

143 *Ibid*, Nazih Hammad, hlm. 231.

Kesimpulan

Jika dilihat dari sudut proses dan perjalanan skim kutu ini semata-mata, ia adalah harus menurut pandangan Islam. Namun pada waktu wujudnya akta rasmi yang melarang, ia secara rasminya dianggap haram dari sudut hukum Islam atas dasar "kewajiban taat kepada pemerintah dalam hal yang tidak berkait dengan maksiat dan demi kemaslahatan umum yang dilihat oleh pemerintah."

Kekerapan Beberapa Jenis Penipuan Kewangan di Malaysia [144]

Selain terlibat dengan aktiviti yang haram dari sudut syariah, kerakusan mendapatkan harta menyebabkan bencana berpanjangan. Amat malang apabila sikap rakus ini diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab lalu memperkenalkan pelbagai cara penipuan terancang.

Biarpun tahap pendidikan rakyat kita membanggakan, namun kerana wang mereka mudah gelap mata hingga ramai ditipu dengan air liur sahaja.

12 taktik penipuan paling popular sepanjang tahun 2006

Taktik : Jual beli tanah
Jumlah kes : 79 kes
Jumlah kerugian : RM4.6 juta

Taktik 1

Modus operandi:

Anggota sindiket berpura-pura hendak menjual tanah yang kononnya berpotensi dijadikan tapak kilang atau tanah pertanian. Harga ditawarkan lebih murah berbanding harga pasaran, menyebabkan ramai terpengaruh.

Mangsa ditunjukkan geran tanah sebagai bukti dan diminta membuat pembayaran tunai. Mangsa hanya menyedari tertipu apabila mendapati geran tanah diberikan sebenarnya palsu selepas diperiksa dengan pejabat tanah dan tanah ditawarkan itu sebenarnya milik orang lain.

144 Dipetik daripada laporan akhbar.

Taktik : Bomoh buang sial
Jumlah kes : 120 kes
Jumlah kerugian : RM2. 8 juta

Taktik 2

Modus operandi:

Dalang mendakwa mangsa ada sial, roh jahat atau nasib malang dan berkebolehan mengubah keadaan itu jika mangsa menjalani upacara rawatan khas membuang badi. Proses rawatan biasanya mengambil masa lama dan mangsa perlu membuat bayaran yang ditetapkan. Mangsa hanya sedar tertipu apabila tiada perubahan pada diri dan bomoh menghilangkan diri. Ada juga mangsa wanita dicabul dan ditiduri.

Taktik : Jual beli kereta
Jumlah kes : 71 kes
Jumlah kerugian : RM2. 1 juta

Taktik 3

Modus operandi:

Sindiket mencari mangsa yang memiliki kereta, tetapi belum menyelesaikan pinjaman atau bermasalah membuat bayaran ansuran dengan bank. Mereka menawarkan bantuan kononnya boleh menjual kereta mangsa dan menyelesaikan urusan pinjaman dengan bank.

Mangsa menyedari ditipu apabila pihak bank terus membuat tuntutan bayaran atau menerima saman lalu lintas. Selepas melakukan pemeriksaan, mangsa akhirnya mendapati keretanya tidak dijual, manakala anggota sindiket penipuan menghilangkan diri bersama kereta.

Taktik : Menyewa tanah untuk pembinaan pencawang telekomunikasi
Jumlah kes : 45 kes
Jumlah kerugian : RM1.6 juta

Taktik 4

Modus operandi:

Menyamar sebagai wakil syarikat telekomunikasi seperti Celcom atau Maxis yang kononnya ingin menyewa tanah untuk didirikan pencawang. Mangsa ditawarkan bayaran sewa bulanan tidak kurang RM10,000.

Bagaimanapun, mangsa diminta menyerahkan geran tanah, membuka akaun bank baru kononnya untuk memudahkan bayaran sewa dan diminta mengeluarkan semua duit simpanan dengan alasan untuk mengelak cukai pendapatan.

Selepas duit diserahkan, mereka menghilangkan diri. Kebanyakan mangsa adalah penduduk di kawasan kampung.

Taktik : Menang hadiah utama loteri
Jumlah kes : 135 kes
Jumlah kerugian : RM1. 3 juta

Taktik 5

Modus operandi:

Dalang sindiket biasanya warga Indonesia yang bijak berlakon kononnya mereka memenangi hadiah utama loteri enam digit. Anggota sindiket, termasuk wanita, mencari mangsa di kawasan awam, terutama wanita yang banyak memakai barang kemas atau pemilik kereta mewah.

Mereka mendakwa tidak boleh menuntut hadiah kemenangan kerana mereka warga asing, lalu menawarkan mangsa tiket loteri mereka dengan meminta bayaran sebanyak RM10,000. Biarpun jumlah itu besar, ia dikatakan jauh lebih rendah berbanding hadiah kemenangan yang kononnya RM200,000.

Jika mangsa kekurangan tunai, mangsa boleh menyerahkan barang kemas dengan nilai yang dikehendaki. Bagaimanapun, mangsa menyedari ditipu apabila mendapati tiket loteri yang diberikan sebenarnya tiket yang menggunakan jarum dan gam.

Taktik : Beli barang runcit dengan cek palsu
Jumlah kes : 63 kes
Jumlah kerugian : RM1. 3 juta

Taktik 6

Modus operandi:

Sindiket membeli pelbagai barangan runcit, namun pembayaran terpaksa dibuat sebahagian kecil menggunakan tunai, manakala sebahagian besarnya menggunakan cek, dengan alasan mereka adalah dari sebuah syarikat.

Mangsa menyedari dirinya tertipu apabila mendapati cek yang digunakan itu tidak laku, manakala syarikat yang dimaksudkan pula tidak wujud.

Taktik : Menjual barangan yang didakwa daripada Jabatan Kastam
Jumlah kes : 106 kes
Jumlah kerugian : RM782, 510

Taktik 7

Modus operandi:

Sindiket mendakwa memiliki barangan seperti telefon bimbit, kereta dan komputer yang hendak dijual dengan harga murah kerana ia kononnya barang lelongan kastam turut digunakan untuk meyakinkan mangsa.

Mangsa diminta membayar sejumlah wang sebagai cengkeram atau deposit sebelum barangan dihantar kemudian. Namun, penghantaran tidak dibuat dan anggota sindiket menghilangkan diri dengan wang cengkeram.

Taktik : Menang peraduan Akademi Fantasia 4 (AF4)
Jumlah kes : 330 kes
Jumlah kerugian : RM700, 000

Taktik 8

Modus operandi:

Menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) kononnya mangsa bertuah kerana memenangi hadiah peraduan AF4 sebanyak RM9,000. Namun mangsa perlu membuat bayaran ke satu bank sebanyak RM1,000 terlebih dulu. Mangsa menyedari tertipu apabila wang RM9,000 yang dijanjikan tidak diserahkan. Polis kesal kerana banyak kali mengeluarkan kenyataan mengenai penipuan ini, namun orang ramai masih tidak ambil berat.

Taktik : Gores dan menang
Jumlah kes : 53 kes
Jumlah kerugian : RM281, 334

Taktik 9

Modus operandi:

Dilakukan oleh sindiket sebagai yang mencari mangsa di rumah, kedai atau tempat awam. Mangsa diberi kad dan diminta menggores diatasnya untuk mengetahui hadiah dimenangi. Hadiah dijanjikan termasuk kereta dan wang tunai.

Apabila mangsa ingin menuntut hadiah di premis yang selalunya beroperasi hanya dalam tempoh singkat, mangsa diminta membuat bayaran tertentu.

Seringkali mangsa hanya menerima hadiah barangan elektrik, kerusi urut atau pinggan mangkuk yang tidak setimpal dengan wang dilaburkan.

Taktik : Tawaran pakej haji dan umrah
Jumlah kes : 13 kes
Jumlah kerugian : RM264,000

Taktik 10

Modus operandi:

Sindiket menyamar sebagai kakitangan Lembaga Tabung Haji atau wakil syarikat agensi pelancongan yang menawarkan pakej haji serta umrah pada harga murah dan cepat. Namun, selepas mangsa membuat bayaran, pakej yang ditawarkan didapati tidak wujud.

Ada mangsa yang hanya menyedari ditipu selepas berada di lapangan terbang sebelum bersedia memulakan perjalanan.

Taktik : Tawaran bantuan kebajikan dan rumah kos rendah
Jumlah kes : 45 kes
Jumlah kerugian : RM178, 000

Taktik 11

Modus operandi:

Beroperasi di kawasan luar bandar dan mangsa biasanya ialah orang tua, orang miskin atau ibu tunggal. Anggota sindiket menyamar sebagai kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau wakil yayasan kebajikan. Mangsa dijanjikan bantuan kewangan tetap bulanan atau rumah kos rendah pada harga potongan lebih 70 peratus. Untuk memperolehinya, mangsa diminta mengeluarkan semua wang di dalam bank untuk membuka akaun baru atau membuat sejumlah bayaran, kononnya deposit pembelian rumah.

Biasanya, mereka sanggup mengikut mangsa ke pejabat LTH atau bank untuk keluarkan wang. Ketika urusan membuka akaun bank baru dan mangsa diminta tunggu di luar bank dan ketika itu anggota sindiket menghilangkan diri.

Taktik : Menang cabutan bertuah dari Hong Kong atau Macau
Jumlah kes : 6 kes
Jumlah kerugian : RM161, 000

***Taktik* 12**

Modus operandi:

Mangsa menerima SMS mendakwa menerima hadiah cabutan bertuah wang tunai mencecah RM50,000 yang diadakan di luar negara. Mangsa bagaimanapun diminta membayar yuran pemindahan wang ke dalam akaun tertentu. Selepas bayaran dibuat, wang kemenangan dijanjikan tidak diperoleh.

Pembayaran Hutang Apabila Nilai Mata Wang Berubah

Timbul banyak persoalan kepada saya berkenaan individu A yang memberi hutang kepada B pada tahun 1986 sebanyak USD400, kemudian B ingin membayar hutang tersebut pada Ogos 2008. Tatkala itu berapakah jumlah yang perlu dibayar? Bolehkah ia dibayar dalam RM dengan nilai tukaran semasa yang sama dengan USD400 hari ini atau mesti dalam USD juga dengan nilai yang sama ketika pinjaman dibuat dulu?

Isu seperti ini telah dibincangkan di Majlis Fiqh Antarabangsa dalam sidangnya yang ke-5 pada 10-15 Disember 1998 bertempat di Kuwait dan keputusannya adalah seperti berikut:

الْعِبْرَةُ فِي وَفَاءِ الدُّيُونِ الثَّابِتَةِ بِعُمْلَةٍ مَا هِيَ بِالْمِثْلِ وَلَيْسَ بِالْقِيمَةِ لأَنَّ الدُّيُونَ تُقْضَى بِأَمْثَالِهَا فَلاَ يَجُوزُ رَبْطُ الدُّيُونِ الثَّابِتَةِ فِي الذِّمَّةِ أَيًّا كَانَ مَصْدَرُهَا بِمُسْتَوَى الأَسْعَارِ

Maksudnya: *"Yang diambil kira tatkala menyelesaikan hutang yang sabit dengan mata wang adalah dengan (memulangkan) secara sama jumlahnya (bil mithl) dan bukannya merujuk kepada nilaiannya (tukaran semasa), kerana hutang dilangsaikan dengan yang sama jenis dan serupa. Maka tidak harus untuk mengikat pembayaran semula hutang yang sabit atas pihak lain dengan pertukaran nilai mata wang semasa."*

Keputusan ini juga dibuat bagi mengelakkan riba daripada berlaku. Justeru dalam kes di atas, pihak peminjam perlulah memulangkan USD400 juga tanpa mengira kuasa belinya sudah berbeza dengan apa yang ada pada waktu pinjaman dilakukan.

Tidak dinafikan terdapat sekumpulan kecil daripada ulama kontemporari seperti Syeikh Prof. Dr. Sadiq Dharir dan beberapa yang lain, tidak bersetuju dengan keputusan ini. Walau bagaimanapun, keputusan Majlis Fiqh tadi adalah keputusan majoriti ulama kontemporari dan ulama silam.

Ada tiga pendapat daripada para ulama silam ketika membincangkan isu ini – iaitu sekiranya pada waktu nilai mata wang bertukar menjadi semakin mahal atau murah, maka atas nilai apakah jumlah hutang perlu dibayar?

i Imam Abu Hanifah, mazhab Maliki, mazhab Syafi'i dan Hambali.

Wajib ke atas peminjam memulangkan hutangnya berdasarkan jumlah yang sama ketika akad pinjaman dibuat, tanpa sebarang tambah atau kurang.[145]

Sebagai contoh, apa yang disebutkan oleh Imam al-Kasani:

وَلَوْ لَمْ تَكْسُدْ، وَلَكِنَّهَا رَخصت قِيمَتُهَا أَوْ غَلَتْ، لاَيَنْفَسِخُ الْبَيْعُ بِالإِجْمَاعِ، وَعَلَى الْمُشْتَرِي أَنْ يَنْقُدَ مِثْلَهَا عَدَدًا، وَلاَ يَلْتَفِتْ إِلَى الْقِيمَةِ هَهُنَا

Maksudnya: *"Dan sekiranya kerana tidak laku (sesuatu mata wang itu), tetapi hanya nilainya yang menurun atau menaik, jual beli (yang telah termeterai) tidaklah terbatal secara ijmak, dan pembeli perlulah membayar harga 'mithl' yang sama kuantitinya, dan tidak terpakai nilaian (baru) di sini."*[146]

---

145 *Bada' al-Sonai'e*, 7/3245; *Tanbih al-Ruqud*, 2/60; *Hasyiah al-Shalabi 'Ala Tabyin al-Haqaiq*, 4/142; *al-Zarqani ala Khalil*, 60/2; *Hasyiah al-Rahuni*, 5/121; *Qat'u al-Mujadalah 'Inda Taghyir al-Mu'amalah*, al-Suyuti, 1/97; *Syarh Muntaha al-Iradat*, 2/226.

146 *Bada' al-Sonai'e*, 7/3245.

Imam al-Sayuti pula berkata:

وَقَدْ تَقَرَّرَ أَنَّ الْقَرْضَ الصَّحِيحَ يُرَدُّ فِيهِ الْمِثْلُ مُطْلَقًا. فَإِذَا اقْتَرَضَ مِنْهُ رِطْلَ فُلُوسٍ، فَالْوَاجِبُ رَدُّ رِطْلٍ مِنْ ذَلِكَ الْجِنْسِ، سَوَاءٌ زَادَتْ قِيمَتُهُ أَمْ نَقَصَتْ.

Maksudnya: *"Telah tetap bahawa sebarang pinjaman yang sahih, mestilah dipulangkan jumlah yang sama secara mutlak, sebagai contoh apabila dipinjam satu jumlah fulus, maka wajib memulangkan jumlah fulus yang sama jenis, tanpa mengira nilainya menaik atau menurun."* (*Qat'u al-Mujadalah 'Inda Taghyir al-Mu'amalah,* al-Suyuti, 1/97)

ii Pandangan kedua dipegang oleh Imam Abu Yusof dan sebahagian fatwa daripada ulama mazhab Hanafi.

Iaitu wajib ke atas peminjam memulangkan nilai yang sama ketika pinjaman dilakukan. [147]

iii Pandangan ketiga dipegang oleh sebahagian ulama mazhab Maliki.

Fatwa mereka adalah, sekiranya perbezaan nilai itu besar maka wajiblah memulangkan menurut nilai barunya, tetapi jika perubahan tidak ketara dan besar, cukup memulangkan jumlah yang sama tanpa mengira nilai.[148]

Walaupun majoriti ahli Majlis Fiqh Antarabangsa telah membuat keputusan seperti yang disebut tadi, saya secara peribadi sebenarnya lebih cenderung kepada pandangan minoriti yang menfatwakan agar dipulangkan nilai semasa dan bukan melihat kepada jumlah dan kuantiti luaran semata-mata. Ia adalah kerana dua sebab yang disebut oleh Syeikh Dr. Siddiq Dharir iaitu:

- Ia lebih hampir kepada keadilan bagi kedua-dua pihak dan Allah SWT mengarahkan kita agar bersifat adil dalam semua hal.

---

147 *Tanbih al-Ruqud*, 2/60.

148 *Hasyiah al-Madani*, 5/118.

- Ia dapat menolak kemudaratan bagi kedua-dua belah pihak peminjam dan pemberi pinjam dan ia termasuk dalam kaedah umum Islam iaitu:

لاَضَرَرَ وَلاَ ضِرَارَ

Maksudnya: *"Tiada memberi mudarat dan membalas kemudaratan."*

Nasihat saya kepada para peniaga dan orang ramai, bagi menjamin memegang pendapat yang lebih baik dan keadilan tercapai serta mengelakkan riba, seeloknya ketika penjualan dan pinjaman dibuat, di awal kontrak sudah ditetapkan kaedah apa yang ingin dipakai, sama ada mengambil kira pertukaran nilai atau terhad kepada jumlah tanpa melihat nilai semasa. *Wallahu 'alam.*

Meniru dalam Peperiksaan

Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian masyarakat kita hidup dengan cara yang tidak sebenar, iaitu meniru. Saya pernah diberitahu bahawa terdapat guru yang menipu semasa peperiksaan PTK dan kemudiannya lulus. Demikian juga pelajar universiti dan sekolah, di mana hasil daripada pencapaian itu mereka berjaya mendapat kerjaya yang baik atau kenaikan pangkat. Apakah pandangan Islam dalam hal ini?

Dari sudut hukum asasnya adalah:

i) Meniru itu adalah menipu, dan menipu hukumnya haram.

Sebuah hadis:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلاً فَقَالَ « مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ ». قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللهِ. قَالَ « أَفَلاَ جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَىْ يَرَاهُ النَّاسُ مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّى

Maksudnya: *"Pada suatu hari Rasulullah SAW pernah melalui seorang laki-laki yang sedang menjual makanan (biji-bijian). Baginda sangat mengaguminya, kemudian memasukkan tangannya ke dalam tempat makanan itu, apabila dilihatnya makanan itu nampak basah, maka bertanyalah beliau: 'Apa yang dilakukan oleh pemilik makanan ini?' Ia menjawab: 'Kena hujan.' Kemudian Rasulullah SAW bersabda: 'Mengapa tidak kamu letakkan yang basah itu di atas, supaya orang lain mengetahuinya?' **Sesiapa menipu, bukanlah (mereka) daripada golongan kami (Islam).**"*[149]

ii) Pernah juga diriwayatkan bahawa:

إِنَّ اللهَ إِذَا حَرَّمَ شَيْئًا حَرَّمَ ثَمَنَهُ

Maksudnya: *"Sesungguhnya apabila Allah telah mengharamkan sesuatu, maka akan haram jugalah harga jualan (keuntungan yang terhasil daripada yang haram)."*[150]

iii) Nabi SAW juga pernah mencela orang Yahudi, di mana ketika diharamkan memakan daging babi dan lain-lain, mereka membuat helah dengan mengambil lemaknya dan dihiaskan lalu dijualnya. Apabila Nabi mendapat tahu lalu terus berkata:

قَاتَلَ اللهُ الْيَهُودَ حُرِّمَ عَلَيْهِمُ الشَّحْمُ فَبَاعُوهُ وَأَكَلُوا ثَمَنَهُ

Maksudnya: *"Allah akan menghancurkan Yahudi yang mana mereka ini apabila Allah mengharamkan makan lemak (babi, bangkai dan lain-lain yang diharamkan), lalu mereka membuat helah dengan menjualnya serta menikmati hasil jualannya."*[151]

Daripada kedua-dua dalil ini, jelas kepada kita bahawa hukum meniru dalam peperiksaan adalah haram bagi guru dan murid kerana ia adalah suatu bentuk penipuan.

149 Riwayat Muslim, 1/99.

150 *Al-Rawdu al-Murabba',* 2/30; Riwayat Ibn Hibban, 11/312.

151 Riwayat al-Bukhari, no 2111, 2/77 ; Muslim, Baihaqi.

Daripada hadis ketiga juga dapat difahami bahawa setiap hasil keuntungan duniawi yang terhasil daripada sumber yang haram, maka hukumnya adalah haram jua. Tatkala itu, kenaikan gaji guru tadi juga adalah dikira pendapatan yang haram.

Amat malang, penipuan yang memberi manfaat dunia seperti ini cukup digemari oleh ramai orang, tanpa mereka sedari kehidupan akhirat mereka dalam bahaya apabila kehidupan harian mereka dikelilingi oleh duit kenaikan gaji dan untung haram tanpa mereka sedari.

Dosa ini ibarat "time bomb" yang amat menderita di alam barzakh. Ibarat "time bomb" yang akan meletup sejurus seorang itu disapa kematian. Mati dalam keadaan sebegini, adalah mati dengan penuh dosa disebabkan hartanya.

Tindakan

Tindakan *"U-turn"* bagi mereka yang telah terlanjur begini adalah dengan segera bertaubat, melupuskan harta yang haram secara ansuran, memperbanyakkan sedekah dan juga meningkatkan kualiti diri sesuai dengan nilai "PTK tipu" yang diperolehnya. Moga mereka yang terjebak akan beroleh keampunan Allah SWT.

Ke kubur juga akhirnya

Kekayaan, pangkat dan kebesaran yang dikecapi adalah sementara sahaja, jarang-jarang kenikmatan sementara ini mampu dikecapi melebihi 60 tahun. Justeru, mengapakah kita masih lagi terlalu ghairah untuk mengumpulkannya tanpa mengira halal haramnya? Malangnya diri yang terlupa bahawa kematian adalah penamat segala kenikmatan dunia. Justeru carilah harta daripada sumber yang HALAL sahaja.

Nabi SAW bersabda:

أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ يَعْنِي الْمَوْتَ

Maksudnya: *"Perbanyakkanlah ingatan kepada pemutus segala nikmat (dunia) iaitu MAUT."*[152]

---

152 Riwayat al-Tirmizi, 4/553; Ibn Hibban, 7/259; Imam al-Tirmizi: Hadis Hasan Gharib.

Guru memberi soalan peperiksaan

Selain isu meniru, terdapat juga isu yang berkaitan, iaitu sebahagian guru atau pensyarah yang menghasilkan skrip jawapan bagi soalan-soalan peperiksaan yang bakal tiba, lalu diedarkan kepada murid supaya mereka dapat lebih bersedia.

Bagi saya, jika diberitahu nota yang diedar itu adalah skrip jawapan bagi soalan yang akan keluar, ini bererti si guru telah mengkhianati amanah perguruannya yang mana beliau sepatutnya mengajar muridnya sehingga pandai dan mampu menjawab soalan dengan faham dan ingat.

Maka apabila soalan-soalan dan jawapan telah diberi, ia adalah amat jelas satu penipuan diri dan juga menipu anak muridnya dan juga ibu bapa yang menyangka anak mereka bijak dan pandai. Seterusnya kejayaan pada keputusan peperiksaan yang keluar pula adalah satu penipuan kepada masyarakat umum.

Namun begitu, jika tidak diberitahu ia adalah soalan yang akan keluar dan tidak pula menjadi kebiasaan (iaitu kebiasaan nota akhir itu adalah soalan dan jawapan peperiksaan) sehingga ia boleh dikesan oleh murid walaupun tanpa diberitahu, tatkala itu ia adalah dibenarkan.

Minta Semula Hutang yang Telah Dihalalkan

Saya menerima satu soalan berkaitan hutang yang telah dihalalkan tetapi kemudiannya ditarik semula oleh pemberi hutang. Ringkasan soalannya ialah:

"Kawan saya ada meminjamkan wang kepada saya dan beliau telah menghalalkan semua hutang tersebut. Kini, beliau meminta saya agar menjelaskan semula hutang yang telah dihalalkan itu. Saya jadi risau dan keliru mengenai perkara ini. Minta Ustaz tolong jelaskan apa hukumnya kawan saya yang meminta wang itu dan apa yang perlu saya lakukan. Adakah saya wajib jelaskan hutang yang telah dihalalkan tersebut? Baru-baru ni abang iparnya datang berjumpa dengan saya dan mengarahkan saya supaya menjelaskan hutang itu. Saya sudah terangkan kepadanya dia telah halalkan tapi dia tetap berdegil juga. Kini ia menjadi masalah yang besar yang melibatkan keluarga kedua-dua belah pihak. Kawan saya itu tetap mahukan saya supaya bayar semula. Beliau juga telah memburuk-burukkan saya kepada semua orang. Sedih dan pilu bila seorang kawan buat saya macam ni."

Perlu difahami bahawa Islam menggalakkan umatnya menulis hutang dan disertai dengan saksi bagi mengelakkan pertikaian, lupa dan yang paling berbahaya adalah menemui kematian dalam keadaan tiada siapa yang sedar akan hutang kita yang masih tidak berbayar.

Jika ketika berhutang memerlukan tulisan, maka demikian juga ketika ia dihalalkan atau dalam kata lain, disedekahkan oleh si pemberi hutang.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا تَدَايَنتُم بِدَيۡنٍ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى فَٱكۡتُبُوهُۚ وَلۡيَكۡتُب بَّيۡنَكُمۡ كَاتِبُۢ بِٱلۡعَدۡلِۚ وَلَا يَأۡبَ كَاتِبٌ أَن يَكۡتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ ٱللَّهُۚ فَلۡيَكۡتُبۡ

Maksudnya: *"Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah ia menulis."*[153]

Apabila kedua-dua amalan yang diajar oleh Islam ini tidak diaplikasikan, fenomena seperti ini mudah berlaku.

Dalam konteks Islam, ketika hutang itu telah dihalalkan secara berlafaz atau SMS oleh si pemberi hutang, ia bermakna pemberi hutang telah memberi sedekah atau derma kepada anda.

Konsep menghalalkan hutang sehingga menjadi sedekah ini dipuji oleh Allah SWT dalam ayat berikut:

وَإِن كَانَ ذُو عُسۡرَةٖ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيۡسَرَةٖۚ وَأَن تَصَدَّقُواْ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ

Maksudnya: *Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.*[154]

153 Surah al-Baqarah 2: 282.

154 Surah al-Baqarah 2: 280.

Justeru, ketika ia telah menghalalkan hutang itu, akad hibah atau sedekah telah termeterai dengan sempurna, kerana antara syarat utama sah hibah dan sedekah adalah *qabadh* atau penerimaan hadiah. Maksudnya jika jiran saya berkata dia ingin menghadiahkan motosikalnya kepada saya, tiba-tiba sebelum sempat dia menyerahkan kuncinya, dia telah meninggal dunia, tatkala itu, hibah belum sempurna dan saya tidak boleh menuntut hadiah itu kerana saya masih belum menerima atau *qabadh* motosikal itu. *Qabadh* motosikal adalah melalui penerimaan kuncinya.

Dalam kes tersebut, peminjam telah pun *qabadh* wang itu kerana ia pada asalnya adalah hutang. Tatkala itu penerimaan hadiah telah sempurna.

Adapun ia menarik semula hadiahnya atau apa yang telah dihalalkan, pendirian Islam dalam hal ini adalah seperti berikut:

i) Sabda Nabi SAW:

الْعَائِدُ فِي صَدَقَتِهِ كَالْكَلْبِ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ

Maksudnya: *"Orang yang meminta kembali hadiahnya adalah seperti anjing yang menjilat muntahnya."*[155]

Imam Ibn Hajar berkata terdapat tafsiran yang menyebut bahawa penyerupaan sebegini membawa erti meminta kembali hadiah adalah haram. Namun begitu, untuk anjing menjilat muntahnya adalah tidak najis, maka ini tidaklah haram.

Imam Ibn Hajar menyimpulkannya dengan mengatakan bahawa hadis ini cukup memberikan erti jelas kebencian melampau Islam bagi seseorang bertindak meminta kembali hadiah yang telah diberikannya sehinggakan menyamakannya dengan anjing menjilat muntah.[156]

Nabi juga bersabda:

لَيْسَ لِأَحَدٍ أَنْ يُعْطِيَ عَطِيَّةً إِلَّا الْوَالِدَ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ

Maksudnya: *"Tiada sesiapa pun apabila ia telah memberikan sesuatu hadiah kemudian ia menuntutnya kembali kecuali bagi bapa yang memberi sesuatu hadiah kepada anaknya."*[157]

155 Riwayat al-Bukhari, 2/914.

156 *Fath al-Bari*, 5/235.

157 Riwayat al-Tirmizi; Hadis Hasan.

ii) Bagi sesiapa yang memberikan hadiah atau pemberian dengan syarat orang yang menerima bakal memulangkannya dengan lebih banyak, ia dikira sebagai **riba** sebagaimana yang disebut oleh Ibn Abbas r.a.:

الرِّبَا هُوَ أَنْ يُعْطِيَ الرَّجُلُ عَطِيَّةً لِيُعْطِيَ مِنْهَا أَكْثَرَ

Maksudnya: *"Dikira riba apabila seseorang itu memberi hadiah kepada yang lain sambil disyaratkan memulangkan kembali kepadanya dengan hadiah yang lebih banyak."*

Dalam kes anda, keluarga dan individu yang menghalalkannya telah menafikan "halal" yang telah diberikan dan kembali menuntut hutang dan memburukkan anda pula.

Jika telah sampai ke peringkat itu dan anda telah berusaha memahamkannya dari sudut hukum syariah tetapi dia masih berdegil, adalah lebih baik jika anda berusaha membayar jumlah "hutang yang dihalalkan itu". Hukum haram dan dosa hanya akan ditanggung oleh mereka kerana dikira memakan harta orang lain secara haram.

Pinjam Kemudian Jual, Ambil Untung dan Komisyen Wakil

Terdapat beberapa persoalan yang dalam permasalahan berikut:

Saya nak tanya satu persoalan. Katalah saya hendak menjual beg kepada kawan saya A dengan harga RM30 sebuah. Kawan ini telah mengambil begitu dan membawanya balik ke rumah dengan tujuan untuk menunjukkannya kepada anaknya dahulu.

Tiada akad jual beli lagi kerana dia belum kata nak beli dan belum bagi duit kepada saya lagi. Esoknya dia jumpa saya dan berkata dia sudah menjual kepada kawan anaknya, dengan harga RM35.

Persoalannya adakah keuntungan yang diambil oleh kawan saya itu dikira RIBA kerana di antara saya dan dia belum lagi berlaku akad jual beli sedangkan dia sudah menjual beg itu kepada kawan anaknya dengan harga yang lebih tinggi?

Sebelum saya menjawab soalan ini, ingin saya terangkan bahawa apa yang disebutkan iaitu:

"Saya nak tanya satu persoalan. Katalah saya hendak menjual beg kepada kawan saya A dengan harga RM30 sebuah. Kawan ini telah mengambil beg itu dan membawanya balik ke rumah dengan tujuan untuk menunjukkan kepada anaknya dahulu."

Isu Pertama: Jika Rosak dalam Simpanan

Walaupun tidak ditanya tetapi anda perlu tahu kesan hukum dalam pinjaman ini jika beg tersebut rosak dalam simpanan anda. Ia dinamakan sebagai *Qabdu al-Saum* (قبض السوم) dalam istilah *Fiqh*, dari sudut jenisnya, ia termasuk dalam kategori *Yad al-Dhaman*. Kesannya adalah jika barang itu rosak semasa dalam pegangan anda, anda perlu gantikannya walau apa jua sebabnya, termasuklah jika berlaku sesuatu yang bukan kelalaian anda seperti tiba-tiba banjir sehingga beg tersebut rosak. Jika ia dicuri, anda juga perlu menggantikannya sama ada mengganti dengan barang yang sama atau harganya[158] kepada pemilik yang membenarkan anda membawa balik tadi.

Kaedahnya adalah: -

الضَّمَانُ عِبَارَةٌ عَنْ رَدِّ مِثْلِ الْهَالِكِ إِنْ كَانَ مِثْلِيًّا وَقِيمَتُهُ إِنْ كَانَ قِيَمِيًّا

Maksudnya: *"Tangan al-Dhaman membawa keperluan menggantikan serupa dengan apa yang rosak jika ia daripada jenis harta Misliah (yang serupa antara satu sama lain seperti beras dengan beras yang lain), dan perlu diganti nilainya jika ia daripada jenis harta "qimiah" (seperti kambing yang tidak sama antara satu sama lain)."*[159]

Isu Kedua: Peminjam Jual dengan Harga Lebih Tinggi Tanpa Makluman

Dalam isu kedua ini, keuntungan yang diperolehi kawan anda itu bukanlah riba, tetapi ia termasuk dalam **kategori larangan** kerana menjual benda yang tidak dimiliki olehnya lagi.

Namun mungkin ada yang akan mengatakan bahawa situasi yang berlaku kepada anda tadi boleh dianggap sebagai seperti ***Bai al-Fudhuli*** atau **belian tanpa disuruh**. Contohnya, adik anda membeli buku tanpa anda suruh dan kemudian dia datang kepada anda dan meminta anda membayar harga buku itu kerana buku itu dibeli untuk anda. Katanya dia pasti anda akan membelinya jika anda terjumpa buku itu di kedai-kedai atau lain-lain sebab.

158 *Majalah al-Ahkam al-'Adliyah*, no 416; *Naylul Awtar*, 5/297; *al-Muhazzab*, 1/366.
159 *Al-Hamwi ala al-Ashbah Wa al-Nazair*, 2/211.

Hukum: Dalam konteks contoh di atas, belian *al-Fudhuli* ini dianggap *mawquf* atau hukumnya tertakluk kepada persetujuan anda. Jika anda setuju, ia sah dan halal serta perlulah anda membayar kepada adik anda itu. Jika anda tidak setuju, adik anda perlu menanggung sendiri kosnya dan buku itu miliknya.

Tetapi: Dalam konteks ini apa yang berlaku kepada anda, pada hemat saya ia tidak boleh disamakan dengan ***Bai al-Fudhuli*** berdasarkan hadis berikut:

قَالَ يَا رَسُولَ اللهِ يَأْتِينِى الرَّجُلُ فَيُرِيدُ مِنِّى الْبَيْعَ لَيْسَ عِنْدِى أَفَأَبْتَاعُهُ لَهُ مِنَ السُّوقِ فَقَالَ (لاَ تَبِعْ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ).

Maksudnya: *"Wahai Rasulullah, telah datang kepada aku seorang lelaki dan ia ingin aku menjualkan kepadanya sesuatu yang tidak aku miliki. Adakah boleh untukku menjual kepadanya apa yang ada di pasar?" Baginda menjawab: "Jangan kamu menjual benda yang belum kamu miliki."* [160]

Al-Mubarakfuri dalam kitabnya *Tuhfatul Ahwazi*:

دَلِيلٌ عَلَى تَحْرِيمِ بَيْعِ مَا لَيْسَ فِي مِلْكِ الإِنْسَانِ وَلاَ دَاخِلاً تَحْتَ مَقْدِرَتِهِ وَقَدْ اسْتَثْنَى مِنْ ذَلِكَ السَّلَمِ فَتَكُونَ أَدِلَّةُ جَوَازِهِ مُخَصِّصَةٌ لِهَذَا الْعُمُومِ

Maksudnya: *"Hadis ini adalah dalil haramnya jual benda yang tidak dimiliki dan tidak termasuk di bawah milik dan kemampuannya, diberikan pengecualian dalam bab Bai al-Salam kerana terdapat dalil khusus yang mengecualikannya daripada umum hadis ini."*

Beliau menjelaskan lagi, haram menjual sesuatu yang belum berada dalam milik anda tatkala akad jualan dibuat.

Inilah yang berlaku dalam kes dan soalan anda. Peminjam tersebut telah menjualnya sebelum membeli daripada anda.

160 Riwayat Abu Daud, no. 3503, 3/283; Riwayat al-Tirmizi: Hadis Hasan dan disetujui oleh al-Munziri.

Kaedah untuk menjadikannya halal

Padahal amat mudah untuk mengelakkan transaksi tadi daripada menjadi tidak sah iaitu, dengan melakukan salah satu antara dua perkara ini:

i) Peminjam tadi boleh dengan segera menghubungi anda sebelum menjual dan membeli melalui telefon sahaja, kerana akad juga boleh melalui telefon. Sejurus anda menjual dan dia membeli melalui telefon, ia menjadi halal untuk menjualkannya walaupun dia belum lagi membayar apa-apa kepada anda.

ii) Jika anda tidak ingin menjualkan kepadanya, melalui telefon juga, anda boleh mewakilkannya atau *appoint him/her as an agent*. Dengan akad itu, dia telah menjadi wakil anda dan halal baginya menjual kepada adiknya. Adapun untuk menjual dengan harga berbeza iaitu RM35 sedangkan harga asalnya RM30, ia boleh menjadi halal dan haram dalam keadaan berikut:

Haram: Anda selaku pemilik mewakilkannya untuk menjual dengan harga tertentu iaitu RM30 dan telah disebutkan bahawa komisyennya sebagai ejen adalah 10% daripada harga tersebut. Tiba-tiba ia degil atau secara senyap menjual dengan harga yang lebih tinggi seperti RM35. Tatkala itu RM5 adalah tidak sah. Jenis pewakilan ini disebut *wakalah muqayyadah*. Apabila ini berlaku bermakna ejen anda telah *breach* atau mengkhianati kontrak wakil.

Kecuali jika wakil itu berjaya menjual dengan harga lebih baik daripada yang ditentukan seperti RM35, lalu seluruh kos baru itu diserahkan kepada pemilik, dan komisyen wakil akan berubah kepada 10% daripada RM35 berbanding 10% daripada RM30 sebelum ini. Ketika itu ia adalah harus.[161]

Halal: Anda selaku pemilik mewakilkannya untuk menjual tanpa menghadkan harga tertentu, menyebut: *"Harganya RM30, dan komisyen anda tertakluk kepada harga yang anda sendiri tentukan ketika jual. Jika anda berjaya jual RM40, maka RM10 itu adalah komisyen anda, yang penting RM30 adalah milik saya."* Ini dinamakan *wakalah mutlaqah* dari sudut harga.

Dalam kes soalan anda, kesimpulannya adalah pendapatan kawan anda hasil jualan kepada anak kawannya adalah tidak sah.

---

161 *Majalah al-Ahkam al-'Adliyah*, no. 1479; *al-'Uqud al-Musammah*, al-Zuhaili, hlm. 287.

Kerjaya Juruwang di Kedai Mini yang Turut Menjual Arak

Permasalahannya adalah seperti berikut:

> *"Di sini saya ingin ajukan satu soalan. Bagaimana hukum pendapatan saya sekiranya saya bekerja di kedai 24 jam yang agak terkenal, yang mana kedai ini ada menjual minuman arak. Adakah saya termasuk dalam golongan orang yang dilaknat oleh Allah?"*

Secara umumnya, kerja sebagai juruwang di pasar raya termasuk apa jua kedai adalah halal. Bagaimanapun, jika ada orang membeli arak dan melakukan pembayaran di kaunter anda, maka dengan itu anda turut mendapat dosa dan laknat Nabi SAW kerana ia dianggap telah membantu pembelian arak itu. Demikian juga jika pekerja itu seorang pembantu yang menyusun dan menyemak stok arak dan lain-lain yang diharamkan, apa sahaja yang berkait dengan menyusun arak seperti mempamerkannya juga adalah berdosa.

Perlu difahami, tidak semua perkara haram sama tahap berat dosanya, ada yang dosa besar dan ada dosa yang lebih kecil. Allah SWT lebih mengetahui. Bagi mendapat panduan hukum yang lebih jelas dalam hal ini, terdapat hadis Nabi SAW yang menerangkannya:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةً عَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَشَارِبَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَآكِلَ ثَمَنِهَا وَالْمُشْتَرِي لَهَا وَالْمُشْتَرَاةُ لَهُ

Maksudnya: *"Rasulullah SAW melaknat tentang arak, sepuluh golongan; yang memerahnya, yang meminta diperahkan untuknya, yang meminumnya, yang membawanya, yang minta dihantarkannya, yang menuangkannya, yang menjualnya, yang makan harganya, yang membelinya, yang minta dibelikannya."*[162]

162 Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah. Al-Tirmizi: Hadis Gharib, al-Munziri dalam *al-Targhib*: Perawinya *thiqah*.

Dalam menghuraikan hadis ini dan kaitannya dengan juruwang:

وَآكِلُ ثَمَنِهَا الْمُشْتَرِي: أَيْ لِلشُّرْبِ أَوْ لِلتِّجَارَةِ بِالْوَكَالَةِ وَغَيْرِهَا

Maksudnya: *"Pemakan harta daripada jualan arak yang dibeli pelanggan, iaitu sama ada untuk diminum atau untuk dijadikan barang dagangan melalui wakil."*[163]

Dan juga sebuah lagi hadis:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ، عَامَ الْفَتْحِ، وَهُوَ بِمَكَّةَ: إِنَّ اللهَ وَرَسُولَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيرِ وَالأَصْنَامِ

Maksudnya: *"Daripada Jabir r.a. berkata beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda, 'Pada hari pembukaan Makkah, sesungguhnya Allah dan rasul-Nya mengharamkan penjualan arak, bangkai, khinzir dan berhala.'"*[164]

Secara ringkasnya, ini bermakna kerja sebegini boleh menyebabkan pendapatannya bercampur halal dan haram. Keadaan ini boleh diselesaikan dengan memperuntukkan sedekah sebahagian daripada harta setiap bulan kepada fakir miskin. Ia bergantung kepada iman kita, jika ingin rasa lebih tenang, sedekahlah dalam jumlah yang wajar dengan keterlibatan penjualan arak tadi.

Hukum menjual **kondom** di kedai pula agak sedikit berbeza, kerana tidak dinafikan ada suami isteri yang membelinya juga. Jadi, ia adalah halal.

Walau bagaimanapun, bagi yang berlagak bagai suami isteri lalu membelinya untuk perzinaan mereka, *cashier* yang tidak mengetahuinya **tidak terlibat dalam dosa tersebut**. Kecuali jika dalam sesetengah keadaan ada *cashier* yang mempunyai rakan-rakan muda yang diketahui kaki berzina, lalu meminta bantuan untuk membeli kondom dari kedai yang dijaganya. Ketika itu, bantuan itu menjadi haram dengan dosa besar. *Wallahu'alam.*

---

163 *Mirqat al-Mafatih*, 6/22.

164 Riwayat al-Bukhari, 2/779.

Kesimpulan

Kita sepatutnya menuntut agar semua kedai yang menjual arak untuk mengikuti jejak langkah beberapa buah pasar raya, yang memisahkan kaunter pembayaran barangan tidak halal dibuat di kaunter khas yang dijaga oleh orang bukan Islam. Ia baik untuk menjaga kebajikan pekerja Islam.

Caj Jaminan Pulang Hutang dan Hukum Cagaran

Saya turut menerima soalan seperti berikut:

> *"Apakah hukumnya saya mengenakan 'commitment fee' kepada adik saya yang ingin meminjam duit? Ia sekadar bertujuan untuk memberikannya rasa lebih tanggungjawab untuk membayar balik pinjaman itu kemudiannya. Saya berniat kalau dia telah bayar habis semua jumlah pinjamannya, saya akan memulangkan semula semua wang daripada yuran komitmen itu."*

Memang benar, tujuan serta niat yang disebutkan tiada sebarang masalah dari sudut syariah.

Namun meletakkan yuran khusus sebagai yuran komitmen adalah bukan cara yang tepat apabila kita terlibat dalam akad pinjam-meminjam wang. Ia tidak dianggap riba kecuali jika *"commitment fee"* tetap hangus apabila peminjam membayar semua hutangnya.

Selain itu, dari sudut logik pula, kelihatan sedikit janggal kerana adik saudara atau sesiapa sahaja yang ingin meminjam wang *cash* (tunai), sudah pastilah ia tidak mempunyai wang tunai.

Mungkin ada yang mengatakan yuran itu adalah tambahan daripada jumlah pinjaman. Jika itu keadaannya, ia sudah tentu seperti bercanggah dengan tujuan si peminjam yang ketiadaan wang tunai. Untuk menjelaskan lagi keadaan ini, contohnya katalah adik anda ingin meminjam RM2,000 tunai. Ini bermakna ia memerlukan jumlah itu untuk menyelesaikan apa jua tujuannya.

Jika anda meminta adik anda membayar RM200 sebagai yuran komitmen, sudah tentu ini menjadikan pinjaman adik anda sudah menjadi RM1,800 sahaja. Maka ia sudah tentu tidak menepati objektif peminjam yang inginkan RM2,000 tunai.

Benar, memang saudara boleh menaikkan jumlah hutang kepada RM2,200. Tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi, ia bercanggah dengan objektif peminjam, kerana dia terpaksa mengeluarkan wang tunainya pula. Padahal dia tidak mempunyai wang tunai sendiri.

Cara yang betul

Cara yang tepat serta diiktiraf oleh Islam adalah konsep ***al-rahn*** atau **cagaran**.

Iaitu bagi memastikan komitmen peminjam untuk membayar hutangnya, yang mana pemberi hutang dibenarkan oleh syarak untuk meletakkan syarat tertentu yang boleh menguatkan janji orang berhutang untuk menyempurnakan hutangnya.

Caranya adalah dengan meminta orang berhutang itu meletakkan apa-apa aset yang sesuai dengan nilai pinjamannya sebagai cagaran. Aset yang ingin dicagar perlu melihat beberapa syarat:[165]

DUA BENTUK PERTANDINGAN BERUNSURKAN PERJUDIAN

- Mempunyai nilai di sisi Islam dan undang-undang seperti komputer, motosikal, televisyen, radio dan lain-lain.
- Bukan benda yang diharamkan sepeti arak, babi, bon riba dan lain-lain sepertinya.
- Benda yang tidak dimiliki orang yang mencagar.
- Bukan hutang orang ketiga yang belum sabit statusnya. Ertinya, tidak boleh mencagarkan hutang orang lain yang belum pasti pemulangannya kepada kita sebagai cagaran untuk hutang kita.

Haram dan dosa besar mencagarkan isteri atau anak perempuan sebagaimana kes yang pernah berlaku pada zaman jahiliah silam dan moden ini.

Sebagai contoh, pinjaman RM2,000, maka adik anda perlu mencagarkan komputer peribadinya kepada anda. Ini menyebabkan komputer itu akan berada dalam simpanan anda. Apabila adik anda gagal menyelesaikan hutangnya, anda dibenarkan untuk menjual komputer itu di pasaran dengan harga biasa. Jika anda berjaya memperolehi RM2,500, baki RM500 perlu diserahkan kembali kepada adik anda, manakala RM2,000 adalah milik anda sebagai bayaran hutang yang gagal dibayar tadi.

165 *Al-'Uqud al-Musammah*, al-Zuhaili, hlm. 362.

Jika hasil jualan hanya RM1,500, anda **masih berhak menuntut baki** RM500.

Selain itu, bagi sesiapa yang berkemampuan, Islam juga menggalakkan mereka memberikan tangguh tempoh pembayaran hutang TETAPI DENGAN SYARAT TIADA SEBARANG PENALTI (kerana ia riba) atau lebih hebat daripada itu ialah menghalalkan sahaja jumlah hutang yang gagal dibayar itu.

Ia tercatat dalam firman Allah SWT:

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا
خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

Maksudnya: *Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.* [166]

Had Keuntungan dalam Islam

Ramai yang bertanya sama ada terdapat dalil khusus yang mengehadkan keuntungan halal dalam transaksi jual beli.

Jawapan ringkasnya, tiada dalil khusus dalam hal ini. Maksudnya sebagai contoh tiada penyataan dalam nas atau dalil yang melarang kadar untung tidak boleh melebihi 20%, 30% daripada modal atau lain-lain peratusan. Ini kerana penetapan keuntungan akan melencongkan transaksi tersebut daripada memberi keadilan buat pihak yang menjual dan membeli.

Dalam Islam, setiap penjual berhak menentukan harga barangan yang dimilikinya. Namun demikian, ia masih terikat dengan harga pasaran.

KRITERIA HARGA YANG DITAWARKAN

- Diterima dalam harga pasaran.
- Jika ia mahu keluar daripada harga pasaran, ia MESTI mempunyai sesuatu *added value* atau nilai tambah yang unik pada kualiti barangan itu. Contohnya, harga pasaran bagi jualan sebuah rumah teres tiga bilik dengan keluasan 22 x 75 kaki adalah RM250,000. Namun penjual mahu menjualnya dengan harga RM400,000 disebabkan *renovation* dalamannya yang begitu cantik.

166 Surah al-Baqarah 2: 280.

- Tidak dibuat dengan tujuan spekulasi (harga yang ditawar bukan bertujuan untuk jual beli sebenar tetapi hanya dibuat bagi memberi kesan kepada harga pasaran semasa) atau bagi menaikkan harga pasaran.

Tatkala itu, harga jualannya yang jauh lebih tinggi daripada harga pasaran rumah sejenis adalah HALAL disebabkan perbezaan dan nilai tambah yang diusahakannya.

Hasil usaha berserta modal tadilah yang menjadikannya halal menerima imbuhan keuntungan.

Satu contoh lagi, saya masih ingat kisah yang heboh diperkatakan satu ketika dahulu, berkenaan harga sepinggan nasi dagang yang mencecah RM45 (jika saya tidak silap). Sudah tentu jika dilihat, ia melebihi harga pasaran sepinggan nasi dagang. Namun, jika berjaya dibuktikan nasi yang dijualnya mempunyai nilai yang sesuai dengan harganya seperti katanya, harga ikan yang digunakan, minyak zaitun atau apa jua yang lain, ia adalah harus dan halal. Namun jika ia tidak sepadan dengan harga pasaran, para ulama berbeza pendapat.

Jelas bahawa, jikalau barang yang dimiliki mempunyai ciri khas istimewa, atau telah ditambahkan ciri-ciri istimewa, tatkala itu ia boleh berbeza dengan harga pasaran biasa.

Adapun bagi penjual barangan yang tiada sebarang nilai tambah, atau jika ada sekalipun ia hanyalah nilai tambah yang kecil seperti rumah teres tadi hanya dicat baru sahaja, tatkala itu harganya masih tidak boleh dinaikkan terlalu tinggi daripada harga pasaran.

Para ulama berbeza pendapat bagi aset atau barang yang tiada sebarang perbezaan tambah nilai. Terdapat mereka yang membenarkan tidak lebih 1/6 daripada harga pasaran, ada yang meletakkan 1/3 (pandangan ulama Maliki), ½ dan lain-lain.

Bagaimanapun, menurut tahkik atau analisa terkini yang dibuat oleh Syeikh Prof. Dr. Muhyidin al-Qurrah Daghi, pandangan terkuat dalam hal ini adalah terserah kepada *uruf* atau suasana setempat. Semua kadar yang diberikan tadi tidak disokong oleh dalil khusus.

Bagaimana jika anda penentu harga pasaran?

Jika inilah kesnya, keadaannya berbeza dan anda boleh menentukan harga sendiri dan ia akan diikuti oleh yang lain sehingga diterima sebagai "harga pasaran".

Namun demikian perlu diingat, untuk diiktiraf menjadi pihak berwibawa dan dirujuk dalam penentuan harga, sudah tentu:

i) Sebuah syarikat amat besar yang mampu memberi kesan kepada pasaran dan syarikat-syarikat lain.

ii) Anda akan terikat dengan kepakaran menilai atau *evaluation* harga kualiti khidmat ditawar atau barang yang dijual, agar ia bertepatan dengan *Thaman al-Mithl* (harga sesuai yang bertepatan dengan nilai barang). Justeru itu, sekiranya anda meningkatkan harga melambung-lambung tanpa justifikasi tepat, saya yakin anda tidak akan lagi menjadi pakar rujuk harga pasaran selepas ini, malah kewibawaan juga akan hilang.

Kesimpulan

Walaupun anda atau syarikat adalah penentu harga, namun ia masih terikat dengan proses-proses penentuan harga yang lain seperti:

- *Demand and supply.*
- Kesukaran memperolehinya.
- Ia daripada jenis barang asasi atau tidak.
- Pihak yang membeli secara berhutang atau tunai.
- Mata wang yang digunakan dan lain-lain.
- Jenis transaksi dan lain-lain.

Semua ini memberi kesan dalam penentuan harga. Hal ini banyak dibincangkan dalam perbincangan ekonomi Islam dan juga pernah dijelaskan oleh Ibn Taimiah dan lain-lain.

Nisbah untung dan dalil

Bagi mereka yang inginkan dalil keharusan harga tanpa had (selagi dalam harga pasaran atau boleh dijustifikasikan secara menepati syariah), antaranya adalah seperti berikut:

Keharusan mengambil untung lebih daripada 100 % asalkan ia:

i) Daripada hadis berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ بِهِ شَاةً ، فَاشْتَرَى لَهُ بِهِ شَاتَيْنِ ، فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ ، فَجَاءَ بِدِينَارٍ ، فَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ ، وَكَانَ لَوِ اشْتَرَى التُّرَابَ لَرَبِحَ فِيهِ

Maksudnya: *"Sesungguhnya Nabi SAW memberi 'Urwah satu dinar untuk membeli seekor kambing, maka (atas kebijaksanaannya) dapat dibelinya dua ekor kambing, lalu dijualnya seekor dengan harga satu dinar, lalu ia datang bertemu Nabi membawa satu dinar dan seekor kambing, maka Nabi terus mendoakannya dalam jualannya, yang jika ia membeli tanah sekalipun pasti ia akan mendapat untung."*[167]

Hadis ini menunjukkan bagaimana sahabat membeli dua ekor kambing dengan harga satu dinar, bermakna 1/2 dinar seekor, dan kemudian menjualnya dengan harga 100% keuntungan iaitu 1 dinar seekor. Transaksi ini diiktiraf oleh Nabi malah dipuji dan didoakannya.

ii) Sebuah lagi dalil ialah:

Apa yang dilakukan oleh sahabat bernama Zubayr al-Awwam r.a. yang mana beliau telah membeli sekeping tanah hutang dengan harga 170,000 dan kemudian beliau menjualnya kepada Abdullah bin Zubayr dengan harga 1,600,000. Ini bermakna beliau telah menjualnya dengan sembilan kali ganda daripada harga asalnya.

Walaupun hadis ini *mawquf*, namun tanah ini telah dijual kepada sahabat lain seperti Muawiyah, Abdullah bin Jaffar dan lain-lain sahabat yang masih hidup tatkala itu. Transaksi ini dibuat pada zaman Sayidina Ali k.w.h. Para ulama menyatakan, persetujuan para sahabat pada zaman itu menjadikannya sebagai ijmak sahabat, yang boleh menjadi satu dalil kukuh akan keharusannya.

Namun demikian, jika ia ada tujuan tidak sihat seperti usaha untuk menaikkan harga secara tidak sihat, melalui sorokan barangan hingga harganya meningkat, mengambil peluang atas kelemahan pembeli tentang harga pasaran atau lain-lain kezaliman, maka harga yang tinggi tadi menjadi haram.

167 Riwayat al-Bukhari, no. 3642.

Bank-bank Islam caj harga lebih harga pasaran atau tidak?

Dalam hal bank-bank Islam yang menjalankan transaksi jual beli (sama ada atas kontrak BBA, *Bai al-Inah* dan *Murabahah*) dalam produk pembiayaan runcitnya yang mana bank-bank ini kerap dikatakan menjual semula rumah tadi dengan harga yang terlalu mahal contohnya seperti: Pembiayaan sebanyak RM200,000. Namun jumlah harga yang perlu dibayar semula oleh pelanggan adalah RM400,000 dalam tempoh 25 tahun sebagai contoh.

Apa hukumnya? Hukumnya masih harus dan halal kerana itulah harga pasaran bagi setiap pembelian aset yang mahal lagi mudah naik harga (seperti rumah) besar yang ingin dibayar secara ansuran selama 25 - 30 tahun. Sebagai bukti ia adalah harga pasaran iaitu dengan melihat tawaran daripada bank-bank lain. Malah jika anda mempunyai pengalaman bekerja dengan bank konvensional atau bank Islam, anda akan mengetahui itulah juga nilai yang dijangka diperolehi oleh bank konvensional sepanjang tempoh 25 - 30 tahun itu walaupun jangkaan harga yang diharapkan oleh bank konvensional sentiasa naik turun berdasarkan Based Lending Rate(BLR).

Jika ingin dibuat perbandingan; sebuah rumah, kebiasaannya cukup mudah nilai semasanya untuk naik dalam beberapa tahun. Seorang kenalan saya di Bukit Damansara pernah menyatakan ia membeli rumahnya di kawasan tersebut sekitar 20 tahun lalu dengan harga RM100,000 ke RM200,000 sahaja. Tetapi hari ini, nilai rumahnya tanpa sebarang *renovation* pun sudah mencecah RM1 juta.

Adakah kita ingin pihak bank menjadikan jangkaan harga selepas 25 tahun itu sebagai harga pasarannya? Sudah tentu tidak rasanya. Justeru, jika pihak bank menawarkan sesuatu harga yang puratanya hanya melebihi 50% - 100% daripada harga asal rumah, saya kira itu masih *reasonable* kerana dalam tempoh 25 - 30 tahun, harga rumah tersebut boleh meningkat jauh daripada itu, tidak dinafikan ia boleh juga menurun.

Hakikatnya, nilai harga yang ingin ditawar kepada pelanggan ditentukan dengan cermat dan berhati-hati oleh pihak bank. Ia bukanlah sesuatu yang perlu diteliti kepada harga aset dalam tempoh akan datang, tetapi ia diteliti melalui pelbagai aspek kos mengurus minima (*cost of fund)*. Juga melihat kepada kadar faedah semalam yang ditentukan oleh pihak Bank Negara Malaysia.

Bagaimana pula kereta yang harganya tidak naik selepas 5 tahun tetapi turun? Telah saya sebutkan tadi, nilai harga akan datang biasanya tidak dilihat sangat oleh pihak bank, kerana mereka lebih terikat dengan kadar faedah yang dikeluarkan oleh BNM dan *Cost of Fund* bank terbabit. Justeru, harga pasarannya adalah melihat kepada harga tawaran oleh bank-bank lain, termasuk bank konvensional.

Apapun, harga dan kadar pembelian kereta menggunakan bank konvensional dan Islam adalah hampir sama. Malah pembiayaan kereta secara Islam lebih menarik kerana sebarang kelewatan hanya akan dikenakan 1% penalti tanpa *compounding* berbanding 3 - 5 % penalti bagi bank konvensional yang bersifat *compounding*.

Sukar untuk saya terangkan semua fakta dan formula kira-kira di sini. Namun sebahagiannya telah saya terangkan di artikel-artikel lain di laman web saya.

Kesimpulan

Itulah harga pasaran sebenarnya dan ia masih dalam harga pasaran. Saya juga berharap ia lebih murah kerana saya juga adalah pelanggan. Namun saya terpaksa akur dengan harga yang ada di hadapan mata, kerana ia masih dalam ruang lingkup HARUS menurut syariah.

Barang Cetak Rompak dan Fotokopi Buku

Harta intelek telah diiktiraf Islam sebagaimana difatwa oleh para ulama sedunia sebagai harta persendirian. Justeru itu ia tidak boleh diambil dan digunakan secara tiruan KHUSUSNYA apabila *software* tersebut diniagakan. Ini bermakna apabila seseorang menjadikan barang tiruan sebagai "tulang belakang" perniagaannya. Perniagaan tersebut adalah haram, hasilnya juga haram.

Ia berdasarkan keputusan Majlis Fiqh Antarabangsa OIC (Majma al-Fiqh al-Islami) dan juga keputusan Majlis Fatwa Eropah yang disebut oleh Syeikh Dr. Yusof al-Qaradawi.

Alasan kafir

Ada pihak yang cuba berhujah mengatakan bahawa Bill Gates adalah kafir. Jadi, tiada masalah untuk menggunakan *software pirate*. Selain itu, ada juga yang me-

nyatakan beliau sudah terlalu kaya, maka penggunaan *software* palsu tidak memberikan apa juga kesan kepada kekayaannya.

Hujah ini adalah meleset dan tertolak dalam Fiqh Islam, kerana Muslim tidak dibenarkan untuk mencuri harta orang kafir (kecuali kafir yang sedang berperang dengan Islam seperti tentera Amerika yang berada di Iraq). Dalam keadaan tiada sebarang peperangan fizikal yang jelas, maka **perisian** *Windows* adalah harta syarikat Microsoft dan pemilikan itu adalah diiktiraf oleh syariah dan diharamkan untuk sesiapa sahaja mencerobohi sesuka hati. Dalilnya terlalu banyak, cukuplah Rasulullah SAW dan para sahabat berjual beli dengan orang bukan Islam, Yahudi serta kafir Musyrik, semua itu menunjukkan umat Islam tidak dibenarkan mencerobohi dan mestilah membelinya dengan cara yang halal.

Pendapatan hasil daripada perniagaan **perisian** *pirate* adalah di antara syubhah dan haram sahaja, tidak ada selain daripada itu. Adapun, bagaimana untuk mengurus pendapatan atau hasil yang anda telah yakin haram, anda boleh membaca dalam artikel saya sebelum ini.

Pengecualian

Namun begitu, menurut sebahagian ulama, sekiranya para pelajar ingin menggunakan *software* untuk komputer peribadinya dan bukan untuk perniagaan, hukum mungkin lebih ringan terutamanya jika pelajar ini benar-benar ketandusan wang untuk mendapatkan yang original. Sedangkan ia amat memerlukan komputer dan perisiannya untuk tujuan pembelajarannya. Tatkala itu, ada ulama yang mengharuskan atas asas: -

- Hajat mendesak dan kedudukan kewangan bermasalah. Berdasarkan kaedah Fiqh:

الْحَاجَةُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

Maksudnya: *"Suatu keperluan yang boleh jatuh dalam kategori terdesak sama ada ia berbentuk umum atau khusus."* [168]

---

168 *Al-Ashbah wa al-Nazair, hlm. 89.*

- Hanya untuk kegunaan peribadi dan tidak dikomersialkan.
- Bertempoh, ertinya apabila kedudukan kewangannya sudah baik, ia perlulah membeli yang original.

Demikian juga halnya keadaan para pelajar di universiti. Sebagai contohnya terdapat pensyarah yang menjadikan buku tertentu sebagai silibus dan bahan rujukan. Setiap subjek mungkin sehingga 5 hingga 6 buku digunakan.

Sudah tentu pelajar tidak mempunyai bajet untuk membeli buku-buku tersebut yang mungkin amat tebal dengan harga tinggi. Lalu tatkala itu, pelajar DIBENARKAN membuat salinan (*photocopy*) halaman tertentu yang berkait dengan pembelajarannya, ia juga diharuskan kerana *hajiat*.

Dalam kes ini, jika benar-benar seseorang itu menghadapi kesukaran wang untuk membeli yang original, terdapat keringanan untuk seseorang itu menggunakan produk tiruan buat sementara waktu. Ketika perniagaan sudah dapat menjana keuntungan yang baik dan stabil dan tiada lagi "keperluan mendesak", maka tatkala itu WAJIBLAH untuk bertukar dan membeli yang original.

Pembelian Guna Skim ESOS

Skim *Employee Share Option Scheme* (ESOS) adalah menarik jika ditawarkan oleh pihak syarikat, namun apakah hukumnya? Berikut ringkasan soalan yang diajukan kepada saya:

Sebuah syarikat menawarkan kepada kakitangannya beberapa unit saham dengan skim Employee Share Option Scheme (ESOS) sebagai imbuhan kepada kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 3 tahun. Untuk mengelakkan daripada unsur-unsur riba, saya telah menggunakan wang sendiri tanpa menggunakan khidmat pinjaman daripada institusi kewangan semasa membeli saham ini.

Selepas beberapa ketika dan peningkatan harga pasaran yang berterusan, saya telah pun menjualkan kembali beberapa unit saham ini bagi mendapatkan keuntungan daripadanya. Untuk pengetahuan ustaz, keuntungan yang diperolehi daripada jualan ini berjumlah antara RM30 - 40 ribu selepas ditolak daripada zakat saham yang telah dibayar. Kemusykilan saya ialah ***halalkah pendapatan yang saya perolehi hasil daripada keuntungan jualan tersebut?***

Setakat pengetahuan dan kefahaman saya, *Employee Share Option Scheme* (ESOS) adalah satu bentuk penghargaan oleh syarikat kepada para pekerjanya. Maka dengan itu, pihak syarikat memberikan diskaun untuk setiap unit saham yang ditawarkan kepada pekerjanya.

Sebagai contoh, katalah harga satu unit saham syarikat tersebut di pasaran adalah RM12, maka pekerjanya dibenarkan untuk membelinya dengan hraga diskaun iaitu RM7. Namun biasanya kebenaran itu dihadkan kepada jumlah unit dan lot yang tertentu sahaja, contohnya had dibenarkan adalah 10 lot saham sahaja dan sebagainya.

Menurut hukum Islam, saya dapati tidak ada sebarang masalah syariah dalam skim ESOS ini, **justeru pembelian oleh pekerja dengan harga diskaun dan kemudian menjualkannya kembali di pasaran dengan harga pasaran bagi memperolehi untung hasil perbezaaan harga diskaun dan pasaran adalah HALAL.**

Syarat halal ESOS

Namun begitu, halalnya proses ini mesti melihat kepada beberapa perkara:

SYARAT HALAL PROSES ESOS

i) **Syarikat tersebut mestilah tergolong dalam syarikat yang patuh kepada syariah dan diiktiraf kepatuhan syariahnya oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.** Untuk memudahkannya, anda boleh meneliti nama-nama syarikat yang patuh syariah di sini.[169]

ii) **Pembelian mestilah dilakukan tanpa sebarang hutang atau pinjaman secara riba daripada mana-mana individu atau institusi kewangan konvensional.** Jika modal untuk pekerja ini membeli saham itu datang daripada sumber riba, semua transaksi menjadi haram dan batal menurut Islam walaupun syarikat itu patuh syariah. Namun jika pekerja melakukan pembiayaan dari institusi kewangan Islam, ia adalah halal dan sah.

169 www.sc.com.my.

iii) **Syarikat mestilah tidak mensyaratkan pekerja yang ingin membeli saham mesti membuat pinjaman daripada institusi kewangan tertentu**, sama ada pinjaman Islam (tanpa faedah) atau konvensional. Ini kerana apabila DIWAJIBKAN membuat pinjaman untuk membeli, ia telah jatuh dalam kategori haram yang disepakati oleh ulama. Penegasan haram ini juga dibuat oleh para ulama paling berautoriti sedunia yang menganggotai Majlis Syariah Badan Perakaunan Islam Sedunia (AAOIFI) sebagaimana fatwa mereka:

لاَ يَجُوزُ اشْتِرَاطُ عَقْدِ الْبَيْعِ أَوْ الإِجَارَةِ أَوْ نَحْوِهِمَا مِنْ عُقُودِ الْمُعَاوَضَاتِ فِي عَقْدِ الْقَرْضِ

Maksudnya: *"Tidak harus (haram) mensyaratkan sesuatu jual beli atau sewa atau apa-apa sahaja akad yang tergolong daripada akad pertukaran hak milik (mu'awadat) ketika memberikan pinjaman."* [170]

Akhirnya, jika pekerja itu tahu bahawa aktiviti syarikatnya mempunyai beberapa peratus yang haram, adalah digalakkan untuknya menyedekahkan beberapa peratus itu kepada fakir miskin atau kemaslahatan umum bagi memastikan keuntungan yang diperolehi adalah diyakini halal dan jauh daripada syubhah.

Sekolah dan Kupon Wajib

Saya juga mendapat beberapa soalan yang saya kira penting untuk dihuraikan kerana kerap menjadi praktis di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Soalannya seperti berikut:

Soalan Pertama

Apakah hukum sekolah yang mewajbkan guru dan pelajar membeli kupon untuk digunakan pada Hari Pasar Ria dan Hari Usahawan?

170 *Al-Ma'ayir Syari'yyah*, hlm. 325.

Soalan Kedua

Saya seorang guru di sebuah sekolah menengah. Saya ingin bertanya ustaz tentang jualan kupon untuk Hari Pasar Ria. Saya dan murid sekolah "dipaksa" untuk menjual kupon yang dibuat untuk jualan gerai pada hari tersebut. Setiap guru diwajibkan menjual kupon sebanyak RM100 dan setiap murid sekolah pula diwajibkan menjual RM50. Kemudian, jika kami gagal menjual, kami dimestikan untuk membeli kupon tersebut sebagai sumbangan kepada sekolah. Apakah hukumnya?

Ramai juga guru-guru yang bertanyakan hal ini kepada saya. Dalam Islam, jual beli tidak dibenarkan dibuat atas dasar paksaan.

Allah SWT berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٖ مِّنكُمۡ

Maksudnya: *"Hai orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu."* [171]

Dalam hal yang ditanyakan, walaupun ia bertujuan untuk mendapatkan pendapatan tambahan bagi pihak sekolah, tetapi mereka tidak wajar mewajibkan para guru dan murid untuk menghabiskan kupon yang diamanahkan.

Sekadar mewajibkan guru dan murid berusaha untuk menjualnya sebaik mungkin mengikut kemampuan adalah dibenarkan menurut syariah.

Bagaimanapun, meletakkan syarat bahawa jika gagal menjual maka guru dan murid itu WAJIB membelinya. Ini adalah salah satu bentuk pemaksaan yang termasuk dalam kategori makan harta orang lain dengan cara tidak benar yang ditegaskan oleh Allah SWT:

171 Surah al-Nisa' 4: 29.

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ

Maksudnya: *Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil.*[172]

Paksaan dalam belian menurut ulama Fiqh boleh dibahagikan kepada dua jenis:

- ***Al-Ikrah al-Muljik***:
  Iaitu jenis paksaan yang boleh mengancam nyawa, keluarga, anggota tubuh dicacatkan dan lain-lain yang sepertinya.
- ***Ikrah Ghaira Muljik***:
  Jenis paksaan yang kurang sedikit mudaratnya daripada jenis yang pertama.

Paksaan jenis pertama sudah tentu menghilangkan reda dan menyebabkan jualan tidak sah secara pasti. Manakala paksaan jenis kedua juga tidak terkecuali menggugat kesahihan jual beli.

Imam al-Zaila'ie menyatakan:

لأَنَّ الإِكْرَاهَ المُلْجِئَ وَغَيْرَ المُلْجِئِ يُعْدِمَانِ الرِّضَا وَالرِّضَا شَرْطٌ لِصِحَّةِ هَذِهِ العُقُودِ

Maksudnya: *"Sesungguhnya paksaan secara muljik dan tidak muljik itu menyebabkan hilangnya reda dan reda adalah salah satu syarat sahnya akad jual beli."*[173]

Dalam konteks sekolah tadi, boleh juga dilihat paksaan itu secara keras kerana mungkin sebahagian guru memahaminya secara tidak langsung bahawa pihak pentadbir sekolah boleh bertindak ke atas guru yang ingkar, seperti lambat naik pangkat dan sebagainya. Ini boleh menyebabkan mudarat kepada guru dan keluarganya. Keadaan ini menyebabkan guru itu terpaksa juga membeli dan berusaha untuk gerainya, walaupun tiada sebarang ancaman lisan mahupun bertulis daripada pihak sekolah.

Modal gerai sendiri cari?

Selain itu, saya juga difahamkan oleh beberapa orang guru dan bekas guru, modal jualan gerai yang dibuka pula adalah mesti diusahakan sendiri oleh setiap kelas. Ada

172 Surah al-Baqarah 2: 188.

173 *Tabyin al-Haqaiq*, 5/182.

yang menggunakan duit kelas, ada yang mendapat bantuan ibu bapa, dan tidak kurang juga yang terpaksa mengumpul wang tambahan daripada setiap ahli di dalam kelas bagi tujuan berkenaan. Perlu diingat bahawa banyak juga kelas yang tidak mempunyai sebarang bajet untuk dijadikan modal. Keadaan ini menyebabkan pihak guru terpaksa mengeluarkan modal sendiri sekali lagi demi menjayakan gerai kelasnya. Sudahlah tadi dipaksa menjual sehingga habis, kali ni terpaksa pula memperuntukkan lagi bajet untuk tujuan gerai ini.

Ini satu lagi bentuk "paksaan" pengeluaran duit secara kurang sihat menurut pandangan syariah. Walaupun ia mungkin tidak sampai ke tahap haram, tetapi ia kerap menyukarkan para guru yang rata-rata tidaklah berpendapatan besar.

Benar, jika duit simpanan kelas mencukupi, ia akan menggunakan duit simpanan kelas. Sememangnya ia bertujuan memupuk nilai kerjasama dan berkorban untuk sekolah, tetapi apa jua pengorbanan yang dibuat atas nama kebaikan, memerlukan keredaan pihak yang memberi. Tiada sebarang tekanan dan desakan kurang wajar patut dilakukan daripada pihak yang memerlukan bantuan, sama ada orang fakir mahupun pihak sekolah.

Disiplin minta bantuan

Ia adalah satu disiplin daripada al-Quran yang melarang si peminta sedekah menekan agar diberikan sedekah, firman Allah SWT ketika menjelaskan sifat orang miskin yang memerlukan bantuan tetapi berusaha dan tidak meminta-minta dengan desakan yang keras:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ
لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: *(Berinfaklah) kepada orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak dapat (berusaha) di muka bumi; orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya kerana memelihara diri daripada meminta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara* ***mendesak****. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.* [174]

Jelas daripada ayat ini menunjukkan bahawa pihak sekolah yang "fakir" dan "miskin" tetap perlu menjaga adab untuk meminta bantuan daripada murid dan guru sekolah mereka. Tidak boleh meminta-meminta secara MENDESAK. Kaedah *'mesti jual kupon dan jika tidak maka anda wajib membeli'* adalah tidak menurut disiplin syariah dalam hal ehwal sumbangan.

Untung

Setelah menjual kupon diwajibkan ke atas guru dan pelajar, gerai juga hasil daripada usaha guru kelas dan murid. Maka saya diberitahu bahawa kebanyakan sekolah juga mensyaratkan semua hasil keuntungan gerai MESTI DIBERIKAN kepada sekolah.

Sekali lagi, kelihatan pihak sekolah menekan anak murid dan guru dengan kurang wajar. Apatah lagi jika keuntungan yang diberikan kepada sekolah digunakan untuk membeli alat-alatan atau membina prasarana yang kurang berfaedah untuk semua pelajar.

Kesimpulan

Saya melihat dalam memupuk soal korban dan usaha kasih guru dan pelajar kepada pihak sekolah, cara yang dilakukan mestilah lebih bersifat *"friendly".*

Beli Kereta Cara Islam Tapi Insurans Riba?

Satu perkara yang kerap berlaku namun kurang diambil perhatian oleh umat Islam adalah insuransnya.

Perkara ini semakin jelas kepada saya apabila menerima soalan berikut:

174 Surah al-Baqarah 2: 273.

"Saya ingin membeli kereta. Saya membuat pinjaman daripada Islamic Bank, kemudian bagaimana dengan insurans? Saya dimaklumkan mesti buat insurans dan road tax di bank tersebut. Maka saya akan terdedah kepada insurans konvensional. Adakah ia harus?"

Pertama: Anda perlu membetulkan istilah dan kefahaman anda tentang Bank Islam. Anda mengatakan "membuat pinjaman daripada bank Islam".

Hakikatnya Bank Islam tidak memberikan pinjaman tetapi memberikan pembiayaan melalui pelbagai konsep dan akad yang menepati syariah. Antara konsep yang digunakan adalah *Murabahah* (seperti yang dibuat oleh Bank Islam Malaysia Berhad - BIMB) iaitu bank membeli daripada pengedar dan menjual kereta itu kepada anda dengan harga *"mark up"*, kerana anda memilih bayaran secara ansuran. Sila rujuk bab awal buku ini untuk mengetahuinya dengan jelas.

Kebanyakan Bank Islam lain pula mengamalkan konsep *al-Ijarah Thumma al-Bai'* iaitu "sewaan yang ditamatkan dengan jualan".

Proses dibuat apabila pihak bank akan membeli kereta daripada pengedar atau mungkin juga terus daripada anda, dan kemudian apabila pemilikan bank ke atas manfaat kereta (*beneficial ownership*) telah sempurna, pihak bank akan menyewakan kereta itu kembali kepada anda, dan pembayaran terakhir akan dianggap sebagai jualan terus. Selain itu, ada juga Bank Islam yang menggunakan konsep *tawarruq* dalam pembiayaan kereta. Semuanya telah disahkan oleh Majlis Penasihat Syariah masing-masing.

Insurans

Hukum insurans konvensional adalah haram menurut keputusan Majlis Fiqh Antarabangsa dan Majlis Fatwa Kebangsaan. Justeru anda wajib mengambil insurans Islam atau TAKAFUL daripada mana-mana syarikat takaful yang wujud di Malaysia apabila membeli kereta atau rumah.

Biasanya insurans tidak diuruskan oleh bank, sebaliknya ia diuruskan oleh anda sendiri atau penjual kereta itu. Walau bagaimanapun, jika ia diurus oleh bank atau penjual, anda berhak untuk menuntut perlindungan TAKAFUL untuk kereta itu. Tiada sebarang undang-undang yang membolehkan mereka memaksa anda mengambil insurans yang tidak anda kehendaki.

Kebiasaannya, penjual kereta menggambarkan seolah-olah pembeli kereta mesti mengambil insurans tertentu. Sebenarnya mereka sedang MENIPU. Hakikatnya mereka cuba mendapatkan keuntungan yang lebih kerana syarikat insurans yang mereka cadangkan itu adalah panel mereka dan mereka akan mendapat komisyen kelak.

Jika mereka kata tidak boleh, anda perlu tegas mengatakan bahawa jika demikian anda akan membeli kereta yang sama daripada pengedar dan penjual lain. Saya pasti tatkala itu mereka akan mengatakan permintaan anda boleh diusahakan.

Saya sendiri pernah mengalaminya apabila cuba ditipu kononnya mesti ambil insurans konvensional tertentu yang memerlukan tempoh minimum 1 tahun. Kemudian saya bebas untuk menukar kepada insurans lain atau TAKAFUL katanya. Dengan tegas saya katakan: "Jika demikian, maaf, saya cari kedai lain. Saya mesti nak Takaful, 1 tahun dengan insurans, maaf saya tak mahu."

Dengan segera mereka dapatkan saya syarikat takaful.

Ingat, penjual kereta akan cuba memaksa anda mengambil insurans yang mereka jual kerana mereka dapat komisyen. Jangan endahkan paksaan mereka. Tiada sebarang peruntukan kuasa untuk memaksa anda. Jika dipaksa juga, dan anda tertipu, sila buat aduan dan laporan segera kepada Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia. Insya-Allah pasti menang.

Road tax akan diuruskan sekaligus oleh syarikat penjual atau Takaful. *Road tax* tiada masalah, hukumnya adalah harus.

Haji dalam Keadaan Hutang atau Secara Berhutang

Saya ada mendengar beberapa saranan kerajaan dan beberapa buah institusi kewangan Islam untuk sama ada memberikan pinjaman tanpa faedah (*Qardhul al-Hasan*) ataupun pembiayaan secara Islam bagi mereka yang berminat untuk menunaikan fardu haji.

Dalam isu berkaitan, timbul banyak persoalan seperti sama ada individu yang sedang menanggung hutang wajib atau wajar menunaikan haji.

Adakah pembayaran hutang perlu didahulukan daripada menjadi tetamu Allah di Baitullah al-Haram?

Bagaimana pula jika hutang untuk tempoh yang panjang? Selain itu adakah wajar pula berhutang untuk menunaikan haji?

Artikel ini dibuat bagi menjelaskan isu ini secara padat dan ringkas serta tidak terlalu berat dengan hujah ilmiah.

Pertamanya elok jika kita melihat kepada firman Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Maksudnya: *Mengerjakan Haji adalah kewajiban manusia kepada Allah SWT iaitu (bagi) orang yang berkemampuan dan sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah.*[175]

Para ulama sepakat menyatakan hukum wajib tidak akan tertanggung ke atas seseorang lelaki dan wanita selagi syarat *"istita'ah"* atau "kemampuan" belum diperolehi.

Pengertian *istita'ah* secara mudah lagi ringkas, adalah SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN OLEH NABI SAW, ketika ditanya akan ertinya, Baginda Nabi SAW menjelaskan:

الزَّادُ وَالرَّاحِلَةُ

Maksudnya: *"Bekalan dan pengangkutan perjalanan."*[176]

Jelas daripada hadis yang memperincikan erti *istita'ah* di atas, terdapat dua perkara utama iaitu:

i- **Bekalan**

Erti bekalan di sini adalah bekalan makanan, minuman dan pakaian yang mencukupi sepanjang pemergiannya sehinggalah kepulangannya.[177]

---

175 Surah Ali 'Imran 3: 97.

176 Riwayat al-Tirmizi; berkata al-Tirmizi dan al-Nawawi, Hadis Hasan: al-Majmu', 7/41. Namun kesahihan dan hasan hadis ini dipertikai, Imam Ibn Munzir mengatakannya *dhaif,* Abu Hatim terdapat perawi status *munkar* iaitu Abu Qatadah Abdullah bin Waqid al-Harrami; Ibn Hajar al-Asqolani mengatakannya tidak *mawsul.* Manakala jalan hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim pula terdapat rawi bernama Ibrahim bin Yazid al-Khuziy yang dikatakan sebagai *matruk.* Kesimpulannya kata Ibn Hajar, semua jalan periwayatannya adalah *daif.* (*Talkhis al-Habir*, 2/221)

177 *I'anah al-Tolibin*, 2/281; al-Mughni, Ibn Qudamah, 4/316.

ii- **Kenderaan dan Perjalanan**

Kenderaan dan perjalanan mestilah sesuai dan diyakini keselamatannya. Kenderaan pula mestilah diperolehi sama ada dengan membelinya atau menyewa.[178]

Dua isu utama

Dua bekalan yang perlu untuk syarat kewajiban haji adalah jelas. Namun bagaimana dengan isu yang ingin kita bincangkan? Ia seperti berikut:

i | Berhutang melalui pembiayaan Islam untuk menunaikan haji

Berhutang untuk menunaikan Haji jika dilihat dari satu sudut, ia seolah-olah menunjukkan ketidakmampuan seseorang atau belum mempunyai kelayakan dan bekalan mencukupi untuk menunaikan ibadah Haji.

Dari sudut yang lain pula, ia mungkin juga boleh menunjukkan status kemampuan, cuma kemampuan itu memerlukan sedikit masa, maka untuk mempercepatkan status "mampu", ia membuat pinjaman.

Jika itu dua kemungkinannya, adakah seseorang dituntut untuk meminjam semata-mata untuk tujuan Haji? Apatah lagi pembiayaan daripada institusi kewangan yang akan menyebabkan kos yang lebih tinggi daripada harga asal kos haji.

Jawapan ringkas, TIDAK PERLU DAN IA BUKAN *PRIORITY*.

Itulah jawapan ringkas yang diberikan oleh Nabi SAW apabila ditanya oleh seorang sahabatnya Abdullah bin Abi Awfa;

سَأَلْتُهُ عَنِ الرَّجُلِ لَمْ يَحُجَّ ، أَيَسْتَقْرِضُ لِلْحَجِّ ؟ قَالَ: لاَ.

Maksudnya: *"Aku bertanya kepada Nabi SAW berkenaan seorang lelaki yang belum menunaikan Haji, 'Adakah boleh ia meminjam wang untuk Haji?' Jawab Nabi: TIDAK."*[179]

---

178 *Al-Mughni*, Ibn Qudamah.

179 *Musnad al-Syafi'i; 1/109; al-Um, 2/116.*

Imam al-Syafi'i berkata selepas itu:

وَمَنْ لَمْ يَكُنْ فِي مَالِهِ سَعَةٌ يَحُجُّ بِهَا مِنْ غَيْرِ أَنْ يَسْتَقْرِضَ فَهُوَ لاَ يَجِدُ السَّبِيْلَ

Maksudnya: "*Sesiapa yang tidak mempunyai kemudahan, keluasan (lebihan) harta yang membolehkannya menunaikan haji tanpa membuat pinjaman, ketika itu DIA DIANGGAP TIDAK BERKELAYAKAN (TIADA BEKALAN) UNTUK PERGI HAJI.*"[180]

Islam tidak memberatkan kecuali kepada mereka yang benar-benar sudah sampai kemampuan dan bukan kemampuan yang dipaksa-paksa sebelum tiba saatnya.

Imam Ibn Qudamah menjelaskan bahawa para ulama hampir sepakat menyatakan

belanja bekalan itu mestilah:

أَنْ يَكُونَ هَذَا فَاضِلاً عَمَّا يَحْتَاجُ إِلَيْهِ لِنَفَقَةِ عِيَالِهِ الَّذِينَ تَلْزَمُهُ مَئُونَتُهُمْ ، فِي مُضِيِّهِ وَرُجُوعِهِ ؛ لأَنَّ النَّفَقَةَ مُتَعَلِّقَةٌ بِحُقُوقِ الآدَمِيِّينَ ، وَهُمْ أَحْوَجُ ، وَحَقُّهُمْ آكَدُ ، ... وَأَنْ يَكُونَ فَاضِلاً عَنْ قَضَاءِ دَيْنِهِ

Maksudnya: "*Dan hendaklah (bekalan ini) adalah harta yang lebih daripada apa yang wajib ke atas tanggungjawabnya daripada nafkah keluarga yang wajib disediakannya semasa pergi dan kembalinya. Ini adalah kerana nafkah berkait dengan hak manusia, dan ia adalah lebih perlu dan diutamakan (dalam hal ini daripada haji yang merupakan hak Allah semata-mata). Selain itu, mestilah bekalan ini adalah harta yang lebih daripada mencukupi untuk melunaskan hutangnya.*"[181]

Namun demikian, jika hutang baru itu TIDAK menjejaskan keseluruhan tanggungjawab (kewajiban) hartanya kepada yang berhak (seperti anak dan isteri), kerana ia mempunyai simpanan yang mencukupi atau harta lain (dalam bentuk hartanah atau lain-lain) yang boleh dijual apabila perlu, tatkala itu, TINDAKAN BERHUTANG TADI BOLEH MENJADI HARUS.

---

180 *Al-Umm*, 2/116.

181 *Al-Mughni*, Ibn Qudamah, 4/317.

Sebagaimana kata Imam al-Syafi'i:

وَلَكِنْ إِنْ كَانَ ذَا عَرَضٍ كَثِيرٍ فَعَلَيْهِ أَنْ يَبِيعَ بَعْضَ عَرَضِهِ أَوْ الاِسْتِدَانَةُ فِيهِ

Maksudnya: *"Tetapi jika ia mempunyai harta yang banyak, bolehlah ia menjual sebahagiannya atau berhutang (kerana yakin boleh membayar balik hutang kerana mempunyai harta bukan dalam bentuk wang tunai)."*[182]

ii | Hutang belum selesai tetapi ingin menunaikan haji.

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi menjelaskan bahawa seseorang yang masih tersangkut dengan bebanan hutang TIDAK WAJIB untuk menunaikan haji. Sebagai yang dijelaskan di atas, ulama sependapat bahawa "bekalan" yang dimaksudkan oleh Nabi adalah lebihan harta berbanding tanggungan asasinya. Justeru hutangnya terhadap individu perseorangan adalah termasuk dalam tanggungjawab asasinya seperti juga nafkah wajib.

Selain itu, hutang individu (perseorangan) yang bersifat jangka pendek MESTILAH diselesaikan sebelum pergi menunaikan haji.

Sebagai contoh, terdapat beberapa individu yang masih berhutang dengan saya sebanyak RM3,000. Sedangkan janji pelunasan hutang sudah terlewat sekitar setahun dan beberapa bulan. Kesannya, individu ini tidak layak menunaikan haji kecuali telah melunaskan hutang yang telah dimungkiri tempohnya terlebih dahulu.

Atau sebagai pilihan lain, WAJIBLAH ke atasnya meminta izin daripada saya (pemberi hutang) untuk menunaikan haji. Tujuannya agar pemberi hutang, boleh reda jika sesuatu berlaku kepadanya sewaktu di Tanah Suci lalu sama ada menghalalkan hutang berbaki atau menuntut daripada waris keluarganya. Tanpa izin, ia tidak seharusnya pergi menunaikan haji.

Justeru, sekiranya pihak kerajaan ingin mengeluarkan khidmat pembiayaan Islam bagi mereka yang berhasrat menunaikan haji, seluruh pertimbangan ini mestilah diberikan dan disemak kepada pemohon sebelum kelulusan diberi, agar khidmat yang bertujuan baik oleh kerajaan tidak tersilap sasaran sehingga membawa mudarat kepada individu yang kurang berkemampuan, lalu menjerumuskan mereka ke dalam perkara haram.

---

182 *Al-Umm*, 2/116.

Kerajaan Malaysia diketahui cuba berpegang dengan mazhab Syafi'i dalam banyak pendapat Fiqhnya. Justeru dalam hal ini, Imam Syafi'i sendiri telah meriwayatkan hadis berkenaan larangan meminjam untuk menunaikan haji. Maka jika ulama rasmi kerajaan ingin mengambil pendapat lain, mereka perlulah berhati-hati serta menilai syarat-syaratnya dan tidak tergesa-gesa.

Hutang kepada institusi kewangan

Namun demikian, terdapat perbezaan di antara hutang individu dengan hutang institusi kewangan yang berpanjangan selama bertahun-tahun malah ada yang mencecah 30 tahun seperti pembiayaan rumah.

Seperti kes pembiayaan tersusun kepada institusi kewangan, terutamanya bagi mereka yang mengamalkan pembayaran melalui pemotongan gaji.

Seorang jutawan Muslim di sebuah masjid di Kuala Lumpur pernah berkata kepada saya:

"Ustaz, kalaulah berhutang itu menghalang seseorang pergi haji, saya pastinya tidak akan pergi haji sampai bila-bila, walaupun saya ada harta yang banyak."

*"**Mengapa kata demikian?**"* tanya saya.

"Kerana saya ada syarikat sendiri, dan syarikat sentiasa ada hutang baru. Biasalah ustaz, bisnes sederhana dan besar tanpa wujud hutang adalah tidak logik. Jadi, adakah kerana hutang syarikat saya ini menyebabkan saya tidak berkelayakan menunaikan haji?" balasnya perlahan dan sangat berminat mendengar jawapan.

"Oh, hutang jenis tu lain sikit cara pengendaliannya, tapi masih ada syarat," jawab saya ringkas.

Benar, hutang jenis ini **tidak** menjejaskan kelayakan mereka untuk menunaikan haji **dengan syarat**, pemergiannya mengerjakan haji tadi tidak akan membawa masalah pembayaran hutang sistematik kepada institusi kewangan tadi.

Jika diyakini pemergiannya ke Makkah, **bakal** menyebabkan terjejasnya kedudukan kewangannya sehingga diyakini boleh menjejaskan tanggungjawab yang wajib seperti nafkah dan hutang wajib kepada institusi kewangan, maka tatkala itu **tidak wajar**

baginya untuk menunaikan haji. Malah pemergiannya boleh membawa kepada haram. Ini kerana kita telah sedia maklum bahawa apa-apa yang diyakini membawa kepada haram, maka hukumnya juga jatuh **haram**. Disebutkan oleh para ulama Islam satu kaedah yang dipetik daripada dalil-dalil al-Quran dan hadis.

مَا يُؤَدِّى إِلَى الْحَرَامِ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya: *"Apa-apa yang membawa kepada haram, hukumnya adalah haram."*[183]

Ia juga boleh difahami daripada firman Allah yang mengharamkan segala bentuk dan jenis permulaan kepada zina. Bermakna, bukan hanya zina sahaja yang haram, segala bentuk tindakan dan perilaku yang boleh membawa zina juga adalah haram seperti peluk, cium, renungan mata, *chat* bersyahwat, telefon bersyahwat dan lain-lain.

Demikian juga halnya haji dengan keyakinan membawa mudarat kepada hak pemilik hutang daripada kalangan individu dan institusi kewangan.

Kesimpulan

Tiada jawapan satu baris bagi kedua-dua persoalan ini kecuali perincian dan semakan terhadap kemampuan individu dan kiraan semula nafkah wajibnya. Hanya selepas itu baru dapat dipastikan sama ada berhutang untuk menunaikan haji dibolehkan atau sebaliknya.

Demikian juga halnya bagi mereka yang sedang terikat dengan hutang. Perlu ditinjau jenis hutang daripada pelbagai aspek dan hanya selepas itu boleh ditentukan sama ada individu ini boleh menunaikan haji atau tidak. Tanpa penilaian yang tepat, seseorang itu mungkin sahaja pergi haji dengan dosa kerana mengabaikan hak individu lain yang lebih berhak ditunaikan segera.

Dosanya sama seperti seorang isteri yang berpuasa sunat tanpa mendapat izin suami.

• Tamat

---

183 *Majma al-Anhar*, 4/251. Rujuk perincian dalam *'Ilam al-Muwaqqi'ien*, Ibn Qayyim, 3/137.

Glosari

akaun — wang yang disimpan di bank dan dicatitkan sebagai bukti.

alternatif — pilihan lain di antara dua kemungkinan atau lebih.

aset — barang atau harta benda yang mempunyai nilai.

barter — perniagaan dengan cara tukar-menukar barang.

charity — amal, usaha yang berlandaskan sukarela.

compensation — membayar ganti rugi.

dinamik — bertenaga dan berkeyakinan untuk membuat sesuatu pembaharuan.

ekonomi — sistem pengawalan dan pengendalian kewangan.

elemen — satu faktor daripada kesemua faktor.

fatwa — keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi)berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain termasuk ijtihad oleh mufti.

finance — berkenaan dengan kewangan.

fokus — tumpuan terhadap sesuatu perbincangan.

forex — tukaran wang asing.

hajiat — mengharuskan atas sebab maslahat umum.

hikmah — rahsia, kelebihan atau tujuan sebenar di sebalik sesuatu perkara.

hyperinflation	inflasi yang melampau.
ijmak	sumber ketiga dalam perundangan Islam selepas al-Quran dan hadis.
ijtihad	usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah.
imbalan	ganjaran disebabkan usaha.
inflasi	situasi yang mana nilai barang meningkat disebabkan bertambahnya kuasa membeli.
interest	faedah atau bayaran yang lebih.
`illah	alasan atau sebab, dikeranakan.
kapitalis	orang atau syarikat yang mengeluarkan modal kewangan bagi pelaburan dalam perniagaan untuk mengaut keuntungan sendiri.
kapitalisme	sistem ekonomi dan perniagaan yang dikendalikan sepenuhnya oleh kapitalis.
kategori	kumpulan atau bahagian berdasarkan ciri-ciri tertentu.
komitmen	tanggungjawab dan usaha untuk menunjukkan sokongan.
komoditi	barangan keperluan yang diniagakan.
konsep	idea atau suatu penerangan yang didasari satu pemikiran.
konteks	kaitan atau hubungan.
kontemporari	sezaman, semasa atau masa kini.
kontrak	persetujuan atau perjanjian bertulis yang formal.

kontroversi perdebatan atau pertelingkahan disebabkan pandangan yang berbeza.

konvensional standard, yang digunapakai oleh umum.

kos perbelanjaan atau harga yang perlu dibayar mengikut penilaian tertentu.

kredit pembelian atau pinjaman yang mempunyai tempoh yang dibenarkan untuk membayar sesuatu.

kronisme amalan mengutamakan teman rapat dalam perlantikan atau pemberian sesuatu.

kuantiti banyaknya jumlah bilangan sesuatu.

legal sah di sisi undang-undang.

lump sum sekali terus, sekaligus.

margin had atau batas.

maslahat sesuatu atau usaha yang mendatangkan faedah.

masyakah kesusahan, kesukaran.

material kebendaan atau bahan.

melabur menyerahkan sejumlah wang sebagai modal untuk sesuatu usaha niaga dengan tujuan memperoleh keuntungan.

mengaplikasikan melaksanakan apa yang diputuskan.

mengeksploitasi mengambil kesempatan untuk mempergunakan sesuatu secara tidak adil.

modal wang atau harta benda yang dipergunakan sebagai permulaan untuk berniaga.

muamalat	perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang jual beli.
mudarat	kerugian.
mujmal	ringkas dan tidak terperinci.
musafir	orang yang sedang dalam perjalanan.
objektif	matlamat dan sesuatu yang ingin dicapai.
penalti	denda yang dikenakan kerana melanggar peraturan atau kontrak.
persepsi	tanggapan terhadap sesuatu.
produk	bahan yang dihasilkan.
profesional	cekap dan memperlihatkan kemahiran yang khusus untuk melaksanakan sesuatu bidang.
proses	tindakan yang dilakukan untuk menghasilkan sesuatu.
qiyas	mengaitkan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan hukumnya dengan perkara lain.
resolusi	pendapat yang formal.
ribawi	item-item tertentu yang mempunyai riba.
risiko	kemungkinan mendapat kerugian.
specialize	mengkhusus.
spekulasi	tekaan yang tidak diketahui keadaannya yang sebenar.
spesifikasi	pengkhususan atau butiran terperinci.
spiritual	rohaniah, bersifat rohani atau jiwa.

statistik	perangkaan atau angka yang memberi informasi tentang kadar.
substance	isi atau kandungan yang tertulis.
syafaat	kelebihan yang dikurniakan Allah kepada Rasulullah SAW untuk menolong umatnya di padang mahsyar kelak.
syarak	hukum yang bersandarkan ajaran agama Islam.
syirik	perbuatan menyekutukan Allah, baik dengan keyakinan, ucapan atau perbuatan.
target	sasaran utama atau matlamat.
termeterai	terikat dalam persetujuan dua pihak.
transaksi	persetujuan jual beli atau urus niaga perdagangan.
wisdom	kewajaran kerana kebijaksanaan atau kearifan.

Indeks

Umum telah pun mengetahui bahawa agama Islam amat tegas dalam amalan riba – iaitu amalan yang keji dan tergolong dalam salah satu **dosa besar**. Dari segi bahasa sendiri digambarkan bahawa riba membawa maksud tambahan atau kenaikan, dan diperjelaskan dalam istilah riba iaitu **bunga berganda yang membebankan**.

Riba muncul dan bermaharajalela sejak zaman jahiliah lagi, yang mana ia jelas menunjukkan **penindasan** terhadap orang yang berharap dan orang yang miskin. Istilahnya – '**membantu kemudian membunuh**'. Apabila Islam muncul, riba dikeji dan diperangi habis-habisan. Amalan riba diharamkan kerana tiada keadilan kepada orang yang memerlukan dan perlakuan riba itu adalah **perbuatan zalim yang melampau**. Kini pada akhir zaman, riba muncul semula tetapi dalam situasi yang 'berhemah' dengan simbolnya – '**mengikut kemampuan semasa**'.

ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin daripada Universiti Malaya dan seterusnya Sarjana (M.A) dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh daripada Universiti al-Yarmouk, Jordan. Beliau juga merupakan salah seorang pelajar terbaik Sarjana Fiqh di universiti berkenaan. Pernah bertugas sebagai Eksekutif Syariah di Ingress Corporation Berhad dan Felo Penyelidik di sebuah pusat kajian pendidikan swasta, menyertai RHB ISLAMIC Bank Berhad sebagai Pengurus Unit Syariah, menyertai Asian Finance Bank Berhad dan sekarang bertugas di Penasihat Syariah C & S Investment, British Virgin Island dan beberapa buah bank Islam dan syarikat di Malaysia dan Singapura. Bermula Oktober 2007 beliau bertugas sebagai Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Kulliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan. Beliau juga sedang menyambung pelajarannya di peringkat PhD. Selain itu, beliau aktif menulis dan merupakan kolumnis METRO Ahad, Majalah i dan Solusi serta editor majalah Iktisad. Beliau juga pernah muncul di media seperti radio ikim.fm, TV 9, dan RTM membicarakan pelbagai isu dan hal ehwal syariah, ekonomi Islam dan perbankan Islam. Orang ramai boleh melayari laman web www.zaharuddin.net dan juga sistem sms hukum 33221.

ISBN 978-967-5102-90-5
TBBK 1160
Semenanjung Malaysia: RM 20.00
Sabah & Sarawak: RM 22.00